



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

PENGGAL KETIGA

MESYUARAT PERTAMA

SHAH ALAM, 31 MAC 2015 (SELASA)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali, S.M.S. (Bukit Antarabangsa)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad(Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimatun Saadiyah Binti Bohan
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

TIDAK HADIR

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.
(Sungai Pinang)
(Dengan maaf)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Encik Mohd Khairul Ashraff Bin Radzali
Ketua Penolong Setiausaha

Puan Diana Binti Shuwardi
Penolong Setiausaha

Encik Jurasmadi bin Pauzi
Penolong Setiausaha

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Bentara

Encik Mohd Saifulnizam bin Hasmawi
Encik Izal Izlan bin Misnon

Pelapor Perbincangan

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismilahir Rahmannir Rahim, Assalamualaikum Warahmatuallahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Ketiga belas bagi hari yang kedua, 31 Mac 2015 dimulakan dengan bacaan doa:

I. DOA

TUAN SPEAKER: Salam sejahtera dan selamat pagi dan selamat datang kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negeri Selangor, Pegawai-pegawai Kerajaan dan para pemerhati sekalian. Bertemu kembali dalam Mesyuarat Pertama Dewan yang mulia ini bagi Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor yang Ketiga Belas.

Sebelum Aturan urusan mesyuarat diteruskan, saya ingin memaklumkan sehingga hari ini saya belum menerima sebarang nama daripada Barisan Nasional bagi melantik Ketua Pembangkang Negeri Selangor yang akan turut dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Selangor (PAC). Menurut Peraturan Tetap 68(1): Hendaklah ada sebuah Jawatankuasa yang akan dinamakan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan dilantik pada awal tiap-tiap penggal persidangan dan dipengerusikan oleh Ketua Pembangkang. Maka dengan ini saya telah mengosongkan tempat atau pun kerusi Ketua Pembangkang di sebelah kiri saya.

Di sini saya juga ingin memaklumkan bahawa Yang Berhormat Dato' Teng Chang Khim, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Pinang tidak dapat menghadiri mesyuarat mulai 30 Mac hingga 3 April 2015 kerana menjalankan tugas rasmi untuk menyertai *Annual Investment Meeting* di Dubai. Permohonan cuti telah dikemukakan kepada saya dan saya telah meluluskan permohonan beliau.

Seterusnya saya ingin memaklumkan bahawa jawapan bagi soalan Mulut tidak lagi diedarkan secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat boleh menyemak jawapan bagi soalan Mulut yang diajukan melalui draf *hansard* yang diedarkan melalui e-mel pada hari berikutnya.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa pelantikan Timbalan Speaker telah dijalankan pada Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas dengan mengadakan undian. Menurut Peraturan Tetap 4 (7), setelah cukup tempoh sebulan, kertas-kertas undi tersebut perlu dibakar dan Setiausaha Dewan perlu memperakui kepada Dewan mengatakan kertas-kertas itu telah dibakar. Saya menjemput Setiausaha Dewan untuk memperakui.

SETIAUSAHA DEWAN: Saya dengan ini memperakui bahawa telah melupuskan kertas-kertas undi bagi pelantikan Timbalan Speaker pada 24 Disember 2014.

II. MEMBENTANGKAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT:

Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya membentangkan Kertas-kertas Mesyuarat :-

- 1) Kertas Mesyuarat Bilangan 1 Tahun 2015
 - Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan (No.2) (2014) 2015
- 2) Kertas Mesyuarat Bilangan 2 Tahun 2015
 - Anggaran Perbelanjaan Perbekalan Tambahan Kedua 2014 Dan Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Perbekalan Tambahan Kedua 2014 Kerajaan Negeri Selangor.
- 3) Kertas Mesyuarat Bilangan 3 Tahun 2015
 - Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban Dan Ketelusan (*Special Select Committee On Competence, Accountability And Transparency-SELCAT*) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011.
- 4) Kertas Mesyuarat Bilangan 4 Tahun 2015
 - Penyata Jawatankuasa Hak & Kebebasan Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Isu Pembayaran Kemudahan Dan Keistimewaan Ahli Dewan Negeri Selangor ("ADN") Yang Pernah Digantung Di Negeri Selangor.
- 5) Kertas Mesyuarat Bilangan 5 Tahun 2015
 - Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah Dan Tanah (JP-PADAT) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Masalah-masalah Yang Dihadapi oleh Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) Di Selangor.
- 6) Kertas Mesyuarat Bilangan 6 Tahun 2015
 - Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Cadangan Menyelesaikan Punca-Punca Kemiskinan Dan Ketidaksamarataan Di Kalangan Rakyat Negeri Selangor.
- 7) Kertas Mesyuarat Bilangan 7 Tahun 2015
 - Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Sdn. Bhd. (KUIS)

- 8) Kertas Mesyuarat Bilangan 8 Tahun 2015
 - Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan MAIS *Health Care Services* Sdn. Bhd.
- 9) Kertas Mesyuarat Bilangan 9 Tahun 2015
 - Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan MAIS *Construction & Properties* Sdn. Bhd.
- 10) Kertas Mesyuarat Bilangan 10 Tahun 2015
 - Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Selaman Sdn. Bhd. (SSB)
- 11) Kertas Mesyuarat Bilangan 11 Tahun 2015
 - Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan P.J. Sentral Development Sdn. Bhd. (PJ Sentral)
- 12) Kertas Mesyuarat Bilangan 12 Tahun 2015
 - Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Selangor *Fruit Valley* (SFV) Dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) *Livestock Farm* Sdn. Bhd.
- 13) Kertas Mesyuarat Bilangan 13 Tahun 2015
 - Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Mentah Selangor (*Select Committee On Raw Water Resource Management Of The State Of Selangor – JPK-SAM*) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Gangguan Bekalan Air Tidak Berjadual Di Wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat Dan Sepang Disebabkan Pencemaran Di Sungai Semenyih.
- 14) Kertas Mesyuarat Bilangan 14 Tahun 2015
 - Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Mentah Selangor (*Select Committee On Raw Water Resource Management Of The State Of Selangor – JPK-SAM*) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Pengurusan Air Selangor Dan Pembekalan Sumber Air Mentah Sungai Selangor.

- 15) Kertas Mesyuarat Bilangan 15 Tahun 2015
 - Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Mentah Selangor (*Select Committee On Raw Water Resource Management Of The State Of Selangor – JPK-SAM*) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Pelaksanaan *Hybrid Off River Augmentation System* (HORAS) 600.
- 16) Kertas Mesyuarat Bilangan 16 Tahun 2015
 - Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Mentah Selangor (*Select Committee On Raw Water Resource Management Of The State Of Selangor – JPK-SAM*) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Pencemaran Ammonia Di Loji Rawatan Air Batu 11 Cheras Dan Bukit Tampo Di Sungai Langat.
- 17) Kertas Mesyuarat Bilangan 17 Tahun 2015
 - Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Dasar Perumahan Dalam Konteks Pembasmian Kemiskinan Di Kalangan Masyarakat Negeri Selangor.
- 18) Kertas Mesyuarat Bilangan 18 Tahun 2015
 - Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Program Pemberian Baucar Perayaan *Jom Shopping*.
- 19) Kertas Mesyuarat Bilangan 19 Tahun 2015
 - Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Golongan Gelandangan.
- 20) Kertas Mesyuarat Bilangan 20 Tahun 2015
 - Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban Dan Ketelusan (*Special Select Committee On Competence, Accountability And Transparency-SELCAT*) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung “Isu Kualiti Air Lombong Untuk Kegunaan Rakyat Selangor”.
- 21) Kertas Mesyuarat Bilangan 21 Tahun 2015
 - Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Bukit Beruntung Golf & Country Resort Berhad (BBGCB).

III. PERTANYAAN-PERTANYAAN

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker, soalan No. 1.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN NG SUEE LIM (N04 SEKINCHAN)

TAJUK : PENYUSUAN SEMULA INDUSTRI AIR SELANGOR

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-
 - a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini usaha penyusunan tersebut?
 - b) Sila nyatakan apakah kekangan yang dihadapi sehingga menyebabkan usaha tersebut masih enggak bias sukses sepenuhnya?
 - c) Sila nyatakan apakah perancangan KNS sekiranya usaha tersebut menemui jalan buntu?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon izin untuk menjawab soalan No. 1 daripada Yang Berhormat Sekinchan bersama-sama soalan No. 157 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Meru dan 164 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kampung Tunku kerana ketiga-tiga soalan ini menyentuh perkara yang sama berhubung penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor. Memandangkan isu yang dibangkitkan adalah isu yang khusus dan melibatkan kepentingan awam, saya juga memohon izin masa tambahan dari Yang Berhormat Tuan Speaker kerana penjelasan yang terperinci amat penting bagi mengelakkan kecelaruan, tafsiran dan pandangan yang berbeza. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya akan menjawab dan menerangkan perkara-perkara berikut pertama matlamat penstrukturan dan kedua status terkini penstrukturan. Dan yang ketiga adalah status rundingan dengan Puncak Niaga. Seperti yang kita sedia maklum industri perkhidmatan air di Negeri Selangor pada hari ini adalah *flat matted* dan tidak dijalankan secara holistik, di mana aktiviti rawatan dan juga agihan dikendalikan oleh operator yang berlainan. Keadaan yang tidak holistik ini telah menyumbang kepada pengurusan yang tidak cekap dan kos operasi yang membebankan pengguna melalui kenaikan tarif yang tinggi. Justeru itu sebagai usaha untuk menyelesaikan isu masalah air yang dihadapi oleh

industri perkhidmatan air di Negeri Selangor, kerajaan negeri melalui MMKN pada 11 Julai 2007 telah bersetuju dengan penyusunan semula pemegang konsesi air Selangor di bawah satu konsortium yang akan diterajui oleh KDEB. Objektif penstrukturan semula adalah untuk mengambil alih semua syarikat konsesi air di Negeri Selangor dan menyusun semula industri perkhidmatan air ke arah satu perkhidmatan yang holistik di bawah satu operator yang dimiliki penuh oleh kerajaan negeri dan dikawal selia di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air Negara (SPAN) bagi merealisasikan perkhidmatan air yang efisien, efektif, berdaya saing dan mapan untuk memenuhi ciri-ciri berikut :-

- 1) Sebuah syarikat yang dimiliki penuh oleh kerajaan negeri dan di bawah kawalan kerajaan negeri;
- 2) Sebuah syarikat operator perkhidmatan air berlesen di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 atau pun Akta 655;
- 3) Sebuah syarikat yang beroperasi secara aset *light* dengan menumpukan perhatian dengan sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan berasaskan syarat lesen dan KPI yang dikawal selia oleh SPAN.

Ini adalah kerana pada ketika ini operator-operator yang mengendalikan industri air ini mempunyai aset yang besar yang memerlukan *CAPEX* untuk mengoperasikan dan menambah baik aset tersebut. Dalam menentukan nilai yang perlu dibayar kepada syarikat konsesi air sedia ada, Kerajaan Negeri amat menitikberatkan kepentingan pengguna dan pada masa yang sama tidak merugikan mana-mana pihak kerana nilai yang diputuskan akan memberi implikasi dan kesan ke atas kadar sewa pajak dan tarif air kepada pengguna. Perkara yang kedua ialah status rundingan penstrukturan semula industri perkhidmatan air dan isu-isu yang berbangkit. Dalam usaha untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor pada 12 September 2014, perjanjian utama ataupun *Master Agreement* telah ditandatangani di antara Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, Pengurusan Aset Air Berhad dan Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. ataupun Air Selangor. Salah satu terma utama didalam perjanjian utama tersebut adalah mengenai *Condition Presedant* ataupun CP yang mana memperuntukkan bahawa perjanjian pembelian saham ataupun SPA di antara air Selangor dan Puncak Niaga Holding Berhad sebagai pemegang saham utama di dalam Puncak Niaga Sdn. Bhd. dan SYABAS hendaklah ditandatangani dalam tempoh 60 hari dari tarikh perjanjian utama. Pada 11 November 2014, anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri iaitu Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. atau Air Selangor telah menandatangani perjanjian pembelian saham dengan Puncak Niaga Holding Berhad. Pembelian saham dari Puncak Niaga Holding Berhad ini melibatkan syarikat pemegang konsesi air iaitu SYABAS dan Puncak Niaga Holding Sdn. Bhd. Pada 22 September 2014, Kerajaan Negeri dan Air Selangor telah

menandatangani perjanjian pindahan aset untuk memindahkan aset bekalan air yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri kepada Air Selangor. Ini menunjukkan kesungguhan dan komitmen Kerajaan Negeri dalam memenuhi peruntukan yang ditetapkan dalam perjanjian utama sebagai usaha untuk menjayakan penstrukturan semula. Selanjutnya, pemegang saham di dalam konsortium ABAS Sdn. Bhd. sedang dalam proses memuktamadkan penjualan ekuiti kepada Air Selangor lanjutan keputusan MMKN pada 7 Januari 2015 yang memberikan persetujuan supaya Titisan Modal Sdn. Bhd. sebagai pemegang saham 100% di dalam Konsortium ABAS menjual saham kepada Air Selangor bagi tujuan memenuhi syarat terdahulu yang diperuntukkan didalam perjanjian utama. Yang perlu diberikan penekanan di sini ialah di dalam perjanjian utama telah pun dipersetujui bahawa aset-aset milik Kerajaan Negeri bersama tanah bernilai sehingga RM2 billion akan dipindah milik kepada PUB oleh Air Selangor untuk Air Selangor mendapatkan pembayaran tunai berjumlah RM2 billion bagi membiayai pengambilalihan syarikat-syarikat konsesi melalui pembelian ekuiti. Antara aset air yang telah disenaraikan untuk dipindah milik yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri ialah Loji Rawatan Air Sungai Semenyih dan juga Loji Rawatan Air Bukit Nanas, Loji Rawatan Air Sungai Langat dan Loji Rawatan Air SSP1. Namun, dalam mesyuarat yang diadakan di KETTHA pada 16 Februari 2015, dimaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan telah memuktamadkan bahawa aset-aset air yang terletak di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah hak milik Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan enggan menerima pindah milik tapak tanah dan kedua-dua aset tersebut sebagai aset yang akan dipindah milik kepada PUB. Walaupun di dalam perjanjian utama (*master agreement*) yang ditandatangani pada 12 September 2014 telah pun disenaraikan aset-aset air milik Kerajaan Negeri Selangor di mana Sungai Semenyih dan Bukit Nanas disenaraikan di dalam apendiks 3 dan telah diteliti oleh Kerajaan Persekutuan, ditandatangani *Master Agreement* dan diturunkan *initial* pada setiap helaian *Master Agreement* tetapi hari ini Kerajaan Persekutuan berdolak-dalik dan cuba memutarbelitkan kenyataan. Oleh kerana wujud pertikaian di atas hak milik kedua-dua aset tersebut, Kerajaan Negeri telah menyatakan kesediaan untuk menyemak dan berbincang lanjut bagi memastikan penyelesaian yang adil bagi kedua-dua pihak. Itu isu yang pertama. Isu yang kedua. Pemilikan aset oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Kerajaan Persekutuan melalui KETTHA telah mengambil pendirian baru di mana pemindahan hak milik aset-aset air syarikat konsesi ataupun CCWA (*Consession Companies Water Assets*) yang akan dipindah milik kepada PUB perlu dipindahkan bersama-sama hak milik tanah aset-aset air tersebut. Sedangkan didalam perjanjian utama yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Persekutuan pada 12 September telah secara khusus menyatakan aset-aset air milik syarikat konsesi akan dipindah milik aset sahaja dan bukan tanah yang berkenaan. Maka, Kerajaan Negeri telah menyenaraikan aset-aset milik syarikat konsesi air yang akan dipindah milik kepada PUB secara *detail* di dalam apendiks yang ketujuh. Bukan setakat aset milik air syarikat konsesi yang akan dipindah milikan tetapi kita juga telah bersetuju hanya *upgraded and rehabilitated parts of the water treatment plant*. Maknanya bukan semua aset itu

akan dipindah milikan. Hanya yang telah dinaiktaraf dan ditambah baik. Dan ini Kerajaan Persekutuan telah bersetuju. Telah tandatangani dan telah *initial* di dalam setiap helaian perjanjian utama. Mengapa hari ini Kerajaan Persekutuan tampil semula ke Kerajaan Negeri dengan menyatakan bukan setakat aset milik syarikat konsesi tapi tanah juga mesti diberikan juga kepada Kerajaan Persekutuan. Apakah Dewan ini nak membenarkan perkara ini berlaku? Itu perkara yang kedua. Perkara yang ketiga. Kerajaan Negeri berpandangan bahawa pendirian KETTHA tersebut adalah bertentangan dengan semangat asal perjanjian utama digubal. Hasrat untuk mengasingkan hak milik aset air daripada hak milik tanah di mana terletaknya aset air tersebut adalah berpaksikan kepada justifikasi bahawa syarikat konsesi tidak pernah diberikan hak milik tanah kerana tanah-tanah adalah milik Kerajaan Negeri. Oleh itu, tapak tanah aset syarikat konsesi air tidak termasuk di dalam senarai aset-aset syarikat konsesi yang akan dipindah milik kepada PUB seperti yang telah disenaraikan oleh apendiks 7 dalam *Master Agreement* yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Persekutuan dan diturunkan *initial* di dalam setiap helaian perjanjian tersebut. Tambahan pula, seperti yang saya nyatakan tadi aset yang disenaraikan untuk dipindah milik kepada PUB yang disenaraikan dalam apendiks 7 ini hanya tertakluk kepada aset air yang telah dinaik taraf dan ditambah baik oleh syarikat konsesi dan sedangkan tapak tanah adalah milik Kerajaan Negeri. Akhirnya, Y.B. Tuan Speaker, perkara yang berbangkit ialah jika pendirian KETTHA ini dipersetujui ianya bermakna kesemua pemindahan aset syarikat konsesi kepada PUB mesti diserahkan bersama pemindahan milik tapak tanah di mana terletaknya aset-aset tersebut. Maka Kerajaan Negeri tidak lagi menjadi pemilik ke atas tanah-tanah tersebut dan ini bercanggah dengan *Master Agreement*. Di samping itu, KETTHA juga enggan menerima pemindahan milik hanya bahagian-bahagian aset air yang telah dipulihkan dan ditingkatkan oleh syarikat-syarikat konsesi seperti mana yang disenaraikan di dalam perjanjian utama di bawah senarai aset-aset syarikat konsesi. Sebaliknya meletakkan syarikat ketiga yang baru. Bukan sahaja aset milik syarikat konsesi yang telah dinaiktaraf dan ditambah baik kena serahkan. Semuanya mesti diserahkan. Sama ada telah ditambah baik ataupun belum ditambah baik mesti diserahkan. Ini sekali lagi bercanggah dengan apendiks 7 *Master Agreement* yang dengan jelas menyatakan *upgraded and rehabilitated parts of the following WTP* ataupun *water treatment plant* yang disenaraikan sebanyak 28 *water treatment plant* yang telah dipersetujui secara bersama dalam perjanjian tersebut. Saya nak bagi contoh, Loji Rawatan Sungai Sireh yang juga disenaraikan dalam *Master Agreement*. Loji Rawatan Sungai Sireh ini adalah milik Kerajaan Negeri. Namun, Puncak Niaga memang telah melakukan beberapa penambahbaikan dan membaik pulih loji rawatan yang berkenaan. Yang kita setuju, bahagian yang telah ditambah baik dan dipulihkan Puncak Niaga kita serahkan kepada PUB. Yang lain adalah milik Kerajaan Negeri yang telah dipersetujui di dalam *Master Agreement*. Mengapa hari ini tampil semula setelah enam bulan minta bukan sahaja aset yang telah ditambah baik tetapi semua aset milik syarikat konsesi mesti diserahkan. Begitu juga dengan paip. Kita ada 26,000 km paip di Negeri Selangor. Mengikut maklumat yang kita perolehi, hanya 2,000 km paip yang telah dibaik pulih. Apakah

kita nak serahkan 26,000 km paip kepada Kerajaan Persekutuan dengan 26,000 km jajaran tanah kepada Kerajaan Persekutuan? Saya ingin menegaskan seperti yang telah dititahkan oleh Tuanku kedaulatan Kerajaan Negeri Selangor mesti dipertahankan dan tidak diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan. Y.B. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri berpendirian bahawa perjanjian utama yang telah dirunding dan dipersetujui pada September tahun lalu adalah berdasarkan prinsip dan semangat *commercial agreement* untuk mengasingkan tanah dan aset air syarikat konsesi. Ini adalah berdasarkan hujah-hujah berikut :-

- i. Syarikat konsesi tidak memiliki apa-apa tanah di dalam buku akaunnya. Syarikat konsesi hanya menaik taraf aset air di atas tanah milik kerajaan. Jadi, bila dia naik taraf dia perlu mendapatkan pinjaman. Dan pinjaman inilah yang kita nak serahkan kepada PUB supaya PUB akan menanggung tanggungan tersebut dan Kerajaan Negeri akan *lease* ataupun pajak aset tersebut daripada PUB. Akhirnya Y.B. Tuan Speaker, saya juga ingin menyatakan di sini bahawa keengganan Kerajaan Persekutuan menerima pemindahan milik hanya bahagian-bahagian aset air yang telah dipulihkan dan ditingkatkan oleh syarikat konsesi seperti mana yang telah disenaraikan dalam perjanjian utama sebaliknya meletakkan syarat supaya keseluruhan aset bersama pemilikan tanah dipindahkan kepada PUB menunjukkan bahawa Kerajaan Persekutuan inginkan hak milik keseluruhan loji rawatan air yang terlibat berserta tapak tanah walaupun hanya sebahagian sahaja dari aset tersebut menjadi hak milik syarikat konsesi. Oleh kerana Kerajaan Persekutuan mempunyai pendirian enggan menerima pindah milik tapak tanah ke atas pemilikan aset oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya seperti saya nyatakan tadi Bukit Nanas dan Semenyih serta menggariskan pemindahan hak milik aset syarikat konsesi yang akan dipindah milik kepada PUB perlu dipindahkan bersama hak milik tapak tanah aset tersebut maka Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil pendirian yang tegas untuk tidak melanjutkan perjanjian utama selepas 9 Mac 2015 yang lalu. Perbincangan dan perundingan selanjutnya mengenai perkara-perkara yang diuraikan di atas, bagi saya perlu diteruskan dengan syarat Kerajaan Persekutuan mesti berpegang kepada prinsip dan terma dalam perjanjian utama yang telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Sekiranya Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk berpegang kepada prinsip itu Kerajaan Negeri memberi komitmen kita akan memuktamadkan perjanjian utama dengan segera bagi kepentingan rakyat di Negeri Selangor.

Ada perkara ketiga yang saya perlu jelaskan di sini yang telah dicabuli oleh Kerajaan Persekutuan iaitu pendirian Kerajaan Persekutuan mengenai pemindahan aset-aset ini turut mempengaruhi keperluan mendapatkan lesen kemudahan lesen perkhidmatan oleh Air Selangor. Kita harus ingat aset air di Negeri Selangor bernilai 14.90 bilion ringgit. Kita telah bersetuju supaya 2 bilion ringgit aset ini akan diserahkan kepada PAP untuk mendapatkan pembiayaan bagi mengambil alih 4

syarikat konsesi yang berkenaan. Maknanya kita ada 12.9 bilion aset di Negeri Selangor. Mengikut perjanjian utama Kerajaan Persekutuan perlu mengeluarkan lesen kemudahan dan lesen perkhidmatan kepada Kerajaan Negeri untuk kita mengoperasikan aset-aset tersebut. Di bawah lesen individu ini terdapat beberapa kategori lesen antaranya lesen kemudahan dan lesen perkhidmatan. Lesen kemudahan ini diberikan kepada mereka yang mempunyai satu sistem bekalan air atau mana-mana bahagian daripada sistem bekalan air tersebut. Bagi membolehkan Air Selangor menjadi pemegang lesen kemudahan Air Selangor perlu memiliki suatu sistem bekalan air atau mana-mana bahagian sistem bekalan air tersebut. Dalam hal ini sekiranya Kerajaan Persekutuan berpendirian bahawa semua aset termasuk aset *CCWA* ataupun *Concession Companies Water Asset* itu perlu dipindahkan kepada *PAP* bermakna Air Selangor tidak lagi menjadi pemilik aset dan tidak menepati syarat untuk memegang lesen kemudahan, sebaliknya lesen kemudahan ini akan diberi kepada *PAP* selaku pemilik ke atas aset air tersebut. Sekiranya *PAP* diberikan lesen kemudahan bagi mengendalikan aset ataupun air yang pada asalnya milik Kerajaan Negeri Selangor maka Kerajaan Negeri tidak mempunyai kawalan penuh ke atas *PAP* kerana *PAP* bukanlah milik penuh syarikat Kerajaan Negeri memindah Syarikat Kerajaan Negeri. Matlamat asal ialah yang saya sebut tadi ialah kita mahu Kerajaan Negeri memindah milik aset kepada memastikan Air Selangor untuk memastikan Air Selangor ini diberikan lesen kemudahan di bawah Akta 655. Didalam perjanjian utama ini penting telah diperuntukkan bahawa tertakluk kepada permohonan yang telah dibuat bagi maksud perjanjian tersebut, Kerajaan Persekutuan hendaklah dengan sedaya upaya untuk memberi bantuan yang sewajarnya kepada Air Selangor untuk mendapatkan kelulusan lesen yang diperlukan berhubung dengan pihak itu menjalankan hak dan menjalankan obligasi di bawah perjanjian tersebut. Yang Berhormat, Ahli- Ahli Yang Berhormat, perkara ini telah menjadi perbincangan yang sengit dalam Dewan Rakyat baru-baru ini di antara saya dengan Yang Berhormat Menteri lanjutan daripada itu Yang Berhormat Menteri telah menulis surat bertarikh 12 Mac 2015 menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan telah bersedia mematuhi semangat dan terma perjanjian utama maka Kerajaan Negeri menyambut baik dan kita telah pun hadir dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Air yang telah dipanggil oleh kita pada 23 Mac 2015 yang lalu. Kerajaan Negeri bersedia untuk memulakan semula rundingan dengan Kerajaan Persekutuan dengan syarat rundingan hendaklah dibuat dengan mengambil kira prinsip takrifan semangat dan *commercial agreement* semasa rundingan dibuat untuk memuktamadkan perjanjian utama berdasarkan suatu *commercial agreement* untuk mengasing tanah, aset air dan aset yang telah dinaiktaraf oleh syarikat konsesi dan jelas dicerminkan dalam perjanjian utama seperti takrifan berkaitan urusan pindah milik utama seperti *CCWA* di mana hanya aset yang dimiliki *beneficially orlegally owned* oleh syarikat konsesi akan dipindah milik. Soalan yang terakhir berhubung status rundingan dengan Puncak Niaga Puncak Holdings Berhad yang dibangkitkan oleh Kampung Tunku, perbincangan masih berterusan untuk mencari jalan penyelesaian yang sewajarnya ke atas isu-isu yang telah dikemukakan oleh

Kerajaan Persekutuan berkaitan dengan perjanjian utama *Master Agreement* justeru tarikh bagi memuktamadkan perjanjian pembelian saham *SPA Share Purchase Agreement* ataupun aset telah dilanjutkan di antara pengurusan Air Selangor dengan Puncak Niaga bagi pengambilalihan bagi 70% pegangan saham dalam Syarikat Bekalan Air Selangor dan 100% pegangan saham dalam Puncak Niaga telah dilanjutkan pada 9 April 2015. Oleh kerana *Master Agreement* yang saya bincang panjang tadi belum dimuktamadkan maka ini telah mempengaruhi keadaan perjanjian *SPA* di antara Air Selangor dengan Puncak Holdings Berhad dan kita berharap supaya sebaik sahaja MA ini dimuktamadkan kita dapat menyelesaikan *SPA* ini dengan Puncak Niaga. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana telah jawab dengan teliti mengenai isu penstrukturan air ini. Saya hendak soalan tambahan saya ialah berkenaan dengan apakah motif sebenar Kerajaan Persekutuan, apakah motif sebenar kerana dalam *Master Agreement* semuanya sudah tertulis dengan nyata kenapa mereka nak sapu tanah dan sapu aset, sapu loji milik Negeri Selangor, apa motif sebenar? Sila Yang Berhormat Dato' Menteri Besar perjelaskan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Saya tidak pasti apa motif Kerajaan Barisan Nasional sebab saya bukan berada dalam kumpulan itu. Namun daripada maklumat yang saya perolehi ada kemungkinan dengan keadaan ekonomi yang semakin getir pada hari ini. Kerajaan Persekutuan sudah hampir bankrap dan tidak mempunyai wang untuk menyelesaikan dan memuktamadkan perjanjian ini dan ini ada kaitan dengan isu 1MDB di mana hutang sudah mencecah 45 bilion ringgit dan tidak dapat diselesaikan maka mereka menggunakan alasan berdolak-dalik dan cuba mengaburkan setiap mesyuarat ditukarkan dan ini tidak mungkin kita memuktamadkan tapi saya ingin memberitahu kepada seluruh rakyat di Negeri Selangor bahawa Kerajaan Negeri komited untuk memuktamadkan perjanjian ini dengan syarat Kerajaan Persekutuan mesti akur dengan perjanjian yang telah ditandatangani pada tahun 2014.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Soalan tambahan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Terima kasih saya terima kasih, kerana diberi peluang. Pertama sekali saya agak hairan juga apabila isu penangguhan ataupun pembatalan.

TUAN SPEAKER: Terus kepada soalan, soalan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Soalan saya ialah mengapa ada kaitan 1MDB dengan apa ini adalah sangkaan yang tidak betul kaitan 1MDB dan isu bankrap. Apa bukti-bukti yang menunjukkan bahawa kerajaan bankrap sedangkan keadaan hutang negara di *manage* apa orang katadengan baik oleh Bank Negara. Perkara ini sebenarnya dibincangkan di Parlimen tetapi sebab Sekinchan tadi membangkitkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Yang Amat Berhormat telah menuduh Kerajaan kerana Kerajaan akan bankrap saya nak minta Yang Amat Berhormat Menteri Besar tunjukkan bukti-bukti yang sah Kerajaan akan bankrap.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Burong yang bertanyakan tentang 1MDB. Saya kira kalau Yang Berhormat Sungai Burong ingin mendapatkan penjelasan yang terperinci tentang 1MDB boleh hadir taklimat oleh Tun Dr. Mahathir yang mempunyai dokumen, fakta yang cukup tepat dan sah bagaimana Kerajaan yang ada pada hari ini sebuah kerajaan yang korup yang tidak dapat menguruskan ekonomi dengan baik dan membenarkan satu syarikat yang ada kaitan langsung dengan pemimpin tertinggi kerajaan sekarang boleh berhutang sebanyak RM45 bilion. Apa jadi kepada syarikat ini pastinya akan memberi kesan kepada sistem perbankan negara dan juga ekonomi negara. Ini Yang Berhormat Sungai Burong kena akui. Kalau tidak mengapa GST dilaksanakan besok Sungai Borong. Sebab Kerajaan Persekutuan sendiri mengaku di dalam Parlimen mereka perlu melaksanakan GST untuk meningkatkan pendapatan Kerajaan Persekutuan yang semakin berkurangan. Ini fakta yang perlu Burong tahu dan dengarlah ceramah-ceramah yang kita anjurkan selepas ini. Terima kasih.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Saya tak benarkan soalan tambahan kerana sudah memesong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Saya nak minta penjelasan

TUAN SPEAKER: Memesong 1MDB. Sabak.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Tuan Speaker, soalan nombor 2.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(SABAK)**

TAJUK : PERMOHONAN KEMASUKAN KE SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA JAIS

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-
- a) Mohon YAB menjelaskan berkaitan permohonan kemasukan ke sekolah-sekolah menengah agama JAIS :
- i. Berapa jumlah permohonan awal tahun 2015?
 - ii. Berapa jumlah yang ditolak dan diterima?
 - iii. Apakah alternatif kerajaan negeri bagi yang ditolak?

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:Terima kasih Tuan Speaker , Sabak bertanyakan berkaitan permohonan kemasukan Sekolah-sekolah Agama JAIS. Jumlah permohonan kemasukan ke Tingkatan Satu Sekolah-sekolah Menengah Agama JAIS awal tahun 2015 berjumlah 12,594 permohonan. Jumlah permohonan ke Tingkatan Satu yang ditolak berjumlah 9,064 permohonan, manakala yang diterima berjumlah 3,530 permohonan. Bagi permohonan-permohonan yang ditolak Kerajaan Negeri ada membuat kerjasama dengan Sekolah-sekolah Islam Persendirian dan Swasta supaya boleh menerima sebahagian daripada mereka yang tidak berjaya ke Sekolah Menengah Agama di samping itu juga Kerajaan Negeri sebagaimana yang kita sedia maklum ada mengadakan kelas-kelas KAFA Menengah yang dibuka di semua daerah, satu KAFA setiap daerah dan kita mengesyorkan supaya mereka ini didaftarkan di dalam kelas-kelas tersebut. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kajang.

Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker, soalan nombor 3.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(KAJANG)**

TAJUK : STATUS TERKINI ISU BANJIR

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Minta Y.A.B. Dato' Menteri Besar memperincikan senarai projek-projek tebatan banjir di Kajang dan nyatakan status terkini berserta agensi-agensi yang terlibat.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh* dan salam sejahtera. Selamat pagi Tuan Speaker, terima kasih kepada Kajang yang bertanya. Di antara senarai projek-projek tebatan banjir di Kajang ialah seperti butiran berikut. Kerja-kerja menaiktaraf Sungai Jerluh fasa pertama yang bermula pada 12 November 2007 telah pun siap pada 14 Jun 2010 yang kos projeknya bernilai RM8,243,751.80. Kerja-kerja menaiktaraf Sungai Jerluh dilaksanakan di sepanjang 1km dan skop kerja termasuklah pelebaran sungai dari 8 meter kepada 12 meter yang bermula daripada Taman Sungai Jerluh sehingga ke Kampung Kelapa. Di antara projek lain seperti pembinaan saluran luas selari dengan jajaran KTMB yang bernilai RM 0.2 juta, pembaikan tebing *L shape* RM0.03 juta, membina *wall* di Kampung Sekolah RM0.1 juta, menaiktaraf pembinaan jambatan berhampiran pasar besar Kajang yang bernilai RM0.25 juta dan kerja-kerja selenggara dan penebasan secara berkala dan *ad hoc* yang bernilai RM0.02 juta. Diantara projek yang akan dilaksanakan kerja-kerja membaik pulih dan kestabilan tebing Sungai Jerluh di Pekan Kajang, Mukim Kajang Daerah Hulu Langat Selangor yang tendernya baru sahaja selesai ditutup pada 10 Mac 2015 dan kerja-kerja dijangka akan bermula pada bulan April 2015 dan dijangka siap pada 30 Mac 2016. Ini melibatkan beberapa skop kerja antaranya pembinaan di sepanjang 500 meter yang bermula daripada pasar Sungai Jerluh yang merangkumi pelebaran daripada 8 meter kepada 12 meter yang melibatkan struktur *L unit wall* mengikut cadangan projek ditapak bina, menaik taraf jambatan baru yang melibatkan jambatan penjalan kaki dan pemasangan struktur keluli di jajaran belakang bangunan Metro Kajang serta kerja-kerja yang berkaitan. Tindakan jangka panjang dan sedang dan akan diambil oleh jabatan adalah melalui kajian saliran bandar Kajang yang mengesyorkan pembinaan dan menaik taraf kolam takungan sedia ada di dalam kawasan penjara Kajang seluas 2.2 hektardan di antara agensi yang terlibat seperti yang ditanya oleh Kajang antaranya adalah JPS, JKR, SYABAS, Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat juga syarikat-syarikat *utilities* seperti *TelcoMaxis, Celcom, Digi, Telekom, TNB* dan juga *developers* seperti Metro Kajang

TUAN SPEAKER:Kajang.

Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya nak tanya sebab itu kita tunggulah untuk mendapatkan *result* daripada apa yang telah dirancangkan tetapi apakah isu pembangunan yang tidak terkawal di kawasan tadahan air di Hulu Sungai Jerluh itu diambil kira bersama-sama dengan projek-projek perumahan dan perlombongan pasir tanpa permit. Apakah Kerajaan boleh melihat itu sebagai punca dan apa yang

dibuat diberitahu sebagai jawapan itu hanyalah untuk menangani masalah yang timbul, terima kasih.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Sudah pasti bukan setakat perparitan sahaja yang dilihat. Begitu juga dengan apa yang telah disebut oleh Kajang. *Insyallah*, melalui soalan yang lain telah dibentuk *Task Force* banjir yang mana akan di sana akan dilibatkan semua agensi-agensi, jabatan-jabatan yang akan melihat punca-punca banjir dan cara penebatan ini secara yang menyeluruh.

TUAN SPEAKER: Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tuan Speaker, soalan saya, soalan nombor 4.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

**TAJUK: MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR HOLDINGS SDN. BHD.
(MSNS)**

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-
- a) Nyatakan pengarah, pemegang saham dan pengurusan MSNS kini serta kelayakan mereka?
 - b) Senaraikan sumbangan MSNS pada tahun 2014?
 - c) Apakah hala tuju dan strategi MSNS untuk masa hadapan selepas pelantikan Menteri Besar yang baharu?

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih Permatang atas soalan yang telah dikemukakan. Namun sebelum saya menjawab soalan ini untuk bahagian a, ingin saya jelaskan sekali lagi buat ke sekian kalinya dalam Dewan ini bahawa tidak pernah wujud satu entiti yang namanya Majlis Sukan Negeri Selangor Holdings Sdn. Bhd. Ini selalu salah faham yang wujud sebab pada satu masa dahulu MSNS Holdings ini merupakan anak syarikat kepada Majlis Sukan Negeri. Justeru, manusia dan ramai orang selalu menghubungkan MSNS Holdings ini kepada Majlis Sukan Negeri Selangor Holdings Sdn. Bhd. Jadi sebenarnya entiti ini bernama MSNS Holdings Sdn. Bhd. dan pada ketika ini atas nasihat daripada MBI, kita sedang mencuba untuk menukar nama syarikat ini supaya tidak menimbulkan kekeliruan.

Namun begitu elok saya juga menjawab bagi bahagian :-

- a) Syarikat ini pemegang sahamnya dimiliki 100% oleh MBI yang telah mengambil alih syarikat ini daripada Majlis Sukan Negeri Selangor pada sekitar tahun 2010 yang lalu dengan nilai jumlah sahamnya berjumlah RM1 juta. Senarai Ahli-ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada :-
- i. Y.B. Tuan Amirudin bin Shari, saya selaku EXCO Sukan dan ini ketetapan yang telah dibuat oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada bulan Ogos tahun 2014 yang lalu di mana EXCO Sukan harus menjawat atau pun menjadi sebagai Pengerusi kepada Lembaga Pengarah MSNS Holdings Sdn. Bhd.
 - ii. Y.B. Dato' Mohd Nordin bin Sulaiman, Pegawai Kewangan Negeri Selangor.
 - iii. Y.B. Dato' Mohd Roslan bin Sakiman, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Bahagian Pembangunan merangkap Ahli Lembaga Pengarah.
 - iv. Encik Azal bin Azhar, Bendahari Negeri merangkap Ahli Lembaga Pengarah MSNS Holdings Sdn. Bhd.

Pegawai-pegawainya pula adalah :-

- i. Encik Rohaidi bin Tugiro merupakan Pengurus Besar dengan kelayakan selaku Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan, Universiti Bolton. United Kingdom.
- ii. Cik Faizah binti Shahrin, selaku Eksekutif Kanan dengan kelulusan Ijazah Pertama *Accounting* di Universiti Putra Malaysia dan Part II ACCA.

Ini merupakan dua (2) penjawat utama bagi MSNS Holdings Sdn. Bhd.

- b) Senarai sumbangan yang telah dibuat oleh MSNS Holdings pada tahun 2014 :-
- i. Berjumlah RM13,875.00 yang merupakan sumbangan kepada Kerajaan Negeri yang berasaskan kepada laporan Audit yang sedang dinilai sekarang. Jadi angka ini mungkin bertambah dan berkurang bergantung dengan penilaian yang akan dibuat oleh pihak Audit nanti.
 - ii. Pulangan dalam bentuk sewaan kepada MBI berjumlah RM55,000.00.

- iii. Sumbangan dan derma kepada mangsa banjir berjumlah RM5,000.00 sesuai dengan tragedi banjir. Kita telah menyumbang kepada MBI dan Kerajaan Negeri menyalurkan kepada negeri-negeri yang terlibat.
- iv. Sumbangan bagi Kejohanan Badminton anjuran ECXO Belia dan Sukan pada 3 Januari 2014. Saya nak maklumkan pada masa itu, saya belum jadi EXCO Sukan. Jadi kita sudi sumbangkan sesuai untuk membantu program sukan berjumlah RM20,000.00.
- v. Sumbangan lain berjumlah RM10,500.00 kepada yayasan dan syarikat-syarikat serta individu atas permohonan untuk memohon sumbangan-sumbangan kebajikan sempena dengan Hari Raya Aidilfitri dan sumbangan anak yatim. Jadi saya ucap terima kasih.

c) Apakah hala tuju dan strategi.....

TUAN SPEAKER: Terus kepada jawapan Y.B. Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih. Untuk soalan c, MSNS Holdings sesuai dengan corak kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang baharu dalam perancangan untuk menjadi syarikat terulung dan bertanggungjawab dalam pengurusan kompleks-kompleks serta kemudahan sukan di negeri Selangor demi untuk mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan yang sedia ada serta menjaga aset-aset negeri Selangor untuk kepentingan pengguna, rakyat di negeri Selangor dan juga para atlet Selangor di samping memberi keselesaan dan mesra pengguna kepada masyarakat Selangor secara keseluruhannya. Jadi fokus kepada MSNS Holdings selepas ini ialah untuk menumpu kepada *asset facilities management* ataupun pengurusan aset di dalam negeri Selangor. Terutamanya dalam usaha Kerajaan Negeri menubuhkan Perbadanan Sukan bagi mengawal selia kemudahan-kemudahan sukan seperti stadium, kolam renang dan pelbagai kemudahan yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Tuan Speaker, ini soalan tambahan ke soalan seterusnya?

TUAN SPEAKER: Soalan seterusnya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih. Soalan nombor 5.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK: ISU PENCEMARAN AIR SUNGAI DAN GANGGUAN BEKALAN AIR

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah penjelasan kerajaan terhadap kegagalan mengesan punca dan kejadian pencemaran air sungai apabila kejadian ini telah berlaku berulang kali dan begitu kerap seolah-olah kerajaan tidak pernah belajar daripada kesilapan dan kecuaiannya sendiri?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Kampung Tunku. Saya akan jawab soalan 5 bersekali dengan soalan nombor 242, 296, 317 dan 328 iaitu daripada Yang Berhormat Kajang, Balakong, Lembah Jaya dan Semenyih.

- a) Setiap kali berlakunya kes kecemasan pencemaran sumber air, Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor yang diurusetia oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan dianggotai oleh pelbagai agensi dengan kadar segera akan menyiasat di tempat kejadian dan mengenal pasti punca pencemaran. Setiap agensi teknikal akan mengambil tindakan dan langkah penyelesaian dan sewajarnya berdasarkan bidang kuasa masing-masing bagi menyelesaikan pencemaran yang berlaku.
- i. Antaranya arahan serta-merta di tapak mengarahkan pihak bertanggungjawab mengambil tindakan pembaikpulihan segera sehingga masalah pencemaran diatasi.
- ii. Tindakan perundangan yang lebih tegas seperti penyitaan, tawaran kompaun dan pendakwaan turut diambil bagi memastikan isu pencemaran tidak berulang.

Namun terdapat beberapa kekangan dan cabaran yang dihadapi jawatankuasa ketika menjalankan siasatan dan menyelesaikan isu, antaranya pencemaran berlaku pada jangka masa yang singkat dan berlaku pada lewat petang atau malam yang menyukarkan pengenalpastian punca pencemaran.

Gangguan operasi Loji Pembersihan Air (LPA) Sungai Semenyih yang disebabkan oleh pelanggaran parameter Mangan ini juga merupakan isu baru dan kali pertama yang dihadapi. Kekurangan sumber rujukan antara kekangan yang dihadapi dalam mengenal pasti punca pencemaran.

Justeru, pemantauan dan siasatan berkala akan terus dijalankan bagi memastikan sumber air dipelihara daripada pelbagai aktiviti yang memberikan kesan negatif kepada kuantiti dan kualitinya.

Penguatkuasaan kuasa perundangan yang diperuntukkan dilaksanakan dalam penjagaan sumber air, adalah seperti berikut :-

- i. pelesenan Kemasukan atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2012,
- ii. pemberian Kebenaran Bertulis bagi Aktiviti Pengubahan Sumber, semua aktiviti yang dijalankan melibatkan badan air, dan
- iii. pengeluaran Notis Pemberitahuan Kesalahan, Kompaun dan pendakwaan bagi setiap kesalahan yang berkaitan dengan sumber air.

Dalam pada itu, usaha penjagaan dan pemuliharaan sumber air dipantau dan dikuatkuasakan melalui beberapa jawatankuasa yang ditubuhkan :-

- i. Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai,
- ii. Pasukan Petugas Lembangan Sungai, dan

Selain itu, beberapa program sedang dilaksanakan, antaranya :-

- i. Mewartakan kawasan rizab sungai sebagai zon perlindungan bagi tujuan kawalan fizikal dan kualiti air sungai;
- ii. Menyediakan daftar sumber air Negeri untuk tujuan kawalan dan penguatkuasaan;
- iii. Kajian semula inventori pemetaan pencemaran dengan penganalisan risiko tahap pencemaran dan menetapkan syarat yang lebih ketat; dan
- iv. Pembangunan *Decision Support System*, (DSS) bagi pengurusan Lembangan Sungai Selangor secara holistik.

Tuan Speaker, saya minta izin juga untuk masa tambahan kerana ada empat (4) soalan yang berkaitan dengan soalan nombor 5.

- b) Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan juga Jabatan Alam Sekitar serta agensi-agensi lain sentiasa bekerjasama untuk memastikan sumber air bersih disalurkan kepada rakyat Selangor. Pendekatan pengurusan sumber air bersepadu, dengan izin *Integrated Water Resource Management* (IWRM)

diguna pakai untuk mengurus sumber air dan lembangan secara holistik dan bersepadu melalui jawatankuasa yang telah dibentuk.

- c) Mekanisma, kawalan dan perundangan yang melibatkan efluen perindustrian adalah terletak di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 oleh Jabatan Alam Sekitar di Negeri Selangor.

Selain daripada itu, pihak Kerajaan Negeri juga boleh mengambil tindakan dengan merampas tanah milik kilang yang melanggar syarat nyata tanah di bawah Kanun Tanah Negara 1965 atau mana-mana undang-undang yang terpakai di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan kecuali kilang tersebut ataupun disyaki berada dalam senarai kilang-kilang dalam proses pemutihan.

Lembah Jaya telah bertanya secara spesifik tentang Loji Pembersihan Air Sungai Semenyih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: PENCEMARAN SUNGAI DI SELANGOR

296. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah kerajaan sudah mengenal pasti punca pencemaran ini?
- b) Bagi mengatasi masalah yang sama saban tahun, apakah tindakan jangka panjang yang telah diambil?
- c) Nyatakan tindakan tegas dari segi perundangan yang telah diambil dan apakah kerajaan menjamin gangguan ini tidak akan berlaku.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:

- a) Gangguan operasi Loji Pembersihan Air Sungai Semenyih pada 15 Februari serta 3, 7 dan 19 Mac 2015 adalah disebabkan penurunan parameter pH serta peningkatan parameter Mangan dan Ammoniakal Nitrogen di Sungai Semenyih.

Bagi gangguan pada 15 Februari 2015, hasil siasatan mendapati beberapa sampel air Sungai Semenyih mencatatkan bacaan parameter pH yang rendah antara 3.0 – 4.0. Namun, kesannya hilang apabila siasatan dijalankan di kawasan yang lebih hulu. Ini dipercayai pelepasan dilakukan dalam tempoh

yang singkat serta kesannya telah hilang dan telah mengalir ke kawasan hilir. Turut ditemui Sungai Purun, iaitu anak Sungai Semenyih yang mencatatkan bacaan pH yang rendah iaitu 2.7 dan dikenal pasti sebuah kilang yang melepaskan efluen dengan bacaan pH yang tidak mematuhi piawaian berdasarkan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 dan kini dalam pemantauan dan juga tindakan Jabatan Alam Sekitar.

Bagi gangguan pada 3, 7 dan 19 Mac 2015, sehingga kini tiada punca yang signifikan yang dikenal pasti menyumbang kepada masalah ini. Pemantauan di Sungai Purun pula mendapati paras pH adalah menunjukkan bacaan yang baik. Pemantauan akan terus dijalankan secara berkala bagi mengenal pasti punca sebenar masalah ini.

- b) Siasatan bersepadu telah dilaksanakan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat, Majlis Perbandaran Kajang dan Konsortium ABASS Sdn. Bhd. Bagi mengenal pasti punca pencemaran ini. Operasi pemantauan kualiti air sungai secara statik turut dijalankan di beberapa kawasan yang disyaki.

Gangguan operasi Loji Pembersihan Air (LPA) Sungai Semenyih yang disebabkan oleh pelanggaran parameter Mangan ini merupakan isu baru dan kali pertama dihadapi. Kekurangan sumber rujukan antara kekangan yang dihadapi dalam mengenal pasti punca pencemaran.

Pihak LUAS juga telah mendapatkan perkhidmatan Pusat Penyelidikan Forensik Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia untuk menjalankan pensampelan dan analisis bagi membantu siasatan. Berdasarkan keputusan analisis yang diperolehi, tiada perbezaan yang ketara bagi parameter pH dan Mangan berbanding garis panduan kualiti air minum Kebangsaan untuk airmintah yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Namun begitu, pihak UPM masih bekerjasama dengan pihak Lembaga Urus Air Selangor untuk menyiasat dan juga memantau perkara ini.

Ada dua (2) lagi soalan. Kerajaan Negeri Selangor melalui LUAS. Maaf, saya akan menjawab soalan spesifik daripada Y.B. Balakong.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(BALAKONG)**

TAJUK: PENCEMARAN AIR MENTAH

317. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan strategi kerajaan untuk menangani permasalahan pencemaran air mentah yang sering berulang sehingga operasi LRA terjejas.
- b) Nyatakan tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah itu dengan terperinci.
- c) Senarai syarikat yang telah didakwa ke mahkamah berserta dengan hukumannya masing-masing dari 2013 sehingga kini.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Sejumlah lima (5) syarikat yang telah didakwa ke mahkamah dan kini masih dalam perbicaraan. Senarai syarikat tersebut ialah :-

- i. Muhibbah Mok Sdn. Bhd.
- ii. Muhibbah Mok Workshop Sdn. Bhd.
- iii. Ng Kim Bok Realty Sdn. Bhd.
- iv. Masgenuine Alliace Holdings Sdn. Bhd.
- v. Masgenuine I-Berhad

Selain daripada, saya tidak boleh sebuah lagi *detail* kerana pada masa ini masih dalam perbicaraan di mahkamah. Akhirnya soalan spesifik daripada Yang Berhormat Semenyih tindakan diambil untuk mengatasi sumber air mentah seperti tahun lepas Kerajaan Negeri Selangor melalui Lembaga Urus Air Selangor telah dan sedang melaksanakan beberapa tindakan bagi memastikan sumber air negeri ketika menghadapi musim kering adalah seperti berikut:

- (1) Operasi pembenihan awam ataupun *cloud seeding* yang telah mula dijalankan ada 21 Februari 2015 yang lalu bersama Jabatan Metodologi Malaysia dan syarikat pembekal perkhidmatan yang dilantik di kawasan lembangan sungai termasuk kawasan tadahan Empangan Sungai Selangor sebanyak dua (2) kali setiap hari bergantung pada kesesuaian aerosfera.
- (2) Operasi pengepaman air kolam alternatif di Bestari Jaya yang telah bermula 15 Februari 2015 yang lalu dengan keupayaan pengeluaran 800 juta liter air sehari dan kolam air yang dipam ke Sungai Selangor ini mematuhi piawaian air mentah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk dirawat oleh loji pembersihan air.

- (3) Pelepasan air empangan di sungai Selangor yang dikawal dengan ketat melalui kelulusan daripada Lembaga Urus Air Selangor secara harian dan semakan dilakukan 3 kali sehari.
- (4) Pembangunan Kolam Takungan HORAS 3,000 di mana ia akan dibangunkan secara fasa iaitu HORAS 6,000 fasa yang pertama yang mula September 2015 dan horas 3,000 yang di dalam peringkat kajian perbandingan.
- (5) Penyaluran air mentah Sungai Bernam di mana kajian terperinci sedang dilaksanakan untuk memastikan sumber air tersebut dapat membantu memperkasakan aliran air di Sungai Selangor.

Perbincangan awal bersama Kerajaan Negeri Perak telah diadakan dan ia merujuk kepada kajian semula sumber air negara 2000 sehingga 2050. Tambahan juga pembangunan *Off River Storage ORS* di Sungai Semenyih dan Sungai Langat di mana sumber air takungan tambahan sebanyak 100 sehingga 200 juta liter sehari di Sungai Semenyih dan Sungai Langat melalui sistem ORS sedang dikaji dan kita harap akan dilaksanakan pada masa yang terdekat dan akhirnya pembangunan sumber air bumi di mana keupayaan teraksi air bumi yang selamat untuk negeri Selangor ialah 2,373 juta liter sehari berdasarkan kajian ke boleh kedapatan sumber air bumi negeri Selangor yang dijalankan oleh jurutera perunding yang dilantik oleh Lembaga Urus Air Selangor.

Pembangunan sumber air bumi adalah sebagai sumber air yang terakhir setelah mengambil kira semua sumber dan sungai dan air permukaan.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER:Kampung Tunku dulu.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Puan Speaker. Apa yang diperlukan oleh rakyat Selangor bukan penubuhan banyak jawatankuasa tetapi tindakan konkrit untuk memastikan semua sumber air di Selangor ini *secure*, dijaga dengan baik. Saya ingin bertanya mengapakan kerajaan tidak dapat mengenal pasti *hotspot-hotspot* pencemaran air ini supaya mereka yang selalu cemar ini tidak dapat akses ke dalam sungai kita pun dan mereka tidak ada peluang untuk mencemarkan air kita. Sedangkan sekarang ini apa yang kita lihat apa yang kita pantau selama ini apa yang berlaku ialah pencemaran air berlaku secara rawak dan kerajaan nampaknya tidak ada satu pelan yang cukup untuk mengesan dan juga mengambil tindakan cepat dan selalunya kita hanya bertindak mengambil tindakan secara reaktif sahaja dan bukannya proaktif. Saya ingin bertanya mengapa tidak ada tindakan proaktif dan mengapa sekiranya tidak ada tindakan proaktif, tiada tindakan terhadap agensi atau pembekal kerajaan yang sepatutnya bertindak secara proaktif ini. Minta penjelasan.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN:Puan Speaker, saya nak tambah kepada *the same question*. Soalan ini adalah, soalan Kampung Tunku adalah kenapa berulang kali dan begitu kerap seolah-olah Kerajaan Negeri tidak pernah belajar daripada kejadian pencemaran sebab apa yang ditanya, kenapa tiada apa-apa tindakan untuk mengelakkan kekerapan ini bukan apakah tindakan undang-undang sebab ini sudah dijawab di sidang yang lalu, yang lalu, soalan yang sama tetapi kejadian berlaku lagi.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:Terima kasih Kampung Tunku dan Damansara Utama. Pertamanya, saya ingin menegaskan kerajaan negeri Selangor melalui Lembaga Urus Air Selangor dan juga agensi-agensi berkaitan ada program yang proaktif iaitu melalui pengurusan lembangan sungai di negeri Selangor. Jadi, dari segi pembangunan, dari segi perancangan ianya memang ada holistik pelan untuk menjaga sumber air mentah di negeri Selangor. Kalau reaktif saya pun tidak begitu setuju kerana kita juga perlu bertindak kalau ada pencemaran berlaku. Kita ambil contoh untuk tahun ini. Saya setuju 4 kali ada pencemaran di Sungai Semenyih, tetapi ini pertama kali elemen *manganese dissolve manganese* dikenal pasti dan didapati di Sungai Semenyih manakala kalau kita lihat tindakan yang telah diambil secara perancangan, secara penguatkuasaan dan sebagainya kita telah mengurangkan sehingga pada masa ini kita dapat melupuskan pencemaran yang telah berlaku beberapa tahun sebelum ini. *So this is a learning process*, ini pertama kali. Kita tidak pernah dengar ada *dissolve manganese pollution* tetapi kita mengambil cabaran ini mencari jalan macam mana kita boleh mengenal pasti, satu; dua; merawat, tiga; menyelesaikan perkara ini.

Pada tahun 2014 iaitu tahun lepas, di loji pembersihan air Sungai Semenyih tidak ada satu insiden ia ditutup, pada masa yang sama ammonia. Saya rasa Yang Berhormat Semenyih ada aduan sebelum ini juga bukan sahaja dikurangkan tetapi kita telah mengenal pasti yang tercemar, kalau boleh dalam kawasan negeri Selangor kita menutup sebagai contohnya tapak pelupusan sampah Sungai Kembong di hilir iaitu di tapak pelupusan sampah Pajam kita telah memberi, mengadu kepada pihak Negeri Sembilan untuk membantu dari segi penutupan dan pada masa ini Pajam juga dalam proses untuk penutupan selamat dan sempurna. Jadi kita, saya rasa tidak adil kalau dinyatakan bahawa kerajaan negeri tidak *this not spent time* dengan izin untuk mengenal pasti beberapa kawasan yang betul-betul atau pun ada potensi tercemar. Apa yang kita boleh buat:

- (1) Melalui agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar, ada pemantauan dan juga semakan sekurang-kurangnya sekali sebulan di semua kilang. Kilang yang mengeluarkan *effluent industry*.
- (2) Kalau perkara itu tidak ada berkaitan dengan *effluent industry* dan di bawah peraturan Lembaga Urus Air Selangor ada *7 indicator* ataupun sektor yang lembaga urus air Selangor boleh mengambil tindakan itu pun jawatankuasa

yang ada bidang kuasa untuk melaksanakan peraturan dan juga enakmen tersebut mengambil tindakan untuk satu meminda kawasan tersebut ataupun mengeluarkan industri atau sektor yang mencemarkan.

Kita tidak boleh ada ketika ini menyatakan bahawa bahan tercemar tidak boleh dikeluarkan. *This is not within the ambit of the law.* Industri dan juga beberapa sektor berkaitan boleh dibenarkan untuk melepaskan bahan-bahan pencemar asalkan ianya tidak melebihi piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar oleh akta *Environment Quality Act* dan juga enakmen Lembaga Urus Air Selangor. Itu yang kita perlu memastikan.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Puan Speaker.

TUAN SPEAKER: Semenyih dulu.

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD. AZIZ: Terima kasih Puan Speaker. Di kawasan Semenyih tadi beberapa soalan saya dijawab, cuma saya nak bertanya kerana sering berlaku dicatu air sebabkan ammonia dan perkara-perkara lain dan tahniahlah ada 5 syarikat telah dibawa ke mahkamah. Apa yang saya soalkan, apabila berlaku catu air notis yang diberi terlalu pendek dan saya ingin bertanya konsesi syarikat manakah yang bertanggungjawab untuk membantu jika melebihi sehari untuk menghantar air tangki. Terdapat banyak aduan ada tangki masuk, tetapi ada taman tak masuk, ini mereka amat-amat kecewa, notis dahlah pendek, mereka tak dapat simpan air tetapi penghantaran tangki air wujud tetapi tidak sepenuhnya, terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:Terima kasih Semenyih. Saya ingin betulkan satu kenyataan tadi iaitu di kawasan mungkin yang meliputi kawasan Yang Berhormat Semenyih. Sebenarnya tidak ada catuan air yang berlaku. Ianya adalah dipanggil gangguan air yang tidak dijadualkan dan untuk pengurusan dan juga perkhidmatan penghantaran air iaitu sebagai contohnya *tanker* dan sebagainya ianya diselaraskan oleh pihak SYABAS. Pada masa yang sama kerajaan negeri Selangor kerana kita faham juga ini adalah satu keadaan yang tidak diinginkan yang juga satu masalah ketara maka kerajaan negeri juga mengarahkan sebanyak boleh kalau kita ada di peringkat PBT ada *tanker* air kita juga menggerakkan *tanker-tanker* air yang dimiliki oleh PBT ke kawasan yang terbabit.

TUAN SPEAKER:ljok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Saya nak minta penjelasan dari EXCO iaitu loji-loji yang ditutup oleh pencemaran ammonia dan pemantauan telah dilakukan dan saya dapati tak berjaya sebab sering loji-loji itu ditutup. Adakah kerajaan negeri mengenal pasti cara-cara untuk mengatasi pencemaran ammonia yang

dilaksanakan di negara-negara yang maju yang boleh, *any* macam *anti-ammonia solution* ke untuk menggunakan air untuk mencairkan ammonia.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Ijok. Untuk tahun ini terdapat pencemaran air oleh ammonia sebenarnya dekat loji pembersihan Tampoi, Bukit Tampoi di mana ianya ditutup selama 3 hari. Walau bagaimanapun kita tidak menunggu untuk air hujan turun dan kita ada beberapa cadangan untuk satu menaik taraf loji pembersihan air. Itu adalah satu perkara yang kita telah cadangkan sejak tahun lepas kepada pemilik loji pembersihan air.

Keduanya; walaupun yang disebutkan oleh Ijok kita juga ada kaedah di mana kita menggunakan pelepasan air empangan, khususnya Empangan Langat untuk menambah *value* air di Sungai Langat. Ini khas untuk 2 kawasan yang kita memantau iaitu loji pembersihan air Cheras Batu 11 dan juga LPA Bukit Tampoi.

Ketiganya; kita dalam proses kerajaan negeri untuk berbincang dengan negeri Pahang untuk mendapat air mentah untuk disalurkan dalam Sungai Langat, bukan, ini bukan untuk *treatment* rawatan air atau apa-apa tetapi untuk meningkat kapasiti sungai untuk loji pembersihan air sedia ada untuk mendapat air mentah. Dan dengan kaedah selepas proses ini diselesaikan antara *G to G government to government*, maka kita yakin isu *volume* dalam Sungai Langat tidak akan menjadi satu masalah.

Keempatnya, kita telah dengan kerjasama IWK kerana ammonia sebenarnya bukan sesuatu yang kita boleh tuang ke dalam sungai tetapi ianya adalah lepasan dari sistem kumbahan (dengan izin) *Switch Treatment Plan* yang berselerak (ada yang individu, ada yang persendirian dan juga ada yang dikawal selia oleh IWK). Maka, untuk lembangan Sungai Langat yang terdapat lebih daripada 300 *Switch Treatment Plan* (dengan izin), ada satu projek yang besar di mana *Integrated Switch Treatment Plan Project* sedang dijalankan oleh kerajaan persekutuan dan projek ini akan dapat mengatasi ammonia pengeluaran (*effluent ammonia*) yang terlalu tinggi.

Pada masa yang sama, ianya juga boleh menyelesaikan penggunaan piawaian pengeluaran ammonia yang berbeza-beza kerana dalam peraturan jadual yang mengawal pengeluaran ammonia daripada sistem kumbahan (*ST – Switch Treatment Plan*). Ianya ada *different standard*. Kalau STP itu dibuat sebelum 1980, dia standardnya lebih rendah. Yang baru, standardnya lebih tinggi. Jadi, ini dapat menyelaraskan supaya kita tidak ada *standard-standard* piawaian yang berbeza.

Untuk loji pembersihan air di Bukit Tampoi, kita juga ada satu kaedah di mana kita menggunakan kolam air yang berdekatan, kita pamkan air ke dalam kolam itu dan kita memberi peluang untuk *ammonia to despite* (dengan izin) dan lepas itu, kita masukkan balik dalam air sungai. Dan perkara ini, kita telah ada beberapa kajian (a

few test) dan telah ianya menjadikan satu kaedah di mana kita rasa boleh mengatasi masalah dekat Bukit Tampoi.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN: Berkenaan pencemaran ammonia tadi. Pada tahun lepas kerajaan negeri telah mengumumkan nak pasang satu *filter* (penapis) untuk ammonia. Adakah penapis ini sudah dipasang, *one year since that announcement* (dengan izin)?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Bukit Gasing. Betul. Ianya telah dipasang di 3 loji *Switch Treatment Plan* yang dikawal selia oleh IWK dan telah menunjukkan bahawa ianya dapat mengurangkan ammonia sebanyak 15 hingga

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Minta penjelasan.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN: Soalan ini adakah dia dipasang di loji rawatan air.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Ini dipasang di IWK. Loji kumbahan.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Tetapi jawapan yang diberi sidang yang lepas adalah pasang *filter* di loji rawatan air.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Bukan. Itu adalah cadangan daripada kerajaan negeri. Kerajaan negeri tidak boleh suka-suka pasang satu *filter* di kawasan sebagai contohnya Cheras Batu 11. Maka IWK telah memasang 3 *filter* yang dipanggil (yang ada komponen ataupun elemen-elemen *luminous silicate*). Dan kajian awal telah menunjukkan telah menurun 15% sehingga 20%.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Soalan tambahan terakhir. Balakong.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Terima kasih Tuan Speaker. Y.B. EXCO menyatakan bahawa pihak kerajaan sedang berunding dengan kerajaan negeri Pahang untuk menyalurkan air ke dalam Sungai Langat. Walau bagaimanapun, saya pernah terima surat daripada Y.B. EXCO Taman Templer menyatakan bahawa air dari Pahang sudah mula disalurkan ke Sungai Langat pada bulan Februari tahun ini. Jadi, saya minta penjelasan sikit. Terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Balakong. Sebenarnya itu betul, tetapi jumlah hanya 30juta liter sehari (35 mld) dan ini saluran yang secara semula jadi (maksudnya ianya tidak dipam). Ianya ada potensi untuk menyalurkan 500juta liter sehari. Tapi, untuk perkara itu berlaku, satu persetujuan perlu diadakan antara kerajaan negeri Selangor dan juga kerajaan negeri Pahang kerana ianya melibatkan pembayaran ataupun caj air.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN:Soalan.

TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN: Tuan Speaker, soalan no.6.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK: ARAK

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah langkah-langkah tegas kerajaan bagi mengawal penjualan arak di premis-premis dalam negeri Selangor?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih kepada Tanjung Sepat. Tuan Speaker, PBT telah menetapkan garis panduan penjualan arak kepada peniaga minuman keras agar mematuhi garis panduan seperti :-

- (a) mensyaratkan peniaga meletakkan papan tanda larangan menjual minuman keras bagi orang yang berumur 18 tahun ke bawah;
- (b) meletakkan jarak lokasi premis perniagaan minuman keras daripada rumah ibadat seperti masjid, surau, kuil, tokong, pejabat kerajaan, sekolah dan hospital;
- (c) Mensyaratkan waktu operasi penjualan minuman keras mengikut waktu yang dibenarkan.
- (d) mensyaratkan perniagaan untuk memastikan pelanggan tidak minum minuman keras di hadapan premis dan tempat terbuka.

Sekian, Tuan Speaker.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN: Tambahan.

TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN: Apakah kerajaan tidak bercadang untuk menentukan premis tersebut mestilah mengikuti peraturan mengikut peratusan bangsa ataupun agama di sesuatu tempat?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, saya tak berapa jelas. Boleh ulang sekali?

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN: Adakah kerajaan tidak mahu menjadikan / memperketatkan larangan ini supaya premis tersebut mestilah memenuhi kehendak berpandukan peratus penduduk yang beragama Islam ataupun yang bukan beragama Islam.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih kepada Tanjung Sepat. Memang sekarang kita ada satu dasar bahawa kepada kawasan perumahan majoritinya orang Islam, memang kedai itu dinasihatkan tidak menjual arak di premis tersebut. Memang sudah ada dasar sebegini dan juga telah dilaksanakan.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Batang Kali.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Saya cuma nak bertanya mengenai dengan jarak. Tadi disebut jarak premis perniagaan berkenaan dengan tempat-tempat lokasi yang tidak boleh menjual arak itu. Berapa jauh dia? Sebab dia ini akan bersangkutan dengan soalan daripada Tanjung Sepat tadi. Kalau komposisi kaum di sesuatu tempat itu majoritinya Melayu, kedai itu berada di tengah-tengah komuniti itu, seharusnya satu dasar dibuat. Terima kasih.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Ya. Tadi saya sudah cakap bahawa premis menjual premis berniaga majoriti di kawasan majoriti orang Islam memang dinasihatkan tidak menjual arak. Itu adalah dasar yang sedia ada.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: jarak, jarak, jarak. Saya nak tahu jarak dia.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Ini *details* saya tak ada. Mungkin nanti saya boleh bagi kepada Yang Berhormat.

TUAN SPEAKER: Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Tuan Speaker, soalan no. 7.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI
(N50 SRI MUDA)**

**TAJUK: LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT & PENGURUSAN KORPORAT
PBT**

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-
- (a) Berapa kalikah laporan Jawatankuasa diterima oleh kerajaan negeri dari setiap PBT bagi tahun 2014?
 - (b) Apakah alasan dari PBT yang gagal menghantar laporan suku tahun bagi 2014?
 - (c) Apakah tindakan penambahbaikan bagi menjamin keberkesanan jawatankuasa ini berfungsi penuh di PBT?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih kepada Y.B. Sri Muda. Tuan Speaker, berikut saya akan senaraikan jumlah penghantaran Laporan Jawatankuasa Audit & Pengurusan Korporat PBT diterima oleh kerajaan negeri daripada PBT pada tahun 2014 :-

- (a) MPAJ -3
- (b) MPSJ -2
- (c) MPS -4
- (d) MDKL -1
- (e) MDHS (Hulu Selangor) -4
- (f) MDKS (Kuala Selangor) -3
- (g) MDSB (Sabak bernam) -3

Laporan Jawatankuasa Audit & Pengurusan Korporat PBT perlu disediakan oleh semua PBT bagi tujuan pemantauan PBT berkenaan dan Seksyen PBT (UPEN) setakat ini tidak mensyaratkan untuk semua PBT mengemukakan laporan kepada kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, ada PBT yang mengambil inisiatif untuk mengemukakan laporan tersebut kepada kerajaan negeri seperti apa yang saya tadi maklumkan.

Antara langkah pembaikan yang dicadangkan adalah untuk setiap PBT mengadakan kerjasama dengan Bahagian Audit Dalam Pejabat SUK Selangor serta Jabatan Audit Negara untuk mengadakan penerangan mengenai fungsi pengauditan kepada semua Ahli Majlis PBT dan kerajaan negeri juga mengesyorkan perkara yang berbangkit daripada Laporan Jawatankuasa Audit & Pengurusan Korporat PBT

boleh dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan untuk dibincangkan sekiranya perlu.

TUAN SPEAKER: Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:Saya nak tanya EXCO. Tadi saya tak berapa pasti. Majlis Perbandaran Klang adakah mengemukakan Laporan Jawatankuasa Audit & Pengurusan Korporat PBT?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: MPK tak ada kemukakan kepada kerajaan negeri.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi, nampaknya tak ada satu keselarasan ataupun konsistensi dengan semua PBT. Jadi, ada tak cadangan supaya diselaraskan dan untuk pastikan sebab sekarang juga difahamkan kerajaan negeri sudah ada satu sistem kawalan kewangan yang telah ditukar caranya (setiap bulan ada laporan dan sebagainya). Memandangkan PBT adalah agensi yang begitu penting supaya kita pastikan hasil cukup untuk perkhidmatan yang terbaik. Jadi, ada tak cadangan untuk selaraskan?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:Saya menyambut baik cadangan daripada Rawang supaya PBT masing-masing mengemukakan Laporan Audit dan laporan daripada jawatankuasa masing-masing kepada kerajaan negeri supaya pemantauan boleh dibuat oleh kerajaan negeri dan sebelum ini memang tidak ada dasar seperti berikut.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:Boleh

TUAN SPEAKER: Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:Boleh saya tanya EXCO juga. Ini saya memang keliru dan juga tak berapa setuju dengan besar-besaran MPK satu-satu perbandaran tidak ada Laporan Jawatankuasa Audit & Pengurusan Korporat. Adakah EXCO akan gunakan kuasa EXCO untuk tentukan bahawa MPK akan buat demikian? Sebab kita ada banyak masalah di dalam MPK sekarang.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:Apa yang saya maksudkan tadi adalah PBT tidak disyaratkan sebelum ini untuk menghantar laporan tersebut kepada kerajaan negeri. Mereka menghantarkan laporan tersebut secara inisiatif sendiri kepada

kerajaan negeri. Itu sebab tadi saya sudah jawab. Saya sudah jawab apa ini soalan daripada Rawang supaya kita akan memastikan PBT menghantarkan laporan tersebut kepada kerajaan negeri.

TUAN SPEAKER: Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Tuan Speaker, soalan no.8.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK: PERUNTUKAN PERSEKUTUAN UNTUK SELANGOR

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- (a) Berapakah terimaan kewangan oleh kerajaan negeri Selangor berdasarkan perlembagaan pada tahun 2014?
- (b) Adakah segala terimaan peruntukan pada tahun 2014 telah dibelanjakan?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:Y.B. Tuan Speaker, saya juga ingin mohon izin untuk menjawab soalan no.8 daripada Y.B. Sungai Panjang bersekali dengan soalan 231 yang dikemukakan oleh Y.B. Dengkil kerana kedua-dua Ahli Yang Berhormat ini menyentuh perkara yang sama dan mungkin sumber bertanya soalan juga sumber yang sama ya. Yang itu saya akan buktikan kemudian dalam sesi ini ya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pemberian persekutuan yang disalurkan terus kepada kerajaan negeri bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM727.5juta dan perincian jenis pemberian berdasarkan Perlembagaan Persekutuan adalah seperti berikut :-

- (a) MARRIS sebanyak RM523juta;
- (b) Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup berjumlah RM16juta;
- (c) *Capitation Grant* RM64juta;
- (d) Pembiayaan Perbelanjaan Mengurus bagi Jabatan-jabatan di bawah Senarai Bersama RM53juta;
- (e) Pemberian Tahunan kepada Kerajaan negeri RM26juta;

- (f) Pemberian Bayaran Perkhidmatan 10% kerana Penglibatan Kakitangan Kerajaan Negeri dalam Melaksanakan Projek-projek Persekutuan RM9juta;
- (g) Pemberian Pertambahan Hasil RM35juta.

Ini menjadikan jumlah sebanyak RM727.5juta.

Semua terimaan tersebut diperakaunkan menjadi Kumpulan Wang Disatukan dan perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan adalah mengikut undang-undang ataupun kelulusan Dewan Negeri Selangor selaras dengan perkara 104 (Perlembagaan Persekutuan).

Selain itu, kerajaan negeri turut menerima sumbangan 50% Belanja Mengurus daripada Kerajaan Persekutuan yang disalurkan terus ke akaun Perbadanan Adat Melayu dan Warisan ataupun PADAT berjumlah RM1.2juta dan Perbadanan Perpustakaan Negeri Selangor berjumlah RM7.7juta.

Kerajaan negeri juga menerima bantuan 50% daripada Kerajaan Persekutuan bagi membayar bil elektrik, lampu jalan dan lampu isyarat dan disalurkan terus kepada 12 PBT di Selangor yang berjumlah RM22juta bagi tahun 2014.

Bagi pemberian penyelenggaraan jalan raya negeri atau MARRIS telah ditentukan cara berbelanja iaitu melalui akaun amanah kumpulan wang amanah penyelenggaraan jalan-jalan negeri pada tahun 2014, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM460.9 juta atau 88.05 % daripada jumlah RM523.5 juta yang diterima dalam tahun yang berkenaan. Berhubung dengan cadangan Y.B. Dengkil bahawa Kerajaan Negeri bakal menerima manfaat daripada pelaksanaan GST oleh kerana ada pertambahan hasil Kerajaan Persekutuan sukacita saya mengingatkan yang Y.B. Dengkil jangan optimistik dan jangan terlalu ghairah tentang pelaksanaan GST kerana manfaat yang bakal diterima oleh Kerajaan Negeri berdasarkan kepada pertambahan hasil Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun memandangkan harga komoditi utama khususnya petroleum dan minyak mentah telah menurun lebih 50% maka Kerajaan Negeri yakin tiada pertambahan hasil di peringkat persekutuan walaupun GST dilaksanakan dan pastinya tiada peruntukan tambahan bagi Kerajaan Negeri. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Masa telah menunjukkan jam 11.31 pagi. Mengikut peraturan tetap saya tidak boleh benarkan soalan tambahan selepas 11.30 pagi. Dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

III. USUL

SETIAUSAHA DEWAN: Usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM:Terima kasih. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya memohon izin untuk membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut. Ampun tuanku, patik-patik sekalian iaitu Speaker dan Ahli-ahli Dewan Selangor yang berhimpun di dalam dewan ini memohon sembah terima kasih serta menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bagi membuka dengan rasminya Mesyuarat Pertama Pembukaan Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor yang Ke-13. Tuan Speaker, YAB Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua Jabatan dan kakitangan kerajaan serta para pemerhati yang saya mulia kan. Salam sejahtera dan salam bersih untuk semua. Hutang negara terus bertambah rakyat hidup semakin susah pemimpin negara terus hidup mewah. Jet peribadi PM cukup-cukup sudahlah. Karam sampan tak sampai ke hulu terus berenang sampai ke tepian, BRIM diumpan terlebih dahulu barulah GST datang kemudian. Tuan Speaker terlebih dahulu, Sekinchan terlebih dahulu mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Tuan Azmin Ali kerana di bawah kepimpinannya, walaupun dalam tempoh yang singkat telah mencatat beberapa kejayaan seperti mengamalkan dasar yang lebih terbuka, mesra rakyat dan paling penting iaitu dapat memulihkan keadaan yang sebelum ini agak tegang dan celaru angkara beberapa isu sensitif yang membelenggu kita seperti isu insiden rampasan kitab *Bible* versi bahasa Malaysia dan lain-lain lagi. Kenyataan dan pendirian Y.A.B. Dato' Menteri Besar secara jelas menyatakan bahawa sebarang elemen pelampau tiada tempat di Negeri Selangor. Memang tepat pada masanya dan sangat dihargai oleh rakyat berbilang kaum di Negeri Selangor. Mutakhir ini keadaan kembali pulih seperti biasa di mana rakyat berbagai-bagai kaum sama ada Melayunya, cina dan India sepakat dan yakin terhadap kerajaan negeri Selangor pimpinan Y.A.B. Dato' Menteri Besar yang terus mendukung agenda perjuangan Pakatan Rakyat iaitu meneruskan kesinambungan pembangunan negeri Selangor melalui tema pembangunan berkualiti rakyat dipedulikan. Walaupun wujud perbezaan dan perdebatan kalangan parti komponen namun ia tidak menjejaskan semangat juang di kalangan kita apatah lagi musuh kita dan musuh rakyat adalah UMNO Barisan Nasional jelas rakyat semakin hari semakin muak dengan UMNO Barisan Nasional di luar sana rakyat dahagakan perubahan dan pembelaan yang sewajarnya daripada Pakatan Rakyat. Mereka menaruh harapan agar Pakatan Rakyat khususnya Kerajaan Negeri Selangor dapat terus menggalas tanggungjawab membela hak dan kebajikan mereka yang semakin terhakis dan tertekan dengan kos saraan hidup yang tinggi belum cukup dengan kenaikan harga barangan semakin yang tidak terkawal rakyat kini ditekan lagi dengan pelaksanaan cukai GST sebanyak 6%. Mulai esok 1 hari bulan rakyat akan diberi hadiah oleh Barisan Nasional iaitu GST.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:Nak mencelah.

TUAN SPEAKER:la Batang Kali

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Ini saya nak

Y.B. TUAN NG SUEE LIM:Ini Ketua Pembangkang ke?

TUAN SPEAKER:Tak ada Ketua Pembangkang di dalam dewan

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:Mengenai Ketua Pembangkang minta maaf.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM:Saya tak bagi, saya tak bagi belum lagi buat apa nak cakap

TUAN SPEAKER:Batang Kali, Sekinchan tak bagi mencelah, mintak duduk.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM:Saya tak bagi, duduk dulu, saya belum cakap dia nak cakap. Tak tahu peraturan. Cukai GST ini tidak kenal bangsa tidak kira siapa mereka, Melayu, cina, India, Kadazan, Iban dan lain-lain lagi. Cukai GST *good and services tax* ataupun dengan dikata lain gasak sampai tertonggeng bukan geng songkok tinggi menanti dan sentiasa mengekori anda tidak kira siang dan malam apabila kita berbelanja maka cukai GST 6% akan *discharge* ke atas barangan yang kita beli. Sebagai contoh sekiranya dalam satu kita hari ini, mulai esok *ngesok*(bahasa jawa) ada RM2,000 dalam saku kita hari biasa ada RM2,000 untuk belanja tapi mulai esok oleh kerana GST sebenarnya nilai pada tangan kita hanya RM1880.00 sahaja walaupun kita pegang RM2,00 tapi 120 Barisan Nasional sudah sapu. Kalau belanja itu barang yang sama bukan RM2,000 barang 1880.00 inilah hadiah istimewa yang diberikan Barisan Nasional prihatin terhadap orang lain.

TUAN SPEAKER:Kalau nak mencelah tolong bangun dan mintak kebenaran Speaker dulu. Sungai Burong, Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM:Dia mantan saya bagi. Mantan Ketua Pembangkang. Mantan..

Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR:Kena Betulkan bahasa Malaysia, Mantan bukan mantan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ok Mantan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM:Kita jiran tetangga, bagi

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:Itu tadi saya nak betulkan sebutan, kalau nak bercakap betul, cakap mantan kena cakap mantan jangan nak main-main perli lak. Saya tahu bukan dia tak boleh sebut mantan tu, tapi niat dia tu jahat juga tu. Saya nak bertanya fasal GST, nak tanya kiraanlah ya, sedangkan

sebelum GST cukainya 10%, bila ada GST cukainya 6% macam mana boleh kira boleh turun sampai 800 tu tadi, pakai matematik macam mana tu, cuba terangkan pada dewan ini, bagi dia sekolah sikitlah. Macam mana boleh, boleh dapat macam tu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih rakan sejawat saya seperjuangan saya daripada Sungai Burong mantan Ketua perjuangan dengan Pakatan rakyat boleh lah, boleh tak lama tu. Soal GST 6% ini biasa sahaja yang dulu dikatakan dalam surat khabar dalam TV dan habis berbilion-bilion diterangkan kepada rakyat kononnya GST ni tidak membebankan malah.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Angka Berbilion ni, boleh bagi ke bilion ni belanja untuk, ini jangan nak temberang

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Duduk, duduk sabar, beratus ribu, berbilion duit habis sebab iklan, iklan saya nak bagi tahu ini iklan dalam TV mengatakan GST ini baik untuk rakyat, walhal di kampung di Sekinchan di Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Penjelasan, penjelasan yang kata berbilion bilion ini boleh bagi tak penjelasan fakta dia. Jangan temberangkan rakyat, jangan nak menipu rakyat dan mengatakan berbilion bilion tapi angkanya tak ada semua orang boleh cakap.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tanya sendiri kepada Menteri Penerangan, Ahmad Sabri Chik.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Kalau tak ada bukti jangan tuduh

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tanya Menteri Penerangan. Ada jawapan

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Cakap berbilion-bilion

TUAN SPEAKER: Sungai Burong, Sungai Burong, Dengar saya cakap dahulu. Siapa Speaker, Sungai Burong kalau nak betulkan fakta nanti saya bagi masa tambahan dalam ucapan dasar perbahasan. Saya benarkan Sungai Burong boleh bagi fakta-fakta semua, boleh dapatkan maklumat daripada Kerajaan Persekutuan kalau nak betulkan. Saya bagi masa tambahan nanti. Sekinchan teruskan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Saya nak betulkan sikit, yang membangkitkan dia, dia yang kena bagi fakta, kenapa saya yang kena bagi fakta.

TUAN SPEAKER: Saya kata kalau Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Kalau cakap kedai kopi bolehlah

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya tak nak layanlah, sebab nawaitu jahat, nawaitu jahat saya nak bagi tahu kepada Sungai Burong, saya nak bagi tahu Dewan yang mulai ini, bahawa cukai GST ini sebenarnya di kampung seperti di Sungai Burong, di Sekinchan di Sabak yang dulu petani-petani yang ramai nelayan mereka berbelanja tak kena 6% mereka tak kena 6% tapi sekarang terkena pula 6%. Mulai esok, tapi dikatakan ini baik untuk mereka, tambah cukai duit itu belanja digunakan untuk kerajaan diberikan kepada kerajaan, kerajaan tarik duit itu. Baik untuk kerajaan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Boleh tanya tak? Faham tak GST.

TUAN SPEAKER: Sekinchan benarkan atau tidak

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tak payahlah...

TUAN SPEAKER: Sekinchan tidak benarkan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Kota Damansara tak perlulah, tikus nanti. Bab tikus nantilah

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Sikit sahaja

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tak perlu, tak perlu

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Tak perlu, tak berani

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Bukan tak berani, teruslah

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Saya nak kalau boleh, Sekinchan senaraikan apa barang keperluan yang nak dibeli oleh nelayan tu, yang akan dikenakan GST tu. Apa dia barang keperluan itu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya bagi Kota Damansara, hari tu kita turun di rumah PPR, Kota Damansara sepatutnya lebih daripada Sungai Burong. Ok saya nak bagi tahu, nelayan kita dia makan sardin, dia makan maggi. Dulu sardin dan maggi tak kena GST. Sekarang sardin dengan maggi yang kena GST, tu antara contoh, 2 contoh cukuplah ye, ini 2 cukuplah. Nelayan makan sardin pun kena GST beratur, bayangkan ini. Tuan Speaker saya teruskanlah ya.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Sikit lagi

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Cukuplah Damansara, usik sikit-sikit cukuplah.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Sikit lagi. Kenapa nak bagi contoh kenapa 2 bahan jer kena GST yang tak kena GST barang yang tidak dikenakan GST patut diberikan contoh. Barang kawalan tu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih, Kota Damansara, Kota Damansara kena faham sekarang saya bincang GST, jadi saya kena cerita benda yang kena GST. Saya kena bincang GST, kalau saya tak bincang GST saya ceritalah benda yang kena GST. Kena faham ini, ini bab penting, ialah terima kasih.

Tuan Speaker, saya semakin hari semakin marah dengan sang penguasa yang rakus dan ramai yang bangkit membantah pelaksanaan GST telah ditangkap oleh polis dan dilayan macam penjenayah. Seolah-olah mereka ini perompak yang digeruni. Rakyat juga tertanya-tanya kenapa negara kita yang kaya dengan hasil mahsul enggak bisa diurus tadbir dengan turus dan berkhemah serta memberi keselesaan.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Mohon mencelah, soalan satu sikit jer nak tanya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Nak tanya, Oklah.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Saya nampak ini, fakta antara pakatan ni berbeza-beza ini, dia bercanggah antara satu sama lain, yang Sekinchan cakap hasil mahsul, makmur, banyak yang YAB Menteri Besar cakap dah bankrap yang mana satu yang betul ni.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Batang Kali, kita kena tahu, baru nak angkat kita jadi penyelarass walaupun tidak diiktiraf, tapi saya nak bagi tahu kena faham kena faham hasil mahsul negara kita kalau dibanding dengan lain tempat memang kaya memang banyak hasil mahsul kita. Oleh sebab kepincangan, kecacatan, kebodohan pengurusan Barisan Nasional menyebabkan negara bakal bankrap. Itu maksud saya, bakal Menteri Besar, itu pun tak faham. Aduh. Saya mahu teruskan bolehkan. Oleh kerana esok hendak dilaksanakan GST saya nak berjuang habis-habisan untuk rakyat kerana GST ini. Saya bagi Kampung Tunku yang tidak berkenaan Dengkil silakan duduk.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Boleh, boleh ini buat tuduhan ini, buat tuduhan melulu kata bankrap, profesional, Sekinchan.

TUAN SPEAKER:Semua duduk, Sekinchan, semua duduk, Sekinchan teruskan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih. Saya nak bagi penjelasan kepada rakan seperjuangan saya di belakang ini.

Y.B.TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan. Sebenarnya saya ingin membawa satu fakta untuk dewan negeri Selangor ini mewakili rakyat semua rakyat negeri Selangor ini tidak terlepas daripada cukai GST, cukai yang zalim ini. Soalan saya, adakah Yang Berhormat Sekinchan juga sedar sebenarnya di kalangan pemimpin-pemimpin dan juga mantan pemimpin Barisan Nasional mereka sendiripun tidak faham dan marah dengan kerajaan pusat kerana pelaksanaan GST. Yang terbaru artikel daripada Dato' Sri Rafidah Aziz, dia kata sekarang kerajaan ini asyik saja pakai kartun tapi mana satu GST *exempted* mana satu yang akan kena GST tak tahu lagi. Senarai dia selalu berubah-ubah. Ini yang menyebabkan ekonomi negara dan juga para peniaga runsing dan mereka tidak tahu macam mana nak *handle* apa yang akan berlaku esok. Jadi saya ingin nak tanya Yang Berhormat Sekinchan, apakah cara penyelesaian ini adakah kita hendak terus kekalkan Kerajaan Barisan Nasional atau tumbangkan mereka dalam PRU yang akan datang.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih. Yang Berhormat rakan bijaksana saya dari pada Kampung Tunku, jawapan pun dah ada. Tumbangkan saja Barisan Nasional. *Insyah-Allah* pada PRU yang akan datang. Permatang, ok lah bagi.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih. Sekinchan. Saya Sekinchan dok sebut-sebut fasal GST, GST tak apalah kita boleh dengar ucapan Sekinchan walaupun ada sebahagian itu fakta kedai kopi bukan di dewan, berbilion-bilion ya. Cuma saya nak tanya satu saja lah mengenai GST ini, seratus enam puluh dua buah negara seluruh dunia termasuk negara maju, daripada seratus sembilan puluh lebih negara termasuk Singapura pun sudah melalui GST dah lama bertahun-tahun tak ada pun masalah dan tak ada bankrapnegara berkenaan. SingapuraDAP selalu dok megah-megahkan itu buat GST lebih lama dari Malaysia, tak ada isu. jadi saya nak pendapat Sekinchan mengenai Singapura khususnya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Permatang rakan saya dalam SELCAT. Saya nak bagi tahu walaupun 160 lebih negara melaksanakan GST persoalan di Malaysia ini lain. Di Malaysia sebab hasil masuk kita kaya raya. Persoalan kita ialah pengurusan kita tentang pemborosan, beli jet, berjuta-juta berbilion-bilion 428 juta, jet peribadi, sudah ada enam biji beli lagi. Saya nak bagi tahu kenapa GST di Malaysia ini kita laksana sebab kerajaan Barisan Nasional tidak ada duit. Duit hampir habis, minyak turun, hasil kurang, jadi mereka terpaksa laksana. Kalau Malaysia betul-betul kita buat dengan betul, Malaysia tidak perlu GST. Malaysia kaya cukup, engkau dengan minyak ada, gas, nak kelapa sawit beringgit ada, getah pun ada kopi pun ada karpetnya *ono*. Ha.. dengan izin, semuanya ada.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Isu saya tanya tadi isu GST bukan pengurusan. Boleh celah sedikit. Sekinchan. Soal minyak itu bergantung kepada

pasaran dunia bukan Malaysia saja yang jatuh, seluruh dunia itu bukan isu dia, komoditi juga bergantung kepada pasaran dunia. Kenapa itu nak dijadikan persoalan. Soalan saya tadi ialah kenapa Yang Berhormat saya minta komen mengenai Singapura. Yang di megah-megahkan juga negara- negara lain. Negara yang semiskin lebih miskin di Afrika pun buat GST, tiada isu pun.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Isu GST ini saya setuju tiada isu tapi soalnya di Malaysia, saya setuju tiada isu sebab apa yang sebab saya timbulkan isu di Malaysia ini dilaksanakan diwaktu rakyat dalam keadaan susah, pendapatan itu tidak cukup untuk menampung GST ini dan dari segi kekuatan kita, kekuatan kita tidak perlu laksana GST. Tapi oleh sebab kebejatan dan kebobrokan pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional gagal mengurus kewangan negara dengan baik menyebabkan rakyat terpaksa ditanggung dengan GST. Ini punca nya.

TUAN SPEAKER: Permatang dengan Sungai Panjang, nanti saya bagi masa untuk berbahas boleh jelaskan. Kampung Tunku tolong jangan kacau Sekinchan, saya nak dengar ucapan Sekinchan, saya tak boleh dengar, masuk point kedua pun belum lagi sudah dua puluh minit diganggu. Sekinchan teruskan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ya. Terima kasih Tuan Speaker, kalau negara kita sekarang betul-betul duit dah habis semua dah habis tiada hasil masuk dan sebagainya apa pengurusannya juga telus dan tidak rasuah dan sebagainya dalam keadaan susah dilaksanakan ini kita faham, rakyat perlu tolong, tapi sekarang kerajaan hasil masuknya dia banyak tetapi tak tahu urus, boros, 1MBB, 1MBB RM45 billion entah duit ke mana, Mahathir pun marah, Mahathir pun marah sampai hari ini, itu persoalannya tapi Barisan Nasional tak boleh jawab, tak lama tumbanglah. Saya nak bagi tahu Tuan Speaker, jawapan, kita nak bandingkan ya negara kita, tadi macam-macam negara Singapura yang kata kita bangga-banggakan, tapi kita nak ambil perbandingan, ambil perbandingan, bukan soal bangga, saya tak bangga langsung, saya tak pernah pergi pun Singapura sampai hari ini saya tak bangga cuma nak ambil untuk perbandingan, Singapura dikelilingi oleh lautan apa pun tak dak. Tapi mereka sekarang ada rizab simpanan wang antara yang tertinggi di Asia, mata wangnya besar, bukan kita nak bangga, tapi itu hakikat. Malaysia, Malaysia Boleh. Semuanya boleh, bocor sana bocor sini, ha itu Malaysia. Ok. Jadi saya nak bagi tahu ekoran ketirisan kepincangan, telah menyebabkan rakyat terpaksa di belenggu dengan GST enam persen. Dalam keadaan ekonomi yang gawat ini saya nak tanya kenapa, kalau Barisan Nasional dia hebatlah kenapa dia perlu beli lagi satu jet. ACJ jet peribadi yang baru kenapa, sudah ada enam biji kenapa perlu beli lagi, ini tak boleh jawab, tak boleh jawab.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Saya boleh jawab. Sekinchan saya boleh jawab. Jet yang ada itu sudah enam belas tahun diguna oleh Kerajaan di mana Yang Di Pertuan Agong pun boleh pakai juga. Jadi sudah tiba masanya bila sudah enam belas tahun kita juga bimbang jika berlaku apa-apa kepada kepimpinan

kitakalau naik jet yang sudah lama. Jadi apa salahnya diganti bukan untuk kepentingan peribadi tapi untuk siapa saja jadi pemimpin dan PM. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Apa harga jet itu dibeli, siapa syarikat jet itu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM:Dalam keadaan, Hulu Bernam dalam keadaan rakyat dibelenggu dengan kos saraan yang tinggi dan lagi

TUAN SPEAKER: Sri Andalas, Sri Andalas, kalau nak mencelah kena tanya kebenaran Sekinchan. Sekinchan teruskan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Dalam keadaan rakyat dibelenggui dengan kos saraan hidup yang tinggi lagi pun jet yang sedia ada masih boleh digunakan, dan baik untuk digunakan kenapa kita perlu ke sana, kenapa boleh terbang sampai ke New York, tak balik,PM dah balik, jet tak balik. PM dah balik jet tak balik, PM dah sampai Kota Baru, jet itu tak balik. *Round the world*, Jet ..saya tak perlulah nak jaga hati pemimpin itu. Hakikatnya pemborosan.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Tuan Speaker, Sekinchan bagi saya, sebenarnya sudah berapa kali dibaiki ya, kos pembaikannya sudah tinggi jadi memang perlulah diganti. Bukan nak jaga hati tetapi kebenaran dan fakta.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker saya nak teruskan dengan ucapan saya, baru-baru ini kerajaan negeri mengambil keputusan seperti apa membatalkan cuba nak batalkan kontrak perjanjian air dengan kerajaan persekutuan, pagi tadi kita dapat jawapan secara terperinci menyeluruh daripada Y.A.B. Dato' Menteri Besar berkenaan dengan kontroversi tersebut dan kita dituduh di surat khabar dan di media oleh UMNO khususnya tuduh macam-macam kononnya kerajaan negeri Selangor tidak beri kerjasamalah sengaja hendak menggagalkan perjanjian konsesi air inilah penyusunan nyalah macam-macam. Pagi ini selepas saya mendapat jawapan saya terkejut rupa-rupanya bukan begitu, rupa-rupanya yang fitnah ini UMNO Barisan Nasional dulu kini dan selamanya fitnah yang tak habis-habis. Saya dapat jawapannya pagi tadi kisah benar, rupa-rupanya mereka dulu saya satu ketika dulu dalam dewan ini saya pernah mengatakan, saya pernah sebut dan bongkarkan Barisan Nasional sapu tanah satu Malaysia, tanah-tanah di sapu hari ini saya baru tahu rupa-rupanya belum cukup dengan sapu tanah, sekarang mereka nak sapu apa loji air pun mereka nak sapu, loji air pun nak sapu, sekarang paip air pun nak sapu. Ini rakus betul. Sebab saya tengah syok, nanti dulu, nanti dulu masa tambahan. Tuan Speaker tambahan nanti. saya nak bagi peringatan ini.

TUAN SPEAKER: Dengkil, Dengkil dia tak benarkan. Sekinchan teruskan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya nak teruskan. Baik kemudian-baik kemudianlah. Oh kesian... pula ya. Oleh kerana kesianlah bagi lah.

Y.B. TUAN SHAHRUMM BIN MOHD. SHARIF: *That is the magic word*lah Tuan Speaker, kesian, Sekinchan bagi. Sekinchan saya nak minta penjelasan tadi ucapan Y.A.B. Menteri Besar mengatakan bahawasanya RM2 billion Kerajaan Persekutuan bantu untuk penstrukturan semula air di negeri Selangor, *In return* dengan izin sebagai balasan kerajaan negeri sepatutnya memberikan aset air kepada Kerajaan Persekutuan. Jadi aset-aset air yang disenaraikan termasuk seperti yang mana yang disebutkan oleh Y.A.B.Dato' Menteri Besar tadi termasuk loji Semenyih yang terletak di Putrajaya, loji Bukit Nanas yang terletak di Kuala Lumpur, loji Wangsa Maju juga terletak di Kuala Lumpur. Yang ini tanahnya terletak di Kuala Lumpur dan Putrajaya, kalau saya nak minta pandangan Sekinchan kita sebenarnya kita ingin mempertahankan kedaulatan Negeri Selangor, tanah Negeri Selangor, tapi tanah ini terletak di Putrajaya sepatutnya sebagai *it is understandable it should be gentlemen agreement* bahawasanya walaupun kita mempertahankan kedaulatan negeri Selangor tetapi juga kita menghormati kedaulatan Putrajaya dan Kuala Lumpur. Saya nak minta pandangan Sekinchantiga loji yang terletak di Kuala Lumpur dan juga Putrajaya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Yang Berhormat Dengkil, dikatakan kita kerajaan pusat bagi dua billion seperti apa yang dimaklumkan oleh YAB Dato Menteri Besar pagi tadi, sebentar tadi, aset air kita ada 14.9 billion, aset air tak termasuk loji-lojinya ada 14.9 billion dan kita telah setuju untuk bagi PAAB dua billion, apa lagi nak minta benda dah bagi dah setuju kita tinggal lagi 12.9 billion, maknanya kalau dia nak sapu lagi kalau kita tak ikut *master agreement* dia nak sapu apa, loji air Semenyih, nak sapu apa loji air Bukit Nanas bukan jalan nanas kapar ya. Bukit Nanas dan juga nak sapu apa paip air, kenapa ujud perkara sedemikian dan kemudian tuduh di TV 3 suku, tuduh di macam-macam lagi tuduh kita Selangor yang melambat-lambatkan, sedangkan pagi ini kita semua dikejutkan dengan jawapan yang sah di mana *master agreement* dia ada yang ada dipegang oleh YAB Dato Menteri Besar, masih panas lagi, masih panas lagi dalam isu kandungan tak ada ditulis benda itu. Tetapi kenapa tiba-tiba dia nak sapu benda ini ha... apa motif, *that's why* kenapa pagi tadi saya tanya apa motif. Sikit ... wah ini Dengkil dah jadi jurucakap untuk KeTTHA. Tak pa-tak pa teruskan.

Y.B. TUAN SHAHRUMM BIN MOHD. SHARIF: Mohon penjelasan soalan saya tadi, tadi Sekinchan bagi tahu aset air berjumlah 14 billion lebih, tetapi kenapa disenaraikan aset air yang terletak di Kuala Lumpur dan Putrajaya. Banyak lagi aset air Selangor yang boleh di senaraikan. Kenapa tiga aset ini juga disenaraikan oleh kerajaan negeri Selangor. Cuba Sekinchan jawab kalau tidak nanti YAB Menteri Besar kena jawab.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Yang Berhormat Dengkil. Aset air ini dalam perjanjian *master agreement* semua dah setuju, dua-dua belah pihak dah setuju kerajaan pusat dengan Ong Kee Lee nya menterinya dengan Ong Kee Lee nya Ong kanan tak apa. Ong dengan dulu mantan menteri besar kita pelabuhan Klang tak datang, Pelabuhan Klang Tan Sri Khalid Ibrahim sains dua-dua waktu itulah cerita benda ini lah kenapa waktu itu cerita benda itu dah kenapa ketika itu tak *argue* waktu itu tak pertikai. Tiba-tiba selepas menteri besar baru cuba-cuba nak ambil kesempatan, *sorry to say*, Menteri Besar kita bukan main-main calon tau. Kita *presentable* pertahankan kedaulatan negeri Selangor inilah Menteri Besar yang kita sokong. Bukan kipas. Inilah prinsip dia. cuba-cuba mengambil kesempatan nak masuk ya, *wong jowa ngomong nyolong-nyolong*. *Nyolong-nyolong meneng-meneng* inilah *maling-maling kabih*. Maling-maling dengan izin maling-maling pencuri. Ha-ha..... *maling-maling*, cuba ini jadi saya nak bagi tahu kita balik kepada *basic master agreement*. Saya menyokong Menteri Besar dengan sokongan *test* ini ha... nak juga. Saya pun ada gaya lebih sikit EXCO daripada Menteri Besar jawab ini. Bagilah Menteri Besar besok jawab. Ok lah bagi *changes* kitlah Permatang cuba ya.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya nak bangkitkan juga nanti isu yang sama tadi dalam perbahasan tapi oleh kerana Sekinchan dah sebut jadi saya pun nak tanya juga. Saya dengar ucapan YAB. Menteri Besar tadi mengenai penjelasan. Nak tuduh kata KeTHAA ke *Federal Government* nak ambil nak apamencantumkan apa mengambil hak dan sebagainya itu sebenarnya tak timbul. Isunya di sini ialah mengenai penaksiran. Penaksiran mengenai *master of agreement* yang ditandatangani. Isunya ialah mengenai dua aset yang ada di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang mana kita sedia maklum perjanjian tahun 74 Wilayah sudah dibayar oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Selangor satu jumlah pembayaran dengan mengambil alih Wilayah Persekutuan termasuklah Kuala Lumpur dan hari ini apabila aset itu disenaraikan bersama bagaimana kerana tanah di Bukit Nanas dan Semenyih ini adalah tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP). Jadi bagaimana Kerajaan Persekutuan hendak membayar sebahagian daripada apa ni boleh menerima aset itu, sedangkan aset itu terletak di atas tanah milik Kerajaan Persekutuan. Kita kena sedia maklum dalam Undang-undang siapa punya tanah aset dia. Jadi bagaimana Kerajaan Negeri Selangor walaupun itu ada perjanjian dah di... di dipersetujui lebih awal jadi bila pergi kepada detail ini kita kena tengok juga benda-benda ini. Sebab itu diminta supaya kedua-dua aset ini Bukit Nanas dan juga Semenyih ini dikeluarkan kerana ini terletak di bawah tanah Kerajaan Persekutuan. Tak ada isu kedaulatan sebenarnya kan jadi ini yang sepatutnya Sekinchan kena jelas bukan isu nak mengambil alih apa ni... ni...apa ni....eerr.. aset-aset ini. Ini satu tuduhan yang tidak... tidak jelas dan yang kedua juga mengenai kenapa perlu diserahkan kepada PAB sebagai cagaran sebenarnya bukan nak ambil PAB bagi dua billion kepada Kerajaan Negeri Selangor dengan meletakkan aset-aset air ini disewa balik nanti sepanjang 45 tahun oleh pihak Kerajaan Negeri ataupun air Selangor kan jadi Kerajaan sebagai orang yang mengeluarkan perbelanjaan dua billion sudah tentulah

ia nak meletakkan aset itu sebagai kolateralnya sebagai apa ni dengan izin cagarannya dan oleh kerana aset air itu loji dan sebagainya tanahnya milik Kerajaan Negeri sudah pastilah kena sekali lah dicagarkan dengan perkara yang sama kan jadi kalau nanti aset air milik Kerajaan orang lain oleh konsesi sedangkan tanah milik Kerajaan Negeri jadi bagaimana nak asingkan perkara ini kalau satu masa nanti dah bersetuju pada dasarnya tiba-tiba Kerajaan Negeri berkata ini tanah milik dia aset air aset dia jadi bagaimana nak selesaikan masalah ini. Jadi saya rasa ini sebabnya Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri kena berunding ini masalahnya ialah teknikal sahaja bukan isu nak merampas kedaulatan ataupun nak mengambil alih. Saya rasa tak timbul isu tu. Jadi Sekinchan kena jelas isu ni sebelum buat perbahasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Yang Berhormat daripada Permatang. Walaupun ini *floor* saya tetapi dia tanya pun dah lebih banyak sangat ini dah umpama lebih sudu daripada kuah. Tak pe lah saya bagi, saya dah bagi tahu soal saya, saya nak tekankan di sini kalau ada benda loji Bukit Nanas ke Semenyih ke waktu *master agreement* kita cakap secara terperinci cakap betul-betul mana you punya mana saya punya tak pe kita setuju tapi sudah kita tandatangani kemudian belakang cucuk sini tarik nak masuk ini nak masuk itu, itu tak betul. Ini orang kata apa, tak ikhlas. Tak ikhlas... benda ni tak boleh. Curi-curi macam tu... *orak keno* dengan izin tak boleh kita tak akan izinkan dan bab ini kita seluruhnya menyokong Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita tak akan berganjak dengan perkara ini. Sekian terima kasih.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Sekinchan.Saya nak bertanya sedikit aje... sedikit aje. Boleh lah.....Orang baik-baik mesti boleh punya. Tadi cerita pasal *list of aset* yang... yang dalam perjanjian utama tadi tu yang dipertikaikan. Dua aset berkenaan Sekinchan setuju tak dia sebenarnya milik Kerajaan Pusat. Setuju ataupun tidak?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya nak bagi tahu Batang Kali, Sekinchan tidak setuju sebab ini aset ada lah milik Negeri Selangor, rakyat Negeri Selangor... ahh ini penting.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Sekinchan. Minta maaf Sekinchan status tanah tu dah termaktub Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tak ada dalam *master agreement*

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Sekarang ni nak merampas..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Menteri Besar ada jawapannya.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Kerajaan Negeri Selangor nak merampas tanah Kerajaan Persekutuan ni.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Nanti-nanti...Kita serah kepada waktu besok penggulangan Menteri Besar ada jawapan.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Ini ada kaedah untuk merampas tanah Kerajaan Persekutuan. Status tanah Persekutuan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Sebab yang *detail agreement* tu

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Ini perompak ni... kedudukan ni....ini dah jadi perompak ni... ini tak boleh.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Sebab yang *detail agreement* tu ada pada Menteri Besar.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Saya bertanya..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Jangan nak jadi hero.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Tidak... saya tidak nak menjadi hero

TUAN SPEAKER: Batang Kali.... Batang Kali, saya tahu Batang Kali sudah bertanya tetapi Sekinchan pun sudah menjawab, dia tidak setuju. Teruskan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih. Dia nak gunakan platform ini untuk cakap. Tak apa. Saya nak beritahu kalau kita tak mematuhi perjanjian asal ini maknanya pengkhianatan. Cakap tak serupa bikin. Hah... ini pengkhianatan. Tak boleh ya dan kemudian Kerajaan Negeri juga ada 26,000 kilometer tanah tu daripada paip air tu, itu pun mereka nak juga semua nak sapu jadi perkara seperti ini tidak diizinkan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:Minta penjelasan sikit.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Kita sokong sepenuhnya Menteri Besar membuat keputusan tersebut.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:Saya nak minta penjelasan mengenai ini

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Hah... cukup lah mengenai bab-bab ini.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Mengenai 26,000 paip ni... boleh saya minta penjelasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Cukup....cukup.....cukup...saya rasa cukup dah. Cukup-cukup sudah (menyanyi) cukup sampai di sini saja.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tak faham. Yang diminta diesel ROW bukan nak ambil alih

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Biar saya teruskan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tak bagi?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tak bagi. Cukup-cukup sudah.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tak faham. Nak bahas tapi tak faham.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Esok kalau saya Menteri Besar, saya jawab semua. Saya bukan Menteri Besar.

TUAN SPEAKER: Sekinchan. Tolong jangan nyanyi.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Hah...Dia mencelah, saya tak bagi dia nak lagi.

TUAN SPEAKER: Yang lain. Ahli-ahli Pembangkang yang lain, kalau nak mencelah ikut cara Permatang. Berdiri minta kebenaran dulu. Jangan cakap. Sini bukan pasar semua nak bercakap waktu sama ya. Sekinchan tolong teruskan sudah 35 minit baru *point* pertama. Teruskan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker, hah ini (ketawa) kawan-kawan ramai, tak pe lah. Ya, kita tidak mahu ya olehkerana kita nak cepat muktamadkan perjanjian akhirnya hak-hak kerakyatan rakyat Negeri Selangor tergadai. Kita jangan umpama menang sorak kampung tergadai. Hah ini tak akan diizinkan berlaku di Negeri Selangor dan kalau lah sekiranya... sekiranya masih timbul pertikaian dalam soal konsesi, soal penyusunan ini, saya minta Kerajaan Negeri boleh kita *classify* semula Akta Rahsia Rasmi. *Classify* semula Akta Rahsia Rasmi kita buka *agreement* tersebut kepada umum untuk di teliti. Hah ini Kerajaan Pusat tak berani dan kita minta Kerajaan Pusat bagi sokongan supaya dibuka kalau ada pertikaian lagi. Dibuka supaya rakyat boleh teliti tentang kandungan perjanjian siapa

betul siapa salah sudah tentu akan dapat jawapan melalui *classify* OSA dokumen tersebut. Hah ini, jawapan saya untuk Permatang yang kurang matang sikit ya.

Saya seterusnya, meminta Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, sekarang kita boleh teruskan rundingan tapi hak rakyat Negeri Selangor jangan kita abaikan. Rundingan harus diteruskan dan kita juga harap dan saya juga bersangkaan baik sekiranya.... sekiranya Kerajaan Persekutuan juga dah akur, dah insaf dengan kesilapan yang lalu dan ikhlas kali ini jadi kita sama-sama. Bareng-bareng (dengan izin) sama-sama dan kita bincang akhirnya *Insya-Allah* pasti ada jalannya (dengan izin). Mesti ada jalannya...nanti kita boleh selesaikan demi kepentingan rakyat Negeri Selangor.

Tuan Speaker, Sekinchan juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini dalam inti pati titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sempena Majlis Pembukaan Persidangan Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas pada hari semalam. Terutamanya berhubung dengan aspek perpaduan kaum di kalangan rakyat yang berbilang kaum dan agama di Negeri Selangor. Harapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor agar rakyat Selangor yang berbilang kaum, agama dan budaya dijadikan aset terpenting ya aset terpenting untuk Negeri Selangor memajukan pertumbuhan dan menjamin keadilan sosial, kerukunan dan keramaian dalam sebuah masyarakat yang berbilang kaum adalah satu elemen penting untuk membina keyakinan khususnya di kalangan pelabur.

Justeru itu, saya menyeru kita semualah memberi sokongan dan dokongan padu kepada Kerajaan Negeri Selangor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar agar dapat berusaha keras ke arah memupuk semangat perpaduan kaum di kalangan rakyat sekali gus memastikan semua rakyat Selangor hidup dalam suasana yang aman dan damai serta saling hormat-menghormati di antara satu sama lain budaya murni dan semangat kerjasama serta saling memerlukan antara satu sama lain pasti akan membantu membina sebuah masyarakat yang bersatu padu dan berpaksikan prinsip kesederhanaan.

Tuan Speaker, pada tahun ini Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan 2.4 bilion untuk belanjawan 2015 yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada Persidangan bulan November yang lalu menerusi Belanjawan Pembangunan Berkualiti, rakyat dipedulikan ini sejumlah 1.1 bilion telah diluluskan untuk pembangunan. Maknanya pada tahun ini walaupun dalam keadaan ekonomi negara sedang dalam kegawatan angkara kejatuhan harga minyak global dan mata wang ringgit Malaysia akan tetapi Negeri Selangor terus subur dan rancak pertumbuhan ekonominya tanpa terjejas kerana kedudukan kewangan kita yang semakin kukuh. Ya semakin kukuh dan stabil oleh sebab itu walaupun belanjawan 2015 yang diluluskan adalah merupakan Belanjawan defisit namun ia perlu dan tepat pada masa kerana kegawatan ekonomi semasa memerlukan suntikan dana yang besar untuk terus merencanakan kegiatan ekonomi Negeri Selangor. Sehubungan itu,

dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor juga menekankan Belanjawan defisit 2015 adalah untuk memperbaiki struktur ekonomi dalam menghadapi pertumbuhan ekonomi Malaysia yang agak perlahan demi memastikan Negeri Selangor sebagai negeri termaju dan peneraju ekonomi Malaysia.

Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri Selangor dalam tempoh dua bulan yang pertama tahun ini meningkat secara mendadak iaitu RM226 juta lantaran itu rizab simpanan Kerajaan Negeri Selangor telah meningkat kepada RM3.4 bilion. Jumlah ini merupakan satu lagi rekod dan sejarah baru bagi Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor. Tahniah dan syabas sekali lagi diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Tuan Mohamed Azmin bin Ali dan barisan EXCO serta semua kakitangan Kerajaan yang telah bekerja kuat untuk mengutip cukai semasa dan juga tunggakan cukai bagi memperkasakan kedudukan kewangan Negeri Selangor.

Tuan Speaker, seperti apa yang kita sedia maklum Negeri Selangor melaksanakan program agenda merayakan ekonomi. Pelbagai program merayakan ekonomi telah Kerajaan Negeri laksanakan termasuk pemberian air percuma dan seterusnya daripada seorang anak yang dilahirkan, waktu kecil Kerajaan Negeri prihatin jaga sampai beliau jadi warga emas. Program-program yang kita laksanakan termasuk Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) di mana anak kecil yang dilahirkan boleh mendaftar sebagai Ahli TAWAS (Tabung Warisan Anak Selangor) dan apabila anak kecil ini dewasa umur 18 tahun akan diberi dijamin paling kurang RM1,500 dalam akaun bank nya. Ini antara hasil negeri untuk rakyat. Antara program agenda merayakan ekonomi.

Yang keduanya, apabila anak ini sampai ke peringkat sekolah kita bagi tuisyen percuma. Tuisyen percuma di setiap DUN. Seratus orang di setiap DUN. Anak-anak yang berpendapatan rendah, yang kurang berkemampuan kita panggil mereka, kita bagi tuisyen di tempat-tempat tertentu. Ini harapan, ini kepedulian yang dibuat oleh Kerajaan Pakatan Rakyat. Kemudiannya...

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Tuan Speaker, saya ingin penjelasan. Tuisyen percuma di tempat-tempat tertentu. Saya ingin dapatkan maklumat di...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya belum... belum...belum bagi... saya bagi pun belum lagi. Kena ikut peraturan lah macam tu..

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Saya inginkan penjelasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ok saya bagi macam tu lah...hah.... itu pun tak tahu.

TUAN SPEAKER: Hulu Bernam.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Saya inginkan dapatkan penjelasan. Di manakah tempat-tempat tuisyen percuma yang dijalankan dan juga kenapa ada rungutan pelajar-pelajar yang ingin dapat masuk universiti tidak dapat keseluruhannya untuk dapat bantuan RM1,000.00 seperti dalam manifesto yang telah dijanjikan. Sila beri jawapan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Hulu Bernam yang pagi ini agak aktif untuk bangun hah aktif bangun sahaja. Saya nak bagi tahu, tuisyen percuma kita adakan di tempat-tempat seperti ada kita gunakan sekolah rendah agama pun ada, kita guna balai raya pun ada. Ini kita boleh tanya di setiap DUN. Tanya lah. Layarilah Portal Negeri Selangor dan tanya DUN. Kadang-kadang boleh tanya. Hulu Bernam garang kurang tanya lah. Menyusahkan kita. Tak pe. Itu satu. Yang kedua, soal...soal pemberian hadiah universiti itu belum saya masuk dia dah masuk, tak pe lah. Saya jawab juga lah. Saya belum cerita tu, *urong*...sabah pun tahu... hadiah masuk universiti RM1,000.00 ada orang tak dapat, hah.. mungkin mereka yang minta tu kriterianya, syarat-syaratnya tidak menepati, mungkin... walau bagaimanapun saya minta Kerajaan Negeri kita perhalusi mana yang mana ada komplek yang mengatakan mereka tidak dapat kita siasat betul-betul pastikan keadilan untuk semua. Haah... kalau mereka betul-betul menepati syaratnya mesti bagi RM1,000.00 tu kalau tak menepati tak boleh buat lah haah boleh bagi wakil rakyat boleh sumbangkan ke termasuk Hulu Bernam pun boleh sumbang juga. Haah jadi ini lah antara sampai ke universiti pun kita jaga kemudian apabila sampai lepas ke universiti mereka dah bekerja. Mereka dah bekerja Kerajaan Negeri jaga juga, prihatin juga, peduli apabila mereka ada teman wanita dan lelaki nak kahwin, sampailah ke masanya kita ada insentif perkahwinan. Insentif perkahwinan Kerajaan Negeri Selangor di mana kalau dia anak Selangor dia warga Selangor menepati syarat, yang perempuannya menepati, yang lelaki menepati, mempelainya menepati umur bawah 35 kita seorang bagi RM500.00.

Lelaki RM500.00 pengantin perempuannya RM500.00 ini untuk kahwin kali yang pertama. 35 yang ke bawah umurnya kalau macam Sabak tak boleh lah ya..... Sabak dah *out of the circuit* terkeluar. Siapa yang kahwin dua kali tu tak dapat. Haah ini kita menggalakkan supaya anak-anak muda kita sampai ke masa untuk berkahwin, mereka berkahwin akan menjana, membina satu keluarga yang bahagia, keluarga yang sakinah (dengan izin) kita harap dengan cara Negeri Selangor ini ya pendekatan Negeri Selangor ini, inisiatif Negeri Selangor ini kita dapat membantu anak-anak muda meringankan bebanan mereka. Ini antara Kerajaan Negeri kita yang gunakan cara yang sedemikian. Kota Damansara.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Sikit.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Oh sikit. Dia nak sikit. Terima kasih.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Terima kasih Sekinchan, saya nak mohon penjelasan berkenaan dengan semua insentif-insentif yang akan diberikan oleh Kerajaan Negeri ini saya dapat maklumat semuanya menggunakan borang-borang yang perlu di tandatangan oleh ADUN. Adakah tandatangan ADUN daripada Barisan Nasional ini diambil kira.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih kepada Kota Damansara kerana mengingatkan saya tentang perkara tandatangan. Tu maknanya Kota Damansara ini dia ada kerja. Dia ada kerja, dia pernah ambil borang dan dia tahu tapi yang lain tu mungkin tak de kerja lah. Mungkin tak kerja, tak pe. Ini bagus Kota Damansara, saya ucapkan tahniah. Soal tandatangan ADUN daripada Pembangkang ataupun Penyelaras ini yang termasuk Batang Kali yang Penyelaras tu boleh laku ke tak de, saya tak tahu kita serahkan kepada Kerajaan Negeri besok kalau dalam penggulungan sebagainya mereka jawab. Sekinchan tak ada hak nak jawab, belum jadi Menteri Besar lagi. EXCO pun belum. Saya bagi tahu dulu ya. Kita terima semua teguran. Kita terima kritikan. Kita terbuka tak ada masalah. Jangan macam UMNO lah. UMNO kena rubah. UMNO tak berubah. Tak apa lah. UMNO tetap tak berubah-ubah dan seterusnya apabila seorang warga Negeri Selangor mereka sampai ke umur ke warga emas kita juga ada insentif. Insentif 60 tahun dia boleh daftar dalam Skim Mesra Usia Emas. Skim Mesra Usia Emas ini adalah khairat kematian. Kita tahulah sama ada Sekinchan ke, Sabak ke, Kajang ke, Taman Medan ke, Kg. Tunku termasuk Permatang ke kita manusia biasa, kita kerdil, manusia tak ada yang maksum dan manusia akan satu hari nanti akan pulang ke rahmatullah akan meninggal dunialah. Dalam erti kata lain meninggal dunia jadi apabila kita meninggal dunia lebih umur 60 Kerajaan Negeri dah sediakan dengan warisnya RM2,500.00 khairat kematian. Haah ini antara Kerajaan yang betul-betul peduli rakyat sekarang sampai hari ini. Dulu saya nak cerita dalam Dewan yang mulia ini kalau dulu tahun 2008, tahun 2009 apabila kita laksanakan insentif ini, program ini, oh kawan-kawan daripada pembangkang, Barisan Nasional khususnya UMNO mereka menghasut ataupun mereka beritahu ini jangan percaya Pakatan Rakyat lah ini tipu punya cerita. Haah macam-macam, saya dengar sampai ke pejabat saya. Macam-macam mereka kata.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:Tuan Speaker. Sekinchan minta sedikit.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Minta sahaja angkat tangan tak perlu. Ya terima kasih.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:Itu disiplin, bersopan santun. Sini ya YB. Sekinchan saya nak nyatakan pasal khairat kematian. Khairat itu kita telah mulakan sebelum Kerajaan Negeri ini diambil alih oleh Kerajaan Pakatan Rakyat dan diteruskan jangan kata kita tak buat. Itu saya nafikan. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih kepada Hulu Bernam. Walau bagaimanapun cara kita Kerajaan Negeri Selangor buat ni kita tak tiru daripada

siapa janji borang yang dihantar sama ada dia biru berkarat, sama ada dia hijau, sama ada dia merah semua kita kena bagi janji cukup syarat. Cukup syarat dapat kita kena bagi jangan ada sebarang penindasan diskriminasi seperti apa yang ditegaskan oleh titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor semalam di mana jangan wujud diskriminasi. Siapa-siapa yang diberikan.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Saya nafikan. Sekinchan... minta saya jelaskan sebenarnya tidak ada pula kita pilih biru, hijau, kuning tak ada. Semua kita bagi di zaman kita memerintah dulu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ok. Terima kasih. Oh Sekinchan nak tegaskan di sini Kerajaan Pakatan Rakyat ini kita tak pilih warna. Kita buta warna. Buta warna. Apa-apa *colour* pun kita terima lah. Kita terima janji proses. Kalau ada siapa-siapa di kawasan saya termasuk di Sabak bagi tahu orang *colour* biru tak bagi tak boleh. Saya akan lawan. Saya akan pertahankan hak untuk mereka hah itu.. ini tak boleh tak *compromise* dalam konteks ini. Jadi nampak tak bagaimana Kerajaan Pakatan Rakyat mentadbir, mengurus Negeri Selangor dengan rizabnya RM3.4 bilion dan kita salurkan melalui hasil negeri untuk rakyat kita tak kenakan GST tapi yang kenakan GST ni siapa? Kerajaan Pusat. Kita tolong rakyat, meringankan bebanan mereka beza hah bagai langit dengan bumilah. Hah ini beza Kerajaan Pakatan Rakyat dan saya harap Kerajaan Negeri Selangor di bawah Yang Amat Berhormat Bukit Antarabangsa Dato' Menteri Besar kita teruskan program-program yang terbaik, kita perkasakan program ada kelemahan umpamanya RM1,000.00 untuk IPT, hadiah IPT ini kalau ada kelemahan di mana apabila cek sudah sampai seperti dahulu saya pernah nyatakan dalam Dewan sebelum ini. Cek dah disediakan ataupun tidak di *call*. Tidak *call*, tidak panggil penerima datang sampai luput cek itu. Haah itu pun satu kelemahan. Yang keduanya, apabila cek itu sudah sampai tolong telefon. Yang ketiga, kita kena buat satu sistem yang lebih baik di mana mereka apabila permohonan dua bulan bagi tempoh masa dua bulan dapat ke tak dapat, lulus ke tak lulus bagi satu surat maklumkan permohonan anda ini diterima dan dalam proses hah..dia pun sejuk lah sikit. Permohonan anda ini tidak menepati kriteria seperti berikut dan dukacita dimaklumkan ditolak hah barulah dia sejuk sikit. Jangan dua bulan, lima bulan pun tak ada jawapan khabarnya hah baru lah... ini... ini bukan, bukan cara kita menangani isu ini. Saya harap pada masa akan datang sekiranya hasil kita bertambah, saya minta hadiah masuk universiti ini kalau boleh silingnya dinaikkan daripada RM1,000.00 ke RM1,500.00 kalau kita berkemampuan hah ini permintaan daripada Sekinchan.

Dan seterusnya Tuan Speaker, saya hendak mengulas juga menimbulkan isu tentang...

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Y.B. Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ok.... ok...

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Saya minta cukup bagus kita bagi universiti ini kadar ni tetapi biarlah menyeluruh. Di kawasan saya ramai yang komplek tak dapat terutama yang miskin-miskin ni. Jadi Kerajaan Negeri kenalah bersikap adil dan telus. Kena bagi semua. Jadi kita *retorit-retorit* di dalam Dewan tetapi kenyataan yang sebenarnya di bawah tidak berlaku. Jadi sila jelaskan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Hulu Bernam. Hulu Bernam kena faham prosiding kerajaan bawa yang mana-mana tidak dapat, yang di katakan tidak adil bawa senarai panjangkan. Panjangkan kepada Kerajaan Negeri Selangor kalau mereka-mereka ini menepati syarat dan mereka tak bagi keluar surat khabar ambil kain rentang hah ini caranya seperti Sekinchan lakukan dahulu. Sekinchan dahulu pembangkang tahu caranya. Ini pun saya nak ajar pembangkang macam mana pula ni hah tak apa lah. Ada apa-apa yang tertindas, terlucut ataupun terhilang, terlepas pandang bagi senarai panjang lebar bagi kepada Kerajaan Negeri, saya yakin Kerajaan Negeri Selangor kita akan teliti *one by one* dengan izin tak ada masalah *insya-Allah* kita akan uruskan ya.

Tuan Speaker, Dewan ini dimasa ini permintaan rakyat khususnya mereka yang berpendapatan sederhana dan rendah terhadap rumah yang berharga di bawah paras RM250,000.00 adalah sangat terdesak. Bukan mudah bagi mereka khususnya anak muda mencari rumah sedemikian di kawasan Lembah Klang tambahan pula cukai GST yang dilaksanakan oleh Barisan Nasional telah menyebabkan kenaikan harga barangan yang berleluasa dan begitu juga dengan harga rumah yang semakin tinggi. Oleh yang demikian, impian rakyat untuk memiliki rumah sendiri semakin sukar untuk dicapai dan kadang-kadang hanya tinggal ilusi sahaja. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri Selangor sebagai sebuah Kerajaan yang prihatin dan peduli rakyat maka sudah tentu mengambil langkah yang proaktif untuk memikirkan bagaimana dapat membantu rakyat dalam perkara yang sangat dititik beratkan oleh rakyat. Sebelum ini, mantan Menteri Besar menggunakan pendekatan daripada Ijok menyerahkan tanggungjawab membina rumah mampu milik Selangorku ini kepada anak syarikat GLC seperti PKNS, PNSB. Dengan inisiatif tersebut dan pada ketika itu pembinaan rumah mampu milik agak perlahan ya dan saya senaraikan dua contoh. Dua tiga contoh, projek SelayangMutiara di Bukit Botak dengan jualan RM99,000 seunit hah cukup murah di mana PKNS mengalami kerugian hampir RM80 juta. Hah ini waktu ketika itu kita buat cara demikian. Yang keduanya projek pangsapuri ramai *residence*, Seksyen 3, Bandar Baru Bangi sebanyak 104 unit disediakan oleh PKNS juga PKNS mengalami kerugian RM12 juta. Hah itu antara projek yang berjaya dilaksanakan tetapi saya nampak ketika itu dan seterusnya ada projek yang sedang dalam pembinaan seperti Shah Alam U12, Shah Alam, Seksyen 1D Antara Gapi dan Seksyen 5 Kota Puteri. Persoalan yang timbul ialah kaedah sedemikian agak lambat dan tidak setimpal dengan jumlah bilangan pemohon yang masuk, permintaan semasa yang diterima ya. Saya difahamkan 40,000 permohonan untuk rumah mampu milik Selangorku ini.

40,000.00 permohonan. Jadi dan Kerajaan juga menggunakan kaedah sedemikian gunakanan GLC anak syarikat Kerajaan terpaksa menanggung kos kerugian yang besar dan ini juga sangat membebankan dan tidak dapat memenuhi harapan dan hasrat rakyat untuk dapat rumah mampu milik Selangorku ini.

Tuan Speaker, walau bagaimanapun saya dalam, saya sendiri pernah bangkitkan isu kelewatan dan isu kekurangan rumah mampu milik yang disediakan oleh Kerajaan Negeri ini pada persidangan 2013 yang lalu saya telah mengemukakan satu Usul secara khusus menyeru Kerajaan Negeri segera mempercepatkan pembinaan lebih banyak rumah mampu milik demi kepentingan rakyat dan pada masa yang sama saya telah mengesyorkan beberapa kaedah mempercepatkan pembinaan dan menambah bilangan rumah mampu milik yang dibina. Antaranya ialah membuka ruang kepada pemaju swasta dengan cara kerjasama atau berusaha sama dan seterusnya menyediakan pelbagai insentif untuk menggalakkan minat pemaju swasta bagi menjayakan usaha tersebut. Walaupun Usul tersebut telah disokong pada ketika itu dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, namun tindakan ketika itu terhadap cadangan saya ini amat lembap dan dipandang sepi. Syukur alhamdulillah Kerajaan Negeri Selangor di bawah pimpinan YAB. Dato' Menteri Besar, Tuan Mohamed Azmin bin Ali lebih proaktif. Lebih proaktif dan lebih komited. Lebih komited terhadap isu perumahan yang ditunggu-tunggu oleh rakyat. Walaupun baru enam bulan lebih kurang ya menerajui Negeri Selangor YAB. Dato' Menteri Besar telah mengorak langkah turun ke lapangan mendengar keluhan dan memahami keperluan rakyat serta menekan soal pembangunan dapat betul-betul diterjemahkan dan dirasai sendiri oleh rakyat jelata. Sehubungan itu, pada bulan ini sahaja hah hari ini sahaja baru 31. Pada bulan ini sahaja YAB. Dato' Menteri Besar merasmikan, merasmikan maklumat yang saya dapat Majlis Pecah tanah beberapa projek pembinaan rumah mampu milik Selangorku atas kerjasama pemaju swasta di antaranya ialah projek pembinaan 2,403 unit rumah Selangorku oleh Sime Darby Properties Berhad di Bandar Bukit Raja dan projek pembinaan 2,330 unit rumah Selangorku oleh IJM Land di Bandar Rimbayu Teluk Panglima Garang serta yang terbaharu projek pembinaan 1,041 unit rumah Selangorku oleh WCT di Bandar Parklands Klang. Saya juga dimaklumkan sekurang-kurangnya ada 9, sekurang-kurangnya keseluruhan ada 9 projek pembinaan rumah mampu milik Selangorku bakal dijalankan dalam tempoh dua tiga tahun ini. Di bawah skim insentif galakan rumah Selangorku 2015.

Oleh itu, sasaran Kerajaan Negeri Selangor iaitu menetapkan 15,000 unit rumah mampu milik dalam tempoh tiga tahun, saya cukup yakin ianya akan dapat direalisasikan. Saya menyokong penuh lah langkah Kerajaan ni, saya berharap segala pembinaan ini lancar dan akan dapat diselesaikan. Pada masa yang sama saya amat berharap Kerajaan Negeri dapat memanjangkan usaha-usaha pembinaan rumah mampu milik Selangorku ini ke kawasan luar bandar seperti Sekinchan, Kuala Selangor dan Sabak Bernam. Terutamanya kawasan yang sangat pesat, membangun seperti Sekinchan untuk makluman Dewan yang mulia ini permintaan

rakyat DUN Sekinchan terhadap rumah mampu milik juga sangat terdesak memandangkan Sekinchan menghadapi masalah kekangan tanah, kekurangan tanah kerajaan yang kritikal. Boleh dikatakan sudah hampir semua tanah-tanah Kerajaan yang kosong yang berada di Sekinchan sudah disapu oleh komponen Barisan Nasional iaitu MCA, UMNO dan MIC pada zaman Barisan Nasional. Saya ada butiran kalau saya perlu saya akan bawa. Kita sedia maklum soal sapu, soal sapu tanah ini ada kelebihan luar biasa bagi Barisan Nasional, tahniah. Saya telah panjangkan satu permohonan kepada Majlis Daerah Sabak Bernam dan Pejabat Menteri Besar tentang hasrat dan harapan rakyat DUN Sekinchan dalam konteks pembinaan rumah mampu milik Selangorku. Saya minta permohonan tersebut dapat disegerakan dan bantuan Y.A.B. Dato' Menteri Besar supaya impian rakyat DUN Sekinchan untuk membeli rumah Selangorku di bawah harga RM250,000.00 ini akan menjadi kenyataan tidak lama lagi.

Tuan Speaker, saya juga dimaklumkan bahawa bilangan rakyat yang berpendapatan rendah yang mengemukakan permohonan seperti yang saya tegaskan tadi adalah 40,000 dalam 40,000 tu saya dimaklumkan ada 20,000 mereka ini agak sukar untuk mendapat, mendapat pinjaman daripada institusi kewangan perbankan, mereka susah nak dapat pinjaman.

Oleh yang demikian, saya juga dimaklumkan kerajaan ada satu skim dinamakan DanaSel tapi kita sebagai Ahli Dewan kita tidak maklum sangat tentang DanaSel dan bagaimana DanaSel ini boleh bantu mereka yang tidak dapat memperoleh pinjaman ini dan agar mereka berjaya mendapat rumah pada masa akan datang. Jadi saya minta penjelasan terperinci berkenaan dengan DanaSel dan juga saya berharap kerajaan dapat memperuntukkan satu tabung khusus bukan sahaja kepada orang awam ya untuk membeli, membeli apa Rumah-rumah Selangorku ini. Saya juga dimaklumkan terdapat juga ramai kakitangan kerajaan kita yang berstatus kontrak. Mereka dah 10 tahun, 5 tahun bekerja di SUK tapi mereka masih kontrak lagi. Oleh kerana mereka masih kontrak, berstatus kontrak, maka mereka tidak boleh meminjam dengan mendapat kemudahan pinjaman daripada Kerajaan Negeri. Saya yakin tentu Pegawai Kewangan Negeri pun maklum perkara ini. Jadi saya harap, saya harap kerajaan dapat memikirkan bagaimana kita kalau boleh tubuhkan satu tabung untuk bantu mereka yang 10 atau 15 tahun ke atas. Mereka juga nak beli rumah tapi pinjaman daripada slip yang mereka ada ni dipanjangkan kepada bank, bank pun tak laku. Bank tak tengok pun. Jadi mereka ni sampai sekarang ramai yang sewa atau duduk di rumah kerajaan. Saya juga simpatilah dengan nasib mereka. Saya harap perkara ini dapat diberi perhatian yang sewajarnya oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

Dan seterusnya Tuan Speaker.

Di dalam Dewan yang mulia ini Sekinchan juga ingin membangkitkan satu isu yang cukup penting berkaitan dengan premium tanah yang dikenakan ke atas tanah-tanah

yang memohon tempoh lanjutan, pajakan tempoh 60 tahun dan 99 tahun khususnya di kawasan Kampung Baru Cina. Ramai penduduk Kampung Baru Cina di seluruh Negeri Selangor terutamanya Sekinchan, mereka mengeluh, mengeluh angkara nilai premium tanah yang ditaksirkan oleh JPBD, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta adalah sangat tinggi dan membebankan. Ramai yang tidak puas hati meminta saya menyuarakan kebimbangan mereka. Ramai di kalangan pemilik premis di antaranya selain daripada Kampung Baru, tapak rumah di kampung baru, di premis-premis rumah kedai ataupun bangunan perniagaan yang mereka duduk dah sampai 99 tahun. Sekarang mereka kena mohon pajakan lanjutan pajakan tempoh sekarang ini dan apabila mereka mohon ada satu kes yang dipanjangkan kepada saya di Pejabat Daerah/Tanah Sabak Bernam. Mereka minta, kerajaan dah luluskan, luluskan permohonan untuk 5A untuk lanjutan tersebut. 99 tahun dengan keluasan dia dalam 320 meter persegi keluasan kedai tersebut. Gerai lama gerai yang usang hanya kedai kopi dan premium yang dikenakan untuk 99 tahun adalah RM154,255.00 dan mereka memberitahu saya ini merupakan satu bebanan dan mereka juga tanya kenapa di kampung baru kalau kita bayar cepat dalam tempoh 3 bulan ada diskaun 30%, 30% tetapi di bangunan perniagaan seperti ini mereka dah duduk lama sekarang sampai generasi kedua mereka nak bayar juga tapi tak ada diskaun. Sekurang-kurangnya kalau tak boleh kurang premium pun bagi tempoh bayar 3 bulan ke bagi diskaunlah 30% ke supaya mereka pun boleh pergi cari duitlah, ada keinginan untuk bayar. Dan hasil cukai kerajaan negeri juga bertambah, dan kita juga dapat bantu mereka.

Dan saya juga menyambut baik cukup menghargai langkah kerajaan di mana sebelum ini kita ada laksanakan kampung baru mereka tak boleh bayar. Tapi ada satu premium RM1,000.00, premium RM1,000.00 tanpa pindah milik nama di mana akan dicop dalam geran, geran dibawa balik. Mereka boleh duduk di situ, boleh diwariskan oleh anak mereka tetapi tidak boleh dijual, dipindah milik melainkan bayar pada ketika itu premium waktu pindah milik. Itu juga satu langkah yang baik. Tetapi untuk premis perniagaan ini saya mintalah sekurang-kurangnya ada diskaunlah dalam tempoh yang waktu yang dibayar. Sekurang-kurangnya 30% bayar mereka dapat membayar mengurangkan bebanan mereka. Inilah antara permintaan-permintaan yang ramai rakyat di bawah di Sekinchan, di kawasan Sabak Bernam saya terima setakat ini.

Dan seterusnya, saya juga ingin Tuan Speaker, saya masih ingat Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah mengumumkan budaya kerja, budaya kerja yang baru iaitu ala Jokowi iaitu 80% di lapangan dan 20% di pejabat. Budaya kerja yang pro-rakyat ini sangat disenangi oleh rakyat dan terus mendapat dokongan serta sokongan padu daripada rakyat bawahan. Namun untuk, namun untuk menzahirkan pendekatan ini kepada tindakan yang pro-aktif tidak semudah yang dijangka kerana Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar seperti kita juga hanya mempunyai 24 jam sahaja termasuk waktu makan, tidur, solat. Ia ada 24 jam. Kalau masa 80% di lapangan, kita sedia maklum sebagai Ketua Kerajaan Negeri Selangor yang sangat

pesat membangun dan termaju, ini setiap hari dipenuhi dengan berbagai program di sana sini untuk bertemu rakyat untuk menghabiskan kerja-kerja dan urusan mesyuarat kerajaan di Pejabat Menteri Besar sudah tentu mengambil banyak masa sehingga saya selalu pantau. Sampai 7.30 – 8.00 Menteri Besar masih ada di pejabat. Masa kerja sampai pukul 7.30 – 8.00 malam masih di Pejabat Menteri Besar. Banyak urusan pentadbiran, mesyuarat MMKN ya, mesyuarat MTESnya Majlis Tindakan Ekonomi, GLC dan sebagai juga dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Tambahan pula banyak permohonan yang berkaitan dengan pentadbiran tanah seperti *Blanket Conset*, *Consent* pindah milik individu, pembatalan warta, pengambilan tanah, penyatuan tanah, pewartaan KTN Kanun Tanah Negara 62 dan lain-lain lagi juga perlu tandatangan kelulusan daripada Pejabat Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sendiri. Memandangkan urusan pentadbiran dan urusan rutin tanah tersebut sangat membebankan dan menghabiskan banyak masa Dato' Menteri Besar, maka sukacita saya mengesyorkan supaya ianya diturunkan kuasa kepada Dato' Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor bagi meringankan beban tugas Menteri Besar. Sebelum ini kita sering menerima aduan tentang kelewatan permohonan yang berkaitan dengan urusan tanah dan jabatan-jabatan yang tidak memberi kerjasama yang sewajarnya terutamanya dalam laporan teknikal dan sebagainya serta wujud elemen-elemen birokrasi yang serius. Saya yakin sekiranya syor tersebut dipertimbangkan dan seterusnya diimplementasikan sudah pasti akan dapat melicinkan urusan pentadbiran dan memperkasakan sistem pentadbiran dan sistem penyampaian yang lebih cekap dan berkesan serta tepat pada masa yang ditetapkan. Inilah cadangan saya.

Dan seterusnya Tuan Speaker,

Saya juga ingin dalam Dewan yang mulia Sekinchan untuk menimbulkan satu perkara dengan budaya kerja kakitangan Negeri Selangor seperti mana yang kita sedia maklum, sokongan kepada penjawat awam ya untuk membantu menjayakan visi dan misi Kerajaan Negeri adalah amat penting terutamanya dalam konteks menterjemahkan segala perancangan pembangunan dan perkhidmatan yang cekap dan pantas serta amanah kepada rakyat. Tanpa faktor dan sokongan serta kerjasama pastinya banyak dasar dan perancangan kita tidak dapat ataupun enggak bisa direalisasikan. Sehubungan itu, dalam konteks ini disiplin dan budaya kerja yang amanah dan bertanggungjawab perlu sentiasa dipupuk bagi menjamin kelangsungan dan perkhidmatan yang berkualiti kepada rakyat. Pengamatan saya setakat ini kualiti perkhidmatan kepada kakitangan SUK, Pejabat Tanah dan Daerah dan Tanah, PBT sudah menunjukkan, menunjukkan peningkatan secara keseluruhannya. Ini satu petanda yang baik demi rakyat. Terdapat juga namun terdapat juga banyak ruangan ya, banyak ruangan untuk ditambah baik, untuk ditambah baik. Seperti baru-baru ini saya nampak di mana sebelum ini kita ada budaya ponteng di waktu pejabat. Saya nampak di Seksyen 3, Seksyen 4, Seksyen 7 waktu kerja, waktu pukul 9.30, waktu 10.00 ramai kakitangan kita, kakitangan

kerajaan pakai uniform bertegur sapa dengan saya di mana? Di kedai-kedai kopi. Walhal *time* itu adalah *time* kerja. Ha, ini antara budaya sudah sekian lama dipupuk. Tetapi untuk mentransformasikan untuk mengubah budaya ini kita perlu sedikit masa, demi sedikit masa. Dan langkah saya memuji, langkah yang diambil oleh Dato' SUK baru-baru ini. Beliau sendiri mengetuai pasukannya turun ke kedai-kedai mamak di sana-sini, di Shah Alam, di sana mereka dan bersalaman dengan mereka yang minum di situ. Bersalaman dengan mereka yang minum waktu kerja. Bersalaman dan dicatit nama mereka kenapa masih minum di sini. Ini tindakan disiplin boleh diambil. Kita bukan bermusuhan dengan kakitangan tapi budaya tu. Kita tidak mahu rakyat yang datang ke PTG, kita tidak mahu rakyat yang datang ke kaunter-kaunter PBT, kaunter-kaunter Pejabat Daerah dan Tanah ada 6, 7 kaunter tapi waktu pukul 9, 9.30 hanya 2 kaunter dibuka. 4 kaunter, 5 kaunter kosong. Rakyat terpaksa mengambil masa 2 jam, 1 jam setengah untuk menghabiskan rutin harian mereka. Ini membazir masa ya. Kita mahu rakyat datang cepat, tepat pada masa. Dan perkhidmatannya mesra, senyum selalu. Ha, ini yang saya, saya minta Kerajaan Negeri, kita terus pantau. Saya harap kerjasama daripada teguran sedikit ini dapat diterima oleh kakitangan Kerajaan Negeri Selangor untuk kita menjayakan misi dan visi Kerajaan Negeri Selangor. Dan pada masa yang samajuga saya harap kalau tahun ini walaupun kegawatan ekonomi Kerajaan Barisan Nasional dia besok nak laksanakan GST, Kerajaan Negeri Selangor lain. Tahun lepas sahaja, saya pun tahu, dalam pengamatan saya tahun lepas sahaja kita bagi bonus lebih daripada Kerajaan Pusat. Ini kekuatan, kekuatan Kerajaan Negeri Selangor. Saya harap kita boleh meneruskan budaya sedemikian tradisi kalau kita mampu kita jaga kebajikan kakitangan kita dengan lebih baik. Seperti apa yang saya tekankan tadi, kakitangan kontrak kalau sudah 10 tahun, 15 tahun tak boleh pinjam *loan* pinjaman daripada bank kita sediakan satu dana khas untuk mereka. Itu satu yang kedua, kita boleh semak semula yang 10 tahun kerja kontrak, 15 tahun kerja kontrak, kalau sudah 10 tahun, 15 tahun kerja kontrak boleh tak macam mana kita tolong untuk mereka serap kepada kerja bukan lagi kontrak. Ha, *permenant staff* lah untuk mereka jadi kakitangan tetap. Kalau boleh kita ada satu jawatankuasa sentiasa menilai, penilaian, sentiasa nilai supaya mereka lebih yakin. Ha, lebih bersemangat untuk menunjukkan kerja, budaya kerja yang lebih baik, berdedikasi dan bertanggungjawab. Inilah sedikit harapan saya agar Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan dan seterusnya saya juga ingin menyentuh sedikit tentang pembaharuan yang Dewan lakukan ya. Saya ucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat Tuan Speaker kerana di bawah yang Berhormat Tuan Speaker banyaklah menyambung kesinambungan, telah membuat banyak perubahan, *preform*, reformasi di dalam Dewan yang mulia ini termasuk banyak. Semalam ya, semalam kita ada satu majlis santapan makan malam bersama Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor dan dilancarkan satu *insignia* Dewan yang baru. Begitu cantik saya nampak ya. Ini satu inisiatif yang baru, ini satu mencerminkan Dewan Negeri Selangor adalah Dewan penggubal, *Legislatif* yang terbaik, yang peneraju bagi Negeri Selangor, bagi Malaysia. Saya ucapkan tahniah kepada Tuan Speaker dan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar seluruhnya

Kerajaan Negeri Selangor dan seterusnya ada *website*, *website* baru untuk Dewan Negeri Selangor. Sekarang, ADUN-ADUN sekarang *paper work*, *paper* dah kurang dulu kita bawa, bawa dokumen-dokumen untuk Persidangan Dewan sampai tak terpikul. Penuh, tinggi penuh. Sekarang kita banyak gunakan 'e' ya. Gunakan melalui internet dan sebagainya daripada diakses tidak perlu gunakan kertas. Ini juga selaras dengan mesra alam. Dan seterusnya *website* Dewan juga, soalan-soalan kita juga mudah sekarang. Kita boleh *key-in* melalui *website* hantar soalan melalui *website* dan senang apabila 40 perkataan akan ditolak, tak boleh masuk. Dulu kalau kita panjang lebar pertanyaan soalan tu. Oh, sampai *international roaming* ke hulu ke hilir. Tapi soalan tu hanya akhirnya tanya 1 sahaja tapi pusing dengan ayat-ayat penuh dengan bunga tak berbunga pun ada. Sekarang tak adalah. *Speaker* dah cegah, benda-benda bunga dah tak ada. Terus *straight to the point*, dengan izin. Ha, inilah antara pembaharuan yang saya nampak. Dan juga kita banyak jawatankuasa seperti SELCAT dan biasa ada *public hearing* seperti Jawatankuasa PADAT, seperti Jawatankuasa PBT, Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan, Jawatankuasa Air dan sebagainya. Inilah paling banyak jawatankuasa *Select Committee* Dewan Negeri Selangor. Parlimen pun tak boleh lawan. Parlimen pun tak boleh lawan. Ini kita ucapkan tahniah dan yang paling pentingnya saya juga ingin saya tegaskan, semalam ada sesuatu yang saya nampak berlaku. Nampaknya tidak begitu elok ya di mana ADUN-ADUN daripada pembangkang juga ada suarakan ketidak puas hati mereka termasuk saya, termasuk Sg Panjang di mana waktu, waktu jamuan

Y.B. TUAN DR. YAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Waktu jamuan semalam, ADUN-ADUN ini ya tidak ada kehilangan khusus tak ada, tak ada halangan. Kita tidak diberi penghormatan makanan terpaksa. Oh. Ok.

Y.B. TUAN DR. YAKOB BIN SAPARI: Saya nak mencelah sedikit sebab Bahasa Melayu yang digunakan dalam *standard* Bahasa Dewan ialah bahasa Melayu Malaysia. Dia bukan Bahasa Malaysia. Sila nyatakan apakah kekangan yang dihadapi sehingga menyebabkan usaha tersebut masih enggak bisa sukses. Jadi apa alasan Sekinchan untuk gunakan bahasa yang bukan Bahasa Melayu?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Kota Anggerik. Tu lain kali topik yang berlainan sikitlah. Tapi apa ni tiba-tiba saja potong stim saya ni. Ai... ni Kota Anggerik, Kota Anggerik. Tak apa, Kota Anggerik. Duduk kejap, duduk kejap.

Y.B. TUAN DR. YAKOB BIN SAPARI: Sebab menyentuh soal soalan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya nak jawab, saya nak jawab....saya ngak bisa kalau jawatankuasa penilaian soalan yang dipengerusikan kan oleh speaker dan Timbalan Speaker, kalau dia tak tolak bermakna salah kalau dia tolak...tolak lah....ha jadi Kota

Anggerik tak perlu persoalkan ya...ha...tak perlu persoalkan. Yang saya nak nyatakan insiden yang berlaku semalam...ya...di mana kita ADUN-ADUN ini tak ada makanan meja yang khusus ...tak ada....kena beratur sampai makanan pun habis dan ada antara kita yang dah protes termasuk saya dengan Andalas ya kita protes dan marah tapi tak boleh la kita sabar sebab apa cara layanan sedemikian tidak wajar, ini Dewan Undangan Negeri Selangor kawasan ADUN, floor kita, pun tak boleh lebih teruk hah... Kota Anggerik ada lain-lain ke.....

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Makan-makan...makan....setuju tak Sekinchan agar ADUN-ADUN Pakatan Rakyat ni kita berjuang kita bagi ruang kepada rakyat, biar rakyat makan tapi ADUN-ADUN tak makan pun tak apa, tak ada ruang VIP untuk ADUN pun tak apa. Kita dulukan pihak kerajaan untuk puas hati

Y.B. TUAN NG SUEE LIM:Ya Kota Anggerik itu tak ada masalah, tapi masalahnya kita selalu turun di desa di kampung-kampung kita duduk di warung, minum, jom ngeteh....jom ngeteh Permatang kalau dia ngeteh dia belanja semua, Permatang dia kaya sikit tak pelah. Dia mengeteh (berbahasa jawa) dengan izin ya...ha...kita mesra rakyat dengan rakyat itu tak ada masalah. Tapi semalam ni istiadat, protokol kena jaga. Istiadat, ADUN dipandang macam mana. Ada yang wakil-wakil dari pembangkang walaupun mereka ambil nasi makan tapi seleranya kurang. Makan pun rasa tak selera sangat, selera kurang, makan pun tak ada selera, saya nampak....tak berapa nak selera.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Saya nak tanya Sekinchan adakah Sekinchan setuju ini kemungkinannya kesan awal GST akan berlaku.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM:Saya tidak tahu tentang jawapan ini tapi ada kemungkinan la...tapi Saya tidak tahulah biarlah nanti Dewan yang jawab, biar Dewan yang jawab tapi memang semalam saya rasa tidak seronoklah dengan cara layanan yang sedemikian dan penghormatan itu, bukan soal makan, makan tak penting tapi soal penghormatan tu, layanan tu maruah seorang ADUN tak dipelihara lah. Ini yang saya nampak lah. Paling Penting tapi saya minta urus setia dapatpantau perkara sedemikian ya. Dan ada yang saya sama protes tak makan, ada yang puasa, puasa enam pun ada. Maksudnya puasa enam dalam konteks ini ialah puasa enam minit saja. Kemudian tak tahan makan juga sikitlah. Puasa enam minit. Saya teruskan...terpaksa ada yang makan biskut pun ada. Ada yang makan biskut pun ada. Ini antara kes yang berlaku semalam. Kita suarakan biar kita tambah baik.

TUAN SPEAKER: Ini waktu tengah hari ataupun waktu tengah malam.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM:Tengah hari.....malam...malam...

TUAN SPEAKER: Sekinchan asyik kata semalam....semalam.....

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Malam tadi okey cuma Subang Jaya saya nak tegur sikitlah, Subang Jaya bagus, maju kosmopolitannya tapi Subang Jaya saya takut *area* Subang jam tu tak sedap tu. Jaya jadi jem. Semalam saya menghabiskan masa yang lama selepas hujan tak apa kita tahu selepas hujan ya. Jadi saya minta perkara ini kita dapat ambil tindakan dan jangan terlepas pandanglah pada masa-masa akan datang. Dan seterusnya saya terkejut hari ini juga apabila pengumuman daripada Puan Speaker mengatakan Dewan Negeri Selangor buat pertama kalinya tak ada Ketua Pembangkang. Ketua Pembangkang yang duduk yang dulu saban hari kita nampak bertikam lidah dan persahabatan juga tapi sekarang dah tak ada Ketua Pembangkang. Ini satu perkara yang cukup ganjil. Saya nak bagitahu ya khususnya ahli-ahli Dewan kenapa...ya dalam sistem demokrasi negara kita

Y.B.TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Mohon mencelah, boleh....

Y.B.TUAN NG SUEE LIM:Ini wakil Ketua pembangkang....

Y.B.TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Batang Kali...DUN
Batang Kali

Y.B.TUAN NG SUEE LIM:Oh DUN Batang Kali...bukan penyelaras ya...

Y.B.TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: DUN Batang Kali

Y.B.TUAN NG SUEE LIM:Oh DUN Batang Kali...ok...

Y.B.TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Soalan saya, ini soalan saya ni sebab dia kata tadi jawatan Ketua Pembangkang tu yang pertama kali dan asing. Apakah ada sejarah yang diperolehi DAP dalam negara kita dalam hal ni, pertama. Yang kedua apakah termaktub dalam peraturan kita perlu mewujudkan Ketua Pembangkang. Yang ketiga berapa partikah di dalam sektor pembangkang ini yang ada dalam Dewan. Sila jawab.

Y.B.TUAN NG SUEE LIM:Saya seolah-olah jadi EXCO nak jawab soalan banyak ni. Gaya pun ada. Tak apalah. Saya nak bagitau terima kasih Batang kali. Berkaitan dengan jawatan Ketua Pembangkang yang di umum kosong oleh Tuan Speaker saya terkejut. Kenapa dalam sistem demokrasi berparlimen negara kita di mana mana-mana parti Pakatan Rakyat....

Y.B.TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Eee.....

Y.B.TUAN NG SUEE LIM:Nanti dulu saya jawab...sabar la...

Y.B.TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Saya mencelah...

TUAN SPEAKER: Batang Kali tanya Sekinchan jawab

Y.B.TUAN NG SUEE LIM:Saya kena panjang sikit..dia ada mukadimah nya ya....sabar itu sebahagian daripada iman

Y.B.TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Tadi cakap tak mahu berpusing-pusing, *direct to the point*.

Y.B.TUAN NG SUEE LIM:Sabar-sabar, sabar, ini ada nak ceritakan kenapa asal-usul sejarah sejarahnya, kronologinya itu penting, itu penting, duduk-duduk dulu. Okey. Batang Kali terima kasih, baru jadi penyelaras pun dah macam tu. Okey, saya Cuma nak bagi tahu dalam sistem Demokrasi berparlimen setiap parti sama ada Pakatan Rakyat, Barisan Nasional, DAP, PAS, PKR termasuk UMNO, MCA, MIC GERAKAN yang tak bergerak kita masuk setiap lima tahun ke Pilihan Raya, dalam pilihan raya rakyatlah ya, rakyat yang akan menentukan siapa menang siapa kalah, siapa dapat majoriti. Amalan kita sistem demokrasi yang dapat majoriti kerusi mereka akan membentuk kerajaan ...itu dipanggil kerajaan. Kalau Batang Kaliya dengar betul-betul ini kuliah ya....sikit info baru...Kalau yang menang majoriti kita kerajaan, kalau yang kalah macam dulu saya waktu 2004 kami tinggal 2 kerusi, ya Sekinchan dengan Sungai Pinang, dua sahaja ooh...dulu Sungai Panjang ooo bukan main angkuh dan sombong tak pa itu dulu ya dua orang kami pembangkang, pembangkang kita akur....pembangkang dan waktu itu lagi tak ada apa-apa insentif untuk pembangkang, kereta tak ada, elaun *special* tak ada hanya ketua pembangkang sahaja, dia kata Ketua Pembangkang diberi keistimewaan boleh berucap lebih, diberi masa yang lebih, kita terima cabaran sebab rakyat telah pilih kita jadi Ketua Pembangkang, jadi Ketua Pembangkang, kita kena akur terimalah. Tapi kalaulah jadi pembangkang kita mesti amanah kepada rakyat seperti titah DYMM Sultan Selangor semalam mengatakan ADUN-ADUN mestilah bertanggungjawab kepada rakyat yang memilih. Kena bertanggungjawab

Y.B.TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Mohon untuk mencelah....

TUAN SPEAKER: Batang Kali saya minta kerjasama bagi Sekinchan habis dulu. Batang Kali tanya tiga soalan, Sekinchan kena jawab ketiga-tiganya. Sekinchan teruskan.

Y.B.TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Sebab soalan pertama yang dia nak jawab nipun berbelit-belit, mengelirukan rakyat.

TUAN SPEAKER: Sekinchan teruskan.

Y.B.TUAN NG SUEE LIM:Ini *floor* sayalah, masa saya terhad ni. Saya nak bagi tau jadi yang kalah tu dia kena akur dia sebagai pembangkang. Dan sekarang ni di Dewan Negeri Selangor kita dah pindah dan sebagainya kita ada elaun, ada iktiraf sebagai Ketua Pembangkang dan ada insentif yang tertentu dan kita juga wajibkan dia sebagai Pengerusi menjawat jawatan Pengerusi PAC (*Public Account Committee*), kita kena buat ini tanggungjawab, tapi saya hairan dan pelik bin ajaib kenapa UMNO Barisan Nasional ada dua belas orang tak boleh pilih satu untuk Ketua Pembangkang. Rakyat tanya saya kenapa

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Mohon mencelah saya nak perbetulkan *statement* pembangkang di dalam Dewan ini...

TUAN SPEAKER: Batang Kali nanti saya bagi peluang untuk berucap, Batang Kali boleh menerangkan....

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Sebab dia mengatakan kami ni seolah-olah satu-satunya parti yang jadi pembangkang dalam Dewan ini dan satu-satunya sejarah dalam negara....

TUAN SPEAKER: Sekinchan, tolong teruskan....

Y.B.TUAN NG SUEE LIM:Saya teruskan, sebab.....

Y.B.TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: DAP di Melaka tak adapun Ketua Pembangkang, Tan Sri Khalid itu juga merupakan pembangkang.

TUAN SPEAKER: Batang Kali saya minta duduk, teruskan Sekinchan. Enam minit lagi.

Y.B.TUAN NG SUEE LIM:Di dalam Dewan Yang Mulia Ini di Selangor khasnya, khususnya Pembangkang adalah Barisan Nasional iaitu UMNO di sini sebab MCA tak ada MIC dan GERAKAN tak bergerakjadi, saya, saya jawab, saya jawab. Tadi suruh jawab saya jawablah. Jangan bising saya jawab dulu. Ya, maknanya dua belas kerusi ni semua UMNO jadi UMNOlah Pembangkang jadi yang harus jadi Ketua Pembangkang UMNO tapi kenapa tak nak jadi Ketua Pembangkang, hairan..patut kalau ada apa benda teguran Kerajaan Negeri Selangor bantai tak apa kita dengar tapi tak berani menyahut cabaran, apa ini peranan. Kalaulah ini pun tak boleh buat Permatang....rakyat macam mana nak menaruh harapan kepada Permatang. Ya Permatang....kena...Batang Kali tak layak lagi lah Batang Kali belum layak dia terlalu senior dia belum layak lagi...Permatang saya akur, dia ada cara yang tersendiri sikit kalau Batang Kali tak boleh. Dia cerah pun tak boleh guna itu tempatlah.

TUAN SPEAKER: Sekinchan, lima minit lagi, tolong habiskan.

Y.B.TUAN NG SUEE LIM:Celah pun tak guna tempat

TUAN SPEAKER: Sekinchan ada lima minit lagi saya kena bagi dia masa untuk habiskan. Teruskan Sekinchan.

Y.B.TUAN NG SUEE LIM:Nak juga, dia macam tak puas hatilah

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHS SHARIF: Sikit je....

Y.B.TUAN NG SUEE LIM:Dia macam tak puas hati sangatlah...boleh Dengkil...boleh ya

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHS SHARIF: Boleh....

Y.B.TUAN NG SUEE LIM:Stabil sikit ya

Y.B.TUAN NG SUEE LIM:Terima kasih Tuan Speaker, saya nak bagitahu Sekinchan dalam Dewan ni kita tak ada Ketua Pembangkang segala elaun segala Pengk. Dengan izin yang dapat dijimatkan dengan membelikan Ketua Pembangkang kereta, elaun dan sebagainya boleh juga nanti untuk Kerajaan Negeri untuk membantu memanfaatkan rakyat. Kami di sini tanpa Ketua Pembangkang punkami menjalankan tugas-tugas sebagai Pembangkang. Apa pandangan Sekinchan kita dapat jimatkan wang rakyat untuk memanfaatkan rakyat. Terima Kasih.

Y.B.TUAN NG SUEE LIM:Terima kasih Dengkil. *You* nak jimat hah..Bukit Gasing ok Bukit Gasing.

Y.B.TUAN RAJIV A/L RISVAKARAN: Cuma satu yang dikatakan akhir ayat dia, dia lakukan tugas tapi PAC dia tak nak angkat, mungkin Sekinchan boleh ulas.

Y.B.TUAN NG SUEE LIM:Terima kasih Bukit Gasing, saya nak bagitahu nak jimat duit sekarang, Dengkil persoal, bicara soal jimat duit, saya suka. Saya sokong Dengkil, nak jimat duit. Yang kita nak jimat ini patut kita bayar sebab ini kerja tanggungjawab yang rakyat berikan, yang kita Dewan berikan. Ini bukan soal jimat lagi. Nak jimat jangan beli jet, yang nak jimat 1MDB tak perlu lah...itu nak jimatini ringgittak apa, saya tak ada masa lagi ya...cukup, cukup sudah setakat itu dan saya nak bagi tau EXCO nak bagi tau EXCO Kampung Baru di mana peruntukkan pembangunan untuk tahun ini saya difahamkan ada permohonan-permohonan untuk pembangunan enam juta setahun di kawasan kampung-kampung Baru tetapi apabila EXCO dah tandatangan bulan satu sampai hari ini saya dimaklumkan tak adapun gerak-gerak daripada UPEN dan sebagainya, apa punya tindakan ini. Ini masalah macam mana kita nak terjemahkan kekayaan itu kepada rakyat dengan

cepat, tak ada. Ha ini perkarapun kena ambil perhatian. Lulus EXCO bulan satu bulan tiga sampai bulan empat pun tak ada bergerak macam mana. Ini ada masalah birokrasi dan sebagainya. Saya harap perkara ini dapat diambil tindakan. Dan seterusnya saya ingin menyentuh sedikit tentang tahun melawat Selangor 2015. Ya tahun melawat Selangor saya ucapkan terima kasih kepada Bukit Lanjan kerana telah terus bekerja keras untuk mempromosikan pelancongan di Negeri Selangor, sasaran kita tujuh juta ya pelancong ya untuk tahun ini, saya harap lebih banyakkkan program untuk pelancongan ini dan saya juga nak beritahu dari Sekinchan kita sudah promosi Sekinchan sebagai satu destinasi pelancongan yang baru Ekotourism, saya minta semua permohonan-permohonan Sekinchan ini dapat diberi pertimbangan dan baru-baru ini saya ucapkan terima kasih kepada Bukit Lanjan kerana telah hadir ke Sekinchan untuk melancarkan tahun melawat Sekinchan, Tahun Melawat Selangor dan juga melancarkan kereta antik, kereta antik ya untuk membawa pelancong di Sekinchan dengan usaha *private sector* enam biji ya lebih kurang tiga ratus lima puluh ribu untuk dibawa pelancong-pelancong di situ. Kegiatan di Sekinchan sekarang ramai yang datang khususnya hari kelepasan umum, hari-hari Sabtu dan sebagainya, hari cuti sekolah, ramai yang datang sampai 30 bas 50 pun ada. Dan hotel semakin berkembang ya. Berbagai-bagai produk pelancongan telah kita lancarkan. Saya harap perlu bantuan daripada kerajaan negerilah, khususnya saya nampak banyak katalog-katalog dan risalah-risalah yang dibuat oleh Tourism Negeri Selangor kurang pendedahan untuk Sekinchan, tak ada khusus untuk Sekinchan, tak ada promosi untuk Sekinchan walhal Sekinchan dah terkenal. Saya minta ini dijadikan satu pertimbangan yang sewajarnya supaya ada satu *booklet* atau katalog yang khusus untuk mempromosikan DUN Sekinchan ini. Saya harap dengan slogan sebelum ini di mana terokailah Negeri Selangor saya pun harap dapat terokailah Sekinchan supaya Sekinchan dapat membuat transformasi daripada satu DUN yang berasaskan pertanian dan juga nelayan, perikanan dapat juga menjana kegiatan ekonomi yang rancak dalam sektor perindustrian pelancongan ini. Saya harap dengan ini saya juga ...untuk tuan speaker, setakat ini sahaja saya *dino-dino runggo maningsawah....*(berbahasa jawa) hari-hari pergi sawah dengan anak dan bini pergi cari rezeki...Perdana Menteri dan isterinya hidupnya mewah, pergi luar negeri pakai jet peribadi. Dengan kata-kata ini Sekinchan dengan ini memohon untuk mencadangkan usul menjunjung kasih Titah Ucapan DYMM Tuanku. Sekian, terima kasih *kusuon*(bahasa jawa).

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan jam 1.00 tengah hari. Dengan ini saya menangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 setengah petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER: *Assalamualaikum* dan selamat petang, dewan disambung semula saya mempersilakan seorang penyokong bagi usul tersebut.

Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL: Tuan Speaker saya mohon menyokong usul Y.B. Sekinchan.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong sekarang saya buka untuk perbahasan.

TUAN SPEAKER: Silakan Kajang.

Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker, *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian izinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Di dalam titah baginda semalam Sultan Baginda telah menekankan tentang pentingnya kerajaan Negeri Selangor. Jadi Negeri yang memastikan kesejahteraan rakyat serta mempertahankan kepentingan rakyat. Sebenarnya inilah dasar pemerintahan yang *insya-Allah* terus diamalkan oleh Pakatan Rakyat. Iaitu meletakkan kepentingan rakyat di atas dasar menolak amalan korupsi dan nepotisme. Kuasa politik tidak di salah gunakan untuk memberi kekayaan kepada peribadi ataupun anggota keluarga. Tuan Speaker sejak Pakatan Rakyat memerintah Selangor banyak dasar-dasar pemerintahan yang mementingkan rakyat diperkenalkan. Pakatan Rakyat juga mengamalkan dasar-dasar yang fokus dan positif dan perbelanjaan negeri yang berdisiplin dan terbuka. Ini bukan retorik semata-mata tetapi Ketua Audit Negara telah mengiktirafkan perbelanjaan Selangor sebagai satu contoh kerajaan yang baik dan tulus. Justeru saya percaya *insya-Allah* rakyat Selangor sudah dan sedang menikmati kemudahan yang kita sediakan iaitu meletakkan kepentingan, kesejahteraan dan kebajikan rakyat sebagai keutamaan Bismillah.

Tuan Speaker dalam titah baginda Sultan, Baginda telah menekankan soal pemerintahan yang berasaskan *Marqasid Syariah* iaitu suatu bentuk pemerintahan menurut Islam yang memelihara agama, menjaga akal, diri, keturunan, harta dan kehormatan di dalam *Firasat Fik Marqasid Syariah* oleh Dr Yusof Al Qaradawi, beliau menekankan bahawa Islam adalah cara hidup yang paling sempurna yang membawa kerahmatan *lilaalamin*. Ianya terus hidup dan sentiasa sesuai dengan perkembangan zaman dan segala keadaan yang dihadapi oleh umatnya. Umat Islam haruslah memimpin umat manusia ke arah rahmat dan keadilan. Bukannya membawa manusia jauh dengan pelbagai kesimpulan yang kejam dan menakutkan

ataupun lemah kerana menjadi hamba kepada kemahuan pihak lain. *Marqasid Syaria* yang dianjurkan Islam sesuai untuk memelihara keharmonian rakyat dengan memberikan keadilan dan mengetepikan diskriminasi untuk semua kaum dan agama di Selangor. Sebab itu kita menolak kefahaman agama yang melampau, sikap rasis yang tidak toleran dan juga kita menolak pembahagian kekayaan ekonomi negeri yang tidak seimbang. Tertarik juga dengan apa yang disebut oleh Baginda di dalam titah ucapan bahawa mesti ada pembahagian yang seimbang dengan kekayaan negeri yang dinikmati oleh semua rakyat terutamanya di Negeri Selangor. Oleh kerana itu saya berharap agar semua pihak termasuk pihak pembangkang untuk sama-sama berusaha mengelakkan berlakunya ketegangan kaum dan agama. Kita mahu sikap toleran ini diamalkan oleh orang-orang politik dan pegawai-pegawai kerajaan dengan sebaik-baiknya dan kita selesaikan segala masalah secara perundingan. Di dalam kesempatan ini juga saya ingin menyentuh tindakan pihak kerajaan pusat menggunakan Akta Hasutan untuk menekan dan mengancam pemimpin-pemimpin kita. Kita tidak bersetuju dengan tindakan keras pihak berkuasa terhadap pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat. Mereka ditangkap disumbat di dalam lokap dengan cara yang tidak bertamadun. Adakah wajar saya nak tanya ahli-ahli sekalian seorang Ahli Parlimen ditangkap pukul 3.20 pagi, apa kesalahan beliau. Kalau dia Ahli Parlimen Lembah Pantai yang pergi untuk memberi keterangan di Balai Polis ditahan atas sebab apa. Apakah mereka ini penjenayah yang bahaya dan apabila Timbalan Presiden, Parti Islam dengan mereka yang mempunyai submesingan pergi untuk menangkap. Apakah ini menjadi budaya di negara kita ini, jadi kalaulah ini dilakukan untuk menakut-nakutkan rakyat, ini adalah satu yang tidak wajar sekali menunjukkan kepada kezaliman kepada rakyat sendiri. Kita tegaskan bahawa pemimpin-pemimpin keadilan Pas dan DAP bukannya penjenayah. Justeru jika mereka tersilap atau melakukan perbuatan yang menyalahi undang-undang pihak polis mestilah memberikan hak yang wajar. Sewajarnya kepada mereka untuk mereka membela diri, dulu kata ada Akta Keselamatan Dalam Negeri tetapi dimansuhkan tetapi diganti dengan suatu akta yang lebih dahsyat, lebih menyeluruh dan tidak menimbang rasa. Menyerbu mereka di waktu malam, waktu subuh menangkap dan menggari mereka tanpa apa-apa kesalahan jenayah hanya memburukkan imej polis di mata rakyat.

Yang Berhormat Speaker, saya baliklah kepada Selangor menyentuh mengenai skim mikro kredit SKIMSEL dan MIMBAR di bawah peruntukan hijrah yang bertujuan untuk melonjakkan golongan miskin berhijrah memasuki kumpulan berpendapatan menengah penilaian harus dibuat untuk melihat sejauh mana keberkesannya membantu rakyat. Pada asasnya program pembasmian kemiskinan seperti mikro kredit jelas bertujuan untuk mengubah kehidupan kemiskinan yang tiada akses kepada institusi kewangan dan tidak mempunyai aset untuk dicagarkan. Perubahan boleh bersifat kesan langsung atau tidak langsung. Hasil daripada program yang disertai mahupun berbentuk jangka panjang atau pendek. Menurut penyelidikan yang dibuat Jabatan Pembangunan Antarabangsa United Kingdom *Department Internasional Development* dengan izin iaitu sebuah institusi kerajaan United

Kingdom yang berusaha mengurangkan kemiskinan tegar sedunia. Mereka mengenal pasti impak perubahan merangkumi kesejahteraan ekonomi, kesejahteraan sosial, memperdayakan wanita, perdayaan ekonomi, perdayaan sosial, penambahbaikan kebajikan, peningkatan pendidikan dan nutrisi, Braming Bank sebuah pertubuhan mikro kredit dan bank pembangunan komuniti yang diasaskan oleh penerima hadiah novel keamanan iaitu Profesor Mohamad Yunus daripada Bangladesh sejak tahun 1970an juga telah menggariskan sepuluh penunjuk yang asas. Jika kesemua sepuluh petunjuk ditepati sesebuah isi rumah itu boleh dianggap berjaya keluar daripada belunggu kemiskinan. Di antara sepuluh petunjuk adalah lima petunjuk yang saya ingin kemukakan. Satu pertambahan pendapatan keluarga. Jadi saya nak tanya kerajaan Negeri Selangor apakah nisbah atau pun banyak manalah keluarga itu boleh mendapat pendapatan sekeluarga boleh dikatakan mereka telah keluar daripada kemiskinan. Cuma rumah yang berbumbung, Ketiga seluruh isi rumah tidur di atas katil bukan satu katil ya maksudnya mereka mempunyai katil untuk tidur dan tidak tidur di atas lantai di mana Ketua Pembangkang kita apabila telah masuk di dalam penjara diberikan satu sel yang tidak mempunyai katil untuk dua minggu pertama. Lepas kita memberi protes kepada pihak penjara barulah mereka memberikan. Keempat seluruh isi rumah minum air yang bersih dan kelima semua kanak-kanak berumur 6 ke atas mendapat pendidikan asas yang penting kerana pendidikan akan membawa kita, membawa hijrah kepada kehidupan yang lebih baik daripada belunggu kemiskinan tadi.

Yang Berhormat Tuan Speaker kesemua yang disebut tadi sebelum ini merupakan piawaian atau internasional standard dan *best practices* dengan izin yang boleh digunakan sebagai rujukan dalam penilaian program mikro kredit bersesuaian dengan konteks sosioekonomi Malaysia khususnya Selangor. Di Selangor kerajaan negeri telah mengambil langkah ke depan yang selaras dengan realiti semasa landskap ekonomi hari ini dengan menetapkan pendapatan garis kemiskinan atau *line income* kepada seribu lima ratus sebulan berbanding dengan pendapatan garis kemiskinan nasional iaitu lapan ratus tiga puluh ringgit sebulan. Sebagai program pembasmi kemiskinan skim mikro kredit atau program hijrah bukan sahaja harus dinilai berdasarkan pencapaian dalam membantu isi rumah miskin melepasi pendapatan garis kemiskinan iaitu seribu lima ratus sebulan malah ianya harus juga dilihat pada aspek bukan kewangan seperti kesejahteraan sosial. Pembedayaan wanita peningkatan pendidikan dan nutrisi yang saya sebutkan tadi. Saya juga mencadangkan supaya kerajaan negeri mempertingkatkan program-program di bawah *Standco* kesihatan. Tadi *Standco* kesihatan ada di sini dan pendidikan bagi golongan wanita kerana telah dikatakan kalau kita memberi *education*, pendidikan kepada wanita, kita mendidik generasi yang akan datang. Memperkemaskan pelbagai skim yang boleh membantu golongan wanita berdikari khususnya dalam aspek keusahawanan dan sebagainya. Bukan tidak ada saya ingat dalam buku geran Selangorku program-program yang telah diberikan yang telah dijalankan tetapi kesampiannya, *targetnya* apakah kita mencapai sukses Kota Anggerik tak tanya sukses ok ya saya cakap, tak boleh dan sebagainya. Itu yang kita nak akses

tentang ini. Pendekatan yang menyeluruh ini penting supaya ia membantu kerajaan atau agensi pelaksana memahami siapa dan bagaimana mereka yang menerima kemudahan mikro kredit memanfaatkan program ini dan keluar atau graduan dengan izin daripada kemiskinan ataupun menghadapi kekangan seperti hutang berlebihan. *Over index* kemiskinan kronik dan mudah miskin sebab apa yang saya ada diberikansatu laporan mengenai satu kajian bahawa ada beberapa skim mikro kredit ini dan apabila seseorang itu dalam belunggu kemiskinan mengambil mikro kredit dan kadang kalanya dia mengambil mikro kredit lain yang skimnya untuk membayar hutang mikro kredit yang dipinjam dulunya dan tidak mahu terputus daripada program itu. Tetapi membuatkan orang yang meminjamkan itu mendapat indeks yang banyak tempat jadi *over index* dengan izin dan kemiskinan yang kronik. Tidak boleh melepasi daripada kemiskinan itu dan senang menjadi miskin sebab dia tidak terlepas. Persoalan saya apakah kerajaan telah pun atau bercadang untuk menjalankan penilaian program mikro kredit dengan pendekatan yang lebih menyeluruh atau holistik jika ada mohon disenaraikan induktor atau petunjuk yang digunakan selain daripada pendapatan.

Yang Berhormat Tuan Speaker berdasarkan pengalaman saya di Kajang, saya mendapati masih lagi ramai rakyat yang masih dibelunggu dengan kesusahan. Ramai meminta sumbangan dari Wakil Rakyat akibat tekanan kehidupan tambah-tambah lagi lepas Sekinchan beritahu GST akan melanda. Saya kira bukan sahaja di Kajang tetapi banyak lagi di tempat kawasan-kawasan YB-YB merasakan inilah caranya orang hendak meminta pertolongan daripada ADUN. Secara puratanya yang banyak memohon sumbangan adalah golongan daripada wanita terdiri daripada ibu-ibu tunggal yang terpaksa menanggung anak akibat daripada kematian suami atau perceraian. Saya berpendapat amat tidak wajar masyarakat meninggalkan beban kepada kaum wanita untuk membesarkan anak-anak. Saya mencadangkan supaya perlu ada program khusus untuk membantu ibu-ibu tunggal untuk memastikan kesejahteraan dan kepedulian kita kepada bebanan yang mereka hadapi. Saya juga hendak mengambil perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat apabila saya pergi ke Mahkamah Syariah baru-baru ini ada pelan saya kira untuk ibu-ibu tunggal atau wanita-wanita yang telah diceraikan mungkin ada skim untuk pendapatan-pendapatan daripada suami-suami yang tidak memberi pendapatan kemungkinan ada pemotongan gaji kemungkinan ramai wanita-wanita dan golongan-golongan ibu-ibu tunggal yang tidak mengetahui tentang skim-skim ini kerana saya melihat purata rakyat terpaksa mencari wakil-wakil rakyat untuk membantu melunaskan berbagai beban kehidupan. Apabila mereka tidak mendapati bantuan segera daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, Lembaga Zakat dan sebagainya. Sehubungan itu saya berharap Kerajaan Negeri Selangor, institusi dan agensi di bawah naungannya harus di proaktif dalam kerja-kerja kebajikan. Oleh sebab itu saya mahu Selangor memastikan penyelesaian kehidupan kepada seluruh rakyatnya. Saya yakin Selangor mampu melaksanakan yang terbaik sebuah negeri termaju di Malaysia. Data ekonomi menunjukkan sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negara daripada Selangor adalah 23.5% yang

tertinggi di Malaysia dan Selangor dalam Pakatan Rakyat dan juga Penang dan Kelantan *Insyah-Allah* menjadi satu *showcase* terutamanya di Selangor. *Showcase* bahawa Pakatan Rakyat memerintah akan memberikan kesejahteraan lebih baik untuk sirah Malaysia *Insyah-Allah*.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:Tuan Speaker boleh menjelah.

Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL: Tak apalah saya akan... saudara ada masa untuk bahas.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:Nak minta penjelasan.

Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL: Nanti saya punya *turn no main*.

TUAN SPEAKER:Dengkil. Kajang tidak beri.

Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL: Saya punya pemikiran akan terpesong kerana saya terfikirkan,

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Tahun lepas tak bagi juga, sidang lepas.

Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL: Sebab saya terfikirkan Sg. Buloh. Saya terfikirkan Sg. Buloh. Dekat. Minta maaf. Nanti saya tersilap. Kita harus ke hadapan kebajikan. Kita harus meletakkan sasaran untuk membebaskan rakyat Selangor dari kemiskinan. Kita perlu memberi peluang hidup setara kanak-kanak daripada keluarga miskin. Sekiranya *accident* kemiskinan ketara dapat dihapuskan segala gejala sosial mahupun jenayah *Insyah-Allah* akan menurun. Y.B. Tuan Speaker yang mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor telah yang bersungguh mewujudkan Program Rumah SelangorKu telah menjadi Rumah Syurgaku, kadang-kadang tidak begitu jika tiada rumah ye. Program ini melibatkan beberapa pemaju swasta untuk tujuan membantu rakyat Selangor yang berpendapatan rendah untuk memiliki rumah sendiri. Saya mencadangkan kerajaan negeri Selangor untuk mewujudkan pakej kewangan (dengan izin) *financial package* khusus untuk membantu golongan berpendapatan rendah kurang daripada RM3,000.00 sebulan untuk membiayai pembelian rumah. Perlu juga saya cadangkan agar kawasan-kawasan Perumahan Mampu Milik diwujudkan di kawasan-kawasan *cluster* ekonomi yang baru atau yang berdekatan bandar untuk memastikan pemilik-pemilik rumah ini juga mendapat pekerjaan yang sesuai dengan lokasi rumah yang berdekatan. Kadangkala mendapat kerja yang jauh-jauh tempat yang jauh menyebabkan jem. Semalam saya kira ada juga yang datang untuk makan malam mendapati lambat kerana jem. Ingin saya cadangkan kerajaan menubuhkan satu badan untuk memastikan pemaju swasta mengemukakan reka

bentuk rumah yang betul-betul sesuai dan membina rumah tersebut dengan baik dan sempurna. Pemantauan yang teliti semasa pembinaan adalah tersangat penting pembeli tidak terpedaya dan kualiti rumah itu yang baik. Kerana di Kajang banyak juga pemendapan rumah-rumah yang retak yang lepas itu wakil rakyat tidak pada masa sekarang wakil rakyat akan mengambil tempat itu akan mendapat masalah-masalah yang mungkin pada masa itu pemaju tidak ada dah masa dah *let* dan lupus dan itu memberi satu masalah mereka-mereka yang pemilik itu dikenakan masalah bahaya menghuni tempat itu. Di Selangor saya amat sedih memerhatikan rumah BPR dan kos rendah yang menjadi rumah setinggan macam rumah setinggan dan ini tidaklah boleh diterima. Tuan Speaker saya difahamkan sejumlah RM2,000,000.00 telah diperuntukkan untuk mengangkat martabat pendidikan di Negeri Selangor melalui 2 tabung dana iaitu Tabung Biasiswa khusus untuk anak-anak yang menuntut di Universiti Selangor sebanyak RM100,000,000.00. dan dana sara diri anak Selangor khusus untuk mahasiswa UNISEL dan KUIS sebanyak RM12,000,000.00. Ekoran daripada itu kita seharusnya meneliti secara khususnya yang melibatkan pendidikan ini dalam rangkaian lebih besar umum ketahui Negeri Selangor mempunyai yayasan yang sendiri iaitu Yayasan Selangor. Sewajarnya Yayasan Selangor harus menjadi *killer* ya (dengan izin) terutama melibatkan urusan pendidikan di Negeri Selangor dan pelibatan yayasan ini harus di perhebatkan dan diperkembangkan. Kita turut ternanti-nanti di manakah hasil pelajar-pelajar yang selama ini mendapat tajaan Yayasan Selangor di sektor-sektor besar negara seperti perindustrian, korporat perniagaan dan lain-lain. Perkara ini harus diberikan perhatian kerana kita tidak mahu melakukan sesuatu pekerjaan itu tanpa hasil yang sepatutnya diterima. Rakyat umum ingin mengetahui sejauh mana hasil tajaan pendidikan yang telah diberikan melalui Yayasan Selangor ini menyumbang kemajuan negara dan khususnya kepada kemajuan Selangor. Saya masuk ke kes isu lain yang saya kira banyak juga pemasalah terutamanya di Kajang. Pengurusan sampah sewajarnya diperbaiki lagi demi kebaikan rakyat Selangor. Berdasarkan Titah Sultan Selangor yang menyentuh persekitaran yang sihat dan pembangunan Taman Hijau di Shah Alam. Sistem kutipan sampah yang cekap lagi efisien harus diberi perhatian yang sewajarnya. Purata penghasilan sampah yang dihasilkan oleh rakyat Selangor iaitu sebanyak 7,000.00 tan metrik setiap hari menjadikan negeri Selangor antara negeri yang terbanyak menghasilkan sampah. Harus ingat pengurusan sampah tidak tersusun juga akan menjurus kepada banjir kilat. Sekarang saya ingin menyentuh isu pengurusan banjir di Selangor. Walaupun Selangor tidak mengalami banjir yang seteruk di pantai-pantai timur ada beberapa perkara asas yang wajar diberi perhatian sebelum terlambat sebelum kita dilanda banjir yang dahsyat. Dalam beberapa kejadian banjir seperti di kawasan saya Kajang saya mendapati kerjasama dan penyelarasan bersama jabatan-jabatan yang terbabit adalah tidak memuaskan dalam pengurus banjir. Selain daripada Pihak Majlis Perbandaran Kajang saya berterima kasih kepada mereka bertungkus lumus selalunya membersihkan kesan-kesan banjir dan mereka buat kerja dengan baik dan kerja sampai 3-4 pagi saya berterima kasih. Tetapi jabatan dan agensi kerajaan lain juga perlu bertindak lebih efektif dan efisien dalam mengendalikan banjir. Saya

ambil satu contoh sekali banjir dekat Pasar Besar Kajang dan apabila ada satu wayar yang bila sangkut dan di sangkut habis semua sampah-sampah sarap sangkut di situ dan 2 batang pokok yang besar yang telah ada dalam 2 minggu tidak dibersihkan itu yang menyebabkan banjir lagi lebih teruk. Bila ditanyakan siapakah yang memasang wajar itu tidak siapa yang mengaku jadi ini saya kira bahawa mestilah kita ada penyelarasan untuk sama-sama bukan sahaja menangani masalah banjir kilat tetapi juga untuk pengurusan selanjutnya untuk masa depan. Sehubungan itu, saya mencadangkan agar kerajaan negeri melantik sebagaimana (dengan izin) *project manager* yang secara khusus bertanggungjawab, memantau, menilai penambahbaikan mengatasi isu banjir. Dengan itu tiada pihak yang lepas tangan atau mengelak daripada tanggungjawab mereka untuk memastikan peruntukan yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri dimanfaatkan sebaik-baiknya untuk keselesaan rakyat di Kajang dan Hulu Langat. Kita sedia maklum di bawah arahan MMKN No.20 satu Peraturan Tetap Operasi Pengendalian Bencana Banjir telah diwujudkan untuk memberi panduan bertindak jabatan atau agensi dalam menangani bencana banjir secara lebih selaras. Sistem penyelarassannya harusnya dilakukan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana. Di peringkat pusat negeri dan daerah supaya persiapan ke arah penyediaan bantuan logistik dan kebajikan dibuat lebih awal. Program pencegahan baik langkah sektor oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) ataupun bukan sektor oleh Jabatan Logistik Malaysia (MM) dan Jabatan Kerja Raya 2 kali saya sebut Jabatan Kerja raya ini menunjukkan betapa pentingnya JKR harus dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab tanpa bertangguh sebab apa soalan tentang banjir banyak kali diutarakan. Jawapan pun banyak kali saya kira sama juga mungkin olah-olah lain sikit. Tapi yang penting apa Yang Berhormat EXCO jawab tadi bukan sahaja menangani masalah banjir berlaku tetapi jangan lah lupa selepas banjir berlaku, dah siap, dah kering, lepas tu matahari naik kita lupa, sampai lagi sekali lagi banjir., apa yang kita nak kan adalah menangani masalah di dalam pembangunan yang tak terurus dan terkawal terutamanya di tempat yang saya tanya tadi di penakungan Sungai Jerluh di situ dan juga di mana ada lombongan-lombongan tanpa permit tanpa lesen yang berlaku dan kerajaan negeri mesti dalam pengawasannya menanganinya dan memberhentikan cuba memberhentikan aktiviti-aktiviti yang berleluasa ini. Maka dengan itu satu sistem yang dinamik dan efisien akan menjamin kelestarian Negeri Selangor ini berada di dalam keadaan yang baik seterusnya berpeluang menjadikan Selangor negeri hijau contoh di Malaysia.

Yang Berhormat Tuan Speaker, akhirnya saya menyambut baik teguran Baginda Sultan agar isu penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor dijalankan secara adil demi menjamin perkhidmatan air terawat yang lebih efisien dan mesra rakyat dalam mempertahankan kedaulatan negeri Selangor dan kepentingan rakyat. Saya tertarik dan terkejut dengan penjelasan Yang Amat Berhormat. Jadi saya nak juga tahu bagaimana negeri, kerajaan Negeri Selangor meneruskan usaha untuk kita memberi jaminan bahawa rakyat Selangor tidak akan

terputus dengan bekalan air yang bersih dan ini menjadi satu asas aras pembangunan terutamanya kepentingan keperluan asas rakyat di negeri Selangor. Jadi bekalan air bersih mencukupi bagi keperluan domestik dan industri harus menjadi keutamaan kerajaan negeri kerana hanya dengan kesihatan dan kesejahteraan hidup rakyat terjamin, negeri akan bertambah maju. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Dato' Menteri Besar di atas tindakan pro-aktif beliau mengutamakan kepentingan negeri Selangor dan seluruh rakyat yang terbabit dalam projek Langat II dan KIDEX. Saya berharap agar keputusan kerajaan Selangor ini membawa manfaat kepada rakyat dan negeri. *Insya-Allah*.

Akhir sekali saya ingin mengingatkan kita semua sama ada ahli-ahli politik, pegawai-pegawai kerajaan supaya bergandingan erat untuk membangunkan negeri Selangor dan berkhidmat untuk rakyat dengan sebaik-baiknya seperti amanah yang kita pikul di samping kita menghormati pendirian politik atau kecenderungan mana-mana pegawai kerajaan. Kepada pembangkang negeri Selangor, kepada pihak Pakatan Rakyat kita harus mengingatkan bahawa pada tahun 2013 kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor telah memenangi lebih banyak kerusi DUN berbanding 2008. Oleh sebab itu kita harus mengelakkan apa sahaja halangan aktiviti-aktiviti atau program-program anjuran Kerajaan negeri Selangor harus mengelakkan apa sahaja. Jadi apa juga anjuran negeri Selangor hendaklah dibantu urus dengan baik oleh pegawai-pegawai kerajaan. Kita mahu kerja sama pegawai-pegawai kerajaan dengan ahli politik diperkukuh dan kita harus juga berusaha mengelakkan amalan birokrasi mengekang gerak kerja kita untuk membawa kesejahteraan kepada rakyat. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Yang Berhormat Speaker saya memohon menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER:Terima kasih Kajang. Saya persilakan Sabak. Tidak lebih 30 minit.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: *Assalamualaikum warahmatullhi wabarakatuh* dan Salam Sejahtera. Terima kasih Tuan Timbalan Speaker serta Ahli-Ahli Dewan yang dikasihi sekalian. Terima kasih atas peluang dan kesempatan yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Ucapan Menjunjung Kasih atas titah ucapan Tuanku Sultan Selangor sempena pembukaan Dewan Undangan Negeri Selangor bagi tahun 2015 pada hari semalam. Saya ingin menzahirkan rasa syukur kepada Allah dan terima kasih serta menjunjung tinggi di atas titah ucapan Tuanku yang bukan sahaja telah menyentuh prinsip-prinsip penting dalam urus tadbir sebuah kerajaan yang menuju negeri paling maju di Malaysia bahkan Tuanku mengingatkan kita dan seluruh rakyat Selangor melalui Dewan yang mulia ini tentang prinsip *Marqasid Syariah* yang mesti kita jaga, kita perkukuh dan kita pertahankan. Tuanku telah mengungkap ucapan awalnya tentang keperluan sistem pentadbiran dan pengurusan sesebuah negeri dan mengaitkannya dengan matlamat untuk menuju sebuah negeri yang maju dengan menjadikan *Marqasid Syariah* satu asas yang penting terutama dalam menjaga 5 prinsip, 5 asas

yang menjadi nadi masyarakat; iaitu agama, harta, keturunan, akal dan jiwa. Sekali gus di sana menggambarkan satu kehidupan sebuah kerajaan yang baik sebagaimana yang disebut oleh Allah SWT dalam Al-Quran dengan izin, (ayat Al-Quran). Sesungguhnya bagi penduduk di negeri Sabak sama ada tanda-tanda kuasa kebesaran Allah SWT iaitulah dengan mengurniakan kepada mereka bumi yang sangat subur, nikmat tumbuh-tumbuhan yang memanjang di kiri dan kanan, makan lah rezeki daripada Allah dan syukurlah dengan rezeki yang dikurniakan oleh Allah SWT itulah penduduk sebuah negeri yang baik yang mendapat keampunan daripada Allah SWT. Ayat ini saya petik daripada surah Saba'. Jadi sesuai dengan DUN Sabak untuk mengambil ayat ini.

Tuan Speaker serta Ahli-ahli Dewan sekalian, negara kita suatu ketika dulu pernah meletakkan Barat dengan segala kemajuannya sebagai contoh untuk dilihat dan dipandang, sekali gus menjadi kiblat pembangunan negara. Kemudian apabila melihat negara-negara Timur secara berdikari telah dapat keluar daripada kemelut kemiskinan kepada negara maju, maka negara kita mula memandangi ke timur melalui Dasar Pandang ke Timur. Hari ini kita tidak pasti ke mana lagi arah untuk dipandang bagi memacu pembangunan negara. Namun Selangor melalui titah Tuanku Sultan telah meletakkan garis yang jelas agar apa juga pembangunan mestilah menjadikan *Marqasid Syariah* sebagai asas penting yang mesti menjadi garis mula dan garis akhir dan garis sempadannya.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan, izinkan juga saya untuk menyatakan sedikit pengenalan terhadap *Marqasid Syariah* agar dapat difahami oleh semua Ahli Dewan supaya kita perlukan satu forum bagi memperjelaskan *Marqasid Syariah* secara terperinci. Dewan ini tidak cukup untuk kita mengemukakan tentang maksud secara jelas, secara terperinci terhadap makna *Marqasid Syariah*. Namun secara ringkasnya *Marqasid Syariah* bermaksud apa sahaja usaha yang diizinkan oleh Islam untuk mewujudkan kebaikan, menolak keburukan dan menghilangkan kemudaratan terutama dalam urusan tadbir sebuah negeri, sebuah kerajaan. Perlu difahami bahawa tujuan paling penting *Marqasid Syariah* adalah memastikan 5 perkara terpenting dalam kehidupan manusia dapat dijaga dan terpelihara dari sebarang pencerobohan dan kerosakan. Sebab itu daripada lima-lima unsur kita memahami adalah perkara-perkara yang sangat penting dalam kehidupan masyarakat.

Pertama; adalah kehidupan beragama. Setiap orang mempunyai hak terhadap agama masing-masing dan hidup berasaskan kepada ajaran agama masing-masing. Begitu juga persoalan tentang harta, pemilikan harta yang baik adalah satu jaminan dalam kehidupan. Bahkan sebarang bentuk pencerobohan terhadap harta adalah satu amalan yang keji dan patut dibanteras kerana masing-masing mempunyai hak terhadap penjagaan harta masing-masing. Begitu juga soal kehidupan berkeluarga, memilih keturunan yang baik, adalah hak, adalah yang sangat perlu dalam setiap kehidupan setiap insan dan setiap manusia. Begitu juga menjaga akal yang baik,

akal yang bersih daripada sebarang unsur-unsur yang merosakkan, ini juga patut menjadi perhatian dalam urus tadbir, pengalaman, boleh jadi kita ambil pengalaman terhempasnya kapal terbang *German Wings*, ini sudah cukup menjadi pengalaman bahawa akal yang tak berapa sempurna, tak berapa baik digunakan dalam mengendalikan sesuatu urusan dan betapa pentingnya untuk menjaga akal yang sempurna. Begitu juga dengan jiwa, pencerobohan terhadap nyawa, masing-masing dilahirkan di dalam keadaan jiwa dalam keadaan yang serba merdeka, tidak ada orang lain boleh menceroboh. Masing-masing adalah darah merdeka yang patut dipelihara. Sebab itulah *Marqasid Syariah* mengemukakan suatu jalan penyelesaian yang terbaik bagaimana 5 perkara dapat dipelihara. Keharmonian hidup adalah sebahagian daripada matlamat *Marqasid Syariah*. Setiap individu perlu diberi kebebasan mengamalkan ajaran agama mereka. Saya percaya semua Ahli Dewan akan bersetuju dengan saya bahawa seorang Islam yang baik adalah yang beramal dan menjadikan Al-Quran sebagai panduan hidupnya. Begitu juga dengan seorang Kristian yang baik, pada pandangan Kristian adalah yang menjadikan Bible sebagai pegangan hidupnya. Begitu lah juga dengan agama yang lain. Keharmonian hidup masyarakat akan tercapai apabila tidak berlaku pencerobohan halangan dan gangguan satu penganut kepada penganut agama yang lain dalam mengamalkan kitab panduan masing-masing. Sebarang usaha bagi memastikan umat Islam dapat hidup dan menjaga agama adalah sebahagian maksud *Marqasid Syariah*. Alhamdulillah, masyarakat Islam di Selangor cukup bertuah mempunyai negeri yang dapat mengurus syiar agama dengan begitu baik dan makmur bukan sekadar masjid, surau yang makmur bahkan peningkatan jumlah kutipan zakat daripada masa ke semasa terus menghadapi peningkatan atas kesedaran masyarakat Islam. Namun sedikit yang saya ingin bangkitkan tentang penyertaan masyarakat dalam membangunkan bersama kemakmuran institusi masjid dan surau. Saya sangat bersetuju dengan sistem yang ada sekarang terutama sekali dalam soal pemilihan jawatankuasa bagi masjid dan surau yang dilakukan secara mesyuarat agung ahli qariah masjid masing-masing. Ini kerana pertama sekali ialah dapat memastikan penyertaan ahli-ahli qariah dalam membangunkan bersama, memakmurkan bersama masjid dan surau di tempat masing-masing. Dan saya percaya bahawa dalam tiap-tiap qariah itu juga sudah tentu di sana ada golongan-golongan yang profesional, ada penduduk setempat, orang-orang yang terpelajar dan pengalaman yang kita lalui selama ini kita melihat masjid-masjid telah jauh ke depan dalam soal pengurusan masjid masing-masing yang bagi saya tidak ada masalah bagi sistem ini diteruskan bagi memastikan bahawa masjid ini boleh ditadbir oleh masyarakat qariah sendiri dan sekali gus saya percaya ianya dapat menjimatkan kos dalam soal pembayar emolumen yang lain-lain yang sepatutnya hanya dapat ditanggung hanya dapat dipikul oleh ahli-ahli qariah sendiri dan waktu yang sama juga kita telah melaksanakan pelantikan masjid-masjid berdasarkan kepada melantik ketua imam sebagai Pengurus. Ini juga sebenarnya merupakan satu usaha yang sangat baik. Bagi memastikan bahawa masjid benar-benar dalam keadaan yang serba dapat dimakmurkan tetapi apa yang penting ialah untuk melatih dan mendidik masyarakat supaya mempunyai sikap keempunyaan terhadap masjid-masjid mereka sendiri.

Maka dengan itu bagi masjid-masjid yang lain yang tidak jamek saya fikir adalah baik untuk terus dikekalkan sistem ini bagi memastikan bahawa penyertaan ahli qariah dapat turut dijayakan oleh mereka dengan perasaan jiwa masing-masing bahawa masjid ini adalah milik mereka dan mereka bertanggungjawab membangunkan masjid-masjid masing-masing. Adapun boleh jadi dalam soal kebimbangan kita terhadap bercakap dalam konteks pencerobohan ataupun pelanggaran terhadap agama sendiri. Pada tahun 2013 kita difahamkan jumlah ajaran sesat di Selangor telah mencapai lebih daripada 25 ajaran. Tindakan kerajaan negeri melaksanakan sistem tauliah kepada penceramah-penceramah adalah sebahagian daripada *Marqasid Syariah* bagi memastikan umat Islam di Selangor terus selamat daripada ajaran sesat. Namun akhir ini masyarakat sedikit mempersoalkan tentang kaedah memberi tauliah. Suka saya mencadangkan agar setiap anak-anak Selangor yang belajar di Selangor dan berjaya di institusi pengajian tinggi apatah lagi yang ditaja melalui dermasiswa, melalui zakat Selangor sendiri agar diberi tauliah terus mengajar sejurus mereka telah berjaya keluar daripada institusi pengajian tinggi agar tenaga mereka dan ilmu mereka dapat dimanfaatkan. Bahkan kerajaan negeri melalui Jabatan Agama Islam boleh mengeluarkan tauliah sementara atau percubaan bagi penceramah atau guru daripada luar Selangor. Mungkin ada baiknya juga kita memperkenalkan sistem kad, kad kuning dan kad merah kepada guru-guru yang mengajar di masjid, surau agar mereka lebih berdisiplin serta mematuhi peraturan. Namun, usaha untuk terus memastikan bahawa para ilmunan di Selangor, para agamawan yang mempunyai ilmu agama agar mereka terus dapat dimanfaatkan dengan sekurang-kurangnya tidak perlu untuk kita hanya menunggu mereka datang memohon tauliah tetapi kita membuka ruang kepada mereka untuk diberi tauliah mudah-mudahan mereka dapat memanfaatkan ilmu mereka untuk disampaikan kepada masyarakat tempat mereka lahir, tempat mereka duduk.

Dan suka juga saya menyebut dalam, menyebut tentang menjaga agama bahawasanya, saya ingin mencadang kepada Kerajaan Negeri dalam setiap program-program Kerajaan Negeri yang nampak kadang-kadang agak kurang sensitif terhadap pelanggaran waktu-waktu solat, waktu-waktu sembahyang, umpamanya melepaskan larian sebelum masuknya waktu subuh, ini saya difahamkan ada berlaku di negeri Selangor, sudah tentu, yang saya percaya yang dimaksudkan ialah bagi peserta-peserta yang beragama Islam sudah tentulah mereka sendiri kita, walau bersangka baik, bagaimanapun sudah tentu di sana, ada satu, ada satu kelonggaran terhadap memastikan penjagaan agama kepada mereka kerana kekangan program yang dilakukan di luar di awal waktu sebelum daripada masuk waktu, begitu juga terhadap peringatan demi peringatan dalam program-program kerajaan yang lain bagi memastikan bahawa peringatan dan tanda sensitiviti kita berikan dalam memastikan ingatan kepada waktu-waktu solat itu dibuat. Walau bagaimanapun, sepanjang pengalaman kita terutama sekali sejak daripada Kerajaan Pakatan Rakyat ini, kita perhatikan telah dimasukkan beberapa perkara peringatan-peringatan penting, boleh jadi apa yang saya sebutkan ini ialah sebagai satu peringatan supaya dalam semua mengurus program-program ini

supaya ada satu tindakan yang bersama dilihat bahawa waktu yang sama kita dapat melaksanakan program, waktu yang sama usaha kita untuk memastikan bahawa setiapindividu dapat menjaga agama masing-masing dapat dijayakan.

Begitu juga ahli dewan yang dikasihi sekalian, mutakhir indeks jenayah berkaitan dengan kecurian, dan pencerobohan terhadap harta sangat-sangat membimbangkan dalam kenyataan Ketua Polis tahun 2013, Dato' Shukri pada ketika itu menyebut bahawa Selangor menjadi pusat tumpuan aktiviti-aktiviti jenayah berbanding dengan negeri lain. Saya percaya oleh kerana inilah pengalaman-pengalaman juga yang dilalui oleh mana-mana negeri dan mana-mana negara dalam usaha untuk memacu negeri-negeri yang maju maka aktiviti-aktiviti jenayah bagai tidak dapat dipisahkan dalam Negara atau dalam negeri mereka. Begitulah yang berlaku dalam konteks kita di negeri Selangor. Sebab itu saya fikir kerajaan perlu lebih serius mencari apa saja jalan yang difikirkan perlu bahkan bekerjasama dengan Pengawal Keselamatan untuk mewujudkan satu anggota yang baru untuk terus bagi memastikan bahawa kita dapat menurunkan kadar indeks jenayah di Selangor dan waktu yang sama program keselamatan, kejiwaan kampung kita, yang Alhamdulillah saya telah difahamkan telah menyumbang besar dapat menurunkan kadar jenayah kecurian di kampung-kampung yang ini agar dapat diberikan terus insentif dan nafas baru supaya ianya lebih bergerak aktif dan waktu yang sama saya fikir perlu menjadi salah satu daripada KPI untuk ketua-ketua kampung bahawasanya JKK ini mesti berjalan bagi memastikan bahawa mereka akan dapat perkhidmatan yang baik di kampung masing-masing.

Begitu juga Tuan Speaker, dalam konteks menjaga keturunan, alhamdulillah kita bersyukur kepada Allah dan dalam masa yang sama Kerajaan Selangor telah memperkenalkan Skim Insentif Perkahwinan yang juga disebutkan oleh Sekinchan dalam ucapannya bahawa ini salah satu daripada *Marqasid Syariah* untukmemperudahkan berlangsungnya satu kehidupan berkeluarga dan memastikan bahawa setiap keluarga akan mendapat keturunan yang baik. Maka proses mempermudah ini dilakukan antaranya melalui insentif yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor sumbangan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada pasangan-pasangan yang melakukan perkahwinan pada perkahwinan yang pertama kata Sekinchan, Sabak tidak layak, Sekinchan pun tidak layak juga. Tetapi waktu yang sama kita kena lihat satu yang agak menakutkan juga ialah kadar perceraian di Selangor adalah antara yang tinggi juga, kadar perkahwinan pun tinggi, kadar perceraian pun tinggi. Dalam beberapa semakan-semakan yang saya difahamkan terutama sekali bagi yang beragama Islam antara punca yang paling besar ialah satunya komunikasi dan juga satunya ialah kerana pengabaian dalam soal menjaga perkara-perkara prinsip terutama sekali dalam soal menjaga agama dalam kehidupan berkeluarga. Seorang suami yang kehilangan daya untuk menjadi pemimpin dalam sebuah keluarga bagi membimbing anak isteri untuk hidup lebih kepada agama. Ini adalah di antara sebab banyak berlaku kadar perceraian yang tinggi dan saya fikir ini juga kita perlu memikirkan satu mekanisme selain daripada

mempermudahkan jalan bagaimana pembentukan sebuah keluarga itu dapat dilaksanakan tetapi diwaktu yang sama juga kita perlu cari juga satu jalan bagaimana untuk memastikan bahawa keluarga akan dapat dipertahankan keharmonian kasih sayang dalam kehidupan mereka berkeluarga bagi memastikan kelangsungan kehidupan keturunan yang baik dalam kehidupan mereka.

Kemudian Tuan Speaker, saya akan turun sedikit ucapan ini melihat dalam konteks di utara Selangor terutama sekali di Kuala Selangor, Tanjung Karang, Sabak Bernam, Sg. Lang termasuk Sekinchan. Terutama sekali saya ingin menyebut berkaitan dengan persoalan pelaburan kita di utara negeri Selangor itu sendiri. Dalam usaha untuk kita menuju negeri maju saya yakin bahawa segala perancangan pembangunan yang disusun adalah sebahagian daripada strategi. Namun pada masa yang sama saya membimbangi kawasan-kawasan utara terutama Sabak Bernam, bimbang hanya akan menyaksikan pembangunan pesat berlaku di tempat yang lain. Saya perhatikan kelibat anak muda semakin berkurangan di utara Selangor lebih sebak lagi sudah semacam ada satu perasaan sejak zaman berzaman bahawa Sabak Bernam adalah lokaliti kelas ketiga. Saya percaya bahawa banyak aset boleh dibangunkan. Pantai yang panjang dari Jeram sampailah Sg. Lang, Sabak Bernam ditambah dengan bumi yang menghiijau waktu yang sama Insya-Allah akan ada satu jajaran lebuh raya dari pantai barat Selangor merentas ke Perak. Semua ini akan menjadi medan yang terbaik untuk pelabur-pelabur dibawa masuk bagi membangunkan sekali gus akan mencorakkan wajah baru Sabak Bernam. Dan oleh kerana banyak sebagaimana kawasan-kawasan yang masih perlu kepada pembangunan maka oleh sebab itulah kerancangan pembangunan dalam kita memastikan untuk mencapai sebuah negeri bahkan negeri yang termaju perlulah dinilai bahawa pembangunan itu mesti dirasa oleh seluruh masyarakat di negeri Selangor termasuk juga di negeri-negeri di kawasan-kawasan di utara negeri Selangor seperti Sabak Bernam, Sekinchan dan Kuala Selangor. Apa tah lagi Pekan Sabak, sudah semacam sudah sekian lama dalam keadaan serba tidur, kuasa membeli yang terlalu rendah, kerancangan pembangunan hanya berlaku di bahagian di kawasan-kawasan lain dan Sabak Bernam dan Sub Pekan Sabak yang mempunyai aset sungai yang sangat cantik yang mengalir pada setiap harinya, begitu juga tempat-tempat lain kawasan-kawasan yang masih dara lagi yang boleh dijadikan sebagai tapak pembangunan yang baru boleh dibangunkan bagi memastikan anak muda akan hidup selesa di Sabak Bernam dan waktu yang sama masyarakat akan melihat bahawa Sabak Bernam sama membangunkan sama dengan tempat yang lain.

Dan seperkara yang ingin saya bangkitkan dalam tempoh yang singkat ini ialah berkaitan dengan tanah PNSB, tanah Kerajaan Negeri yang akan dibangunkan oleh PNSB di Ladang Air Manis. Apakah usaha itu hanya tinggal janji manis, sesuai dengan nama lading Air Manisnya ataupun bila akan dimulakan sebab semacam telinga saya sudah semakin panjang dah, dan semakin merah dah, apabila tiap hari masyarakat bertanya, inilah janji manis, inilah janji manismu, inilah janji manismu.

Saya fikir kita sudah, telinga saya pun dah tak boleh tahan, tak boleh tahan . Oleh sebab itu kita memerlukan satu jawapan. Bila ianya akan dimula ataupun kalau tidak maka elok kerajaan tarik balik saja tanah ini dan kita bincang kita buat perkara lain yang akan kita cadangkan. Jadi Tuan Speaker dan itu sebahagian daripada, dan begitu juga sebagaimana saya sebut supaya *agro tourism* untuk melihat-lihat Sabak Bernam juga ada keupayaan untuk dibangunkan menjadi pusat rekreasi yang terbaik di Selangor. Ini memandangkan sebagaimana, saya dah tak pernah jemu untuk sebut di dewan ini bahawa orang di Sabak Bernam biasanya kalau dia nak berekreasi dia terpaksa pergi ke tempat orang. Aset sendiri sudah bermacam tak berapa menarik, kita ada tepi pantai BNO, BNO juga sudah dimasuki oleh air kerana empangan, air laut kerana bentengnya sudah tidak begitu, sudah tidak begitu sesuai yang perlu dibangunkan semula, akhirnya kita biasanya dalam program kita terpaksa bermuka-muka dengan masyarakat luar yang datang, kita buat program sukan rakyat, kita nak main *bowling* tak boleh, tetapi kita berpura-pura kita ada *bowling*, kita buatlah *bowling* kelapa, sukan rakyat, pada hal kita mengaku memang kita tidak ada tempat nak main *bowling*. Begitu juga baru-baru ini kita didatangi oleh pegawai daripada INTAN yang mereka menjadi anak angkat kepada Sabak Bernam. Kita sediakan mereka program menggagau, sebenarnya kita nak mereka renang di Sabak Bernam, tetapi dah tak ada kolam renang, kita buat menggagau di parit sahajalah itu yang jadi ini ialah . sebab itu tak pelik kalamasih lagi dalam minda masyarakat bahawa Sabak Bernam adalah tempat kelas yang ketiga. Oleh sebab itu saya mohon keprihatinan pihak Kerajaan Negeri supaya untuk mengangkut serba pembangunan itu supaya dilonggokkan di Sabak Bernam tapi jangan lupa Sekinchan, nampak Sekinchan pun dah agak membangun dan oleh sebab itu saya fikir inilah masa yang paling sesuai untuk kita membuktikan keupayaan kita bahawa masyarakat di luar bandar mereka juga akan turut serta membangun dalam menuju sebuah negeri yang termaju. Sekian yang dapat saya sampaikan dalam masa setengah jam. *Khulu huhaza astagfirullahalazimhiwala, assalamualaikumwarahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera.

TUAN SPEAKER: Ya, saya bagi Batang Kali dulu.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Hiwabarakatuh* salam sejahtera Tuan Speaker terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Titah Ucapan D.Y.M.M. Sultan Selangor di Dewan Yang Mulia pada hari ini. Bagi pihak Ahli-ahli Dewan Undangan Barisan Nasional.

Y.B. TUAN DR. YAKOB BIN SAPARI: Speaker, nampaknya dah tak lagi 1M bagus.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Oh, nak dengar, nak dengar, orang dengar kita cakap ya, bagi pihak Ahli Dewan ADUN Barisan Nasional saya ingin mengambil kesempatan ini menjunjung kasih dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada D.Y.M.M. Sultan Selangor di atas titah ucapan Baginda yang

rasional membina ikhlas dan terbuka mencakupi pelbagai aspek kehidupan rakyat dan sentiasa terus menerus meletakkan kepentingan serta kesejahteraan rakyat Selangor sangat berbangga dan bertuah kepada berada di bawah naungan D.Y.M.M. Sultan begitu prihatin, dengan kesejahteraan serta keselamatan rakyat di semua peringkat, di Bandar, Daerah, Mukim dan Kampung-kampung seluruh Negeri Selangor. Duli Yang Maha Mulia sentiasa daripada pandangan saya dalam Ucapan Titah Tuanku semalam nampaknya Sultan sentiasa mengikuti sepanjang masa semua yang berlaku di Negeri ini dan secara ikhlas dan terbuka dengan penuh tanggungjawab dan memberi pandangan, cadangan serta nasihat membina kepada Kerajaan dan rakyat demi kesejahteraan kemajuan dan kepentingan Negeri Selangor secara jangka pendek atau jangka panjang. Sebagai sebuah Parti yang bertanggungjawab Barisan Nasional yang sekarang sebagai Pembangkang di Negeri Selangor kami akan terus menerus membangkitkan pelbagai isu ekonomik dan kestabilan politik yang masih belum mendapat perhatian dan penyelesaian sepenuhnya dan perlu mendapat jawapan serta tindakan positif pihak Kerajaan. Justeru kerana itu kami akan terus membangkitkan isu-isu sama ada lama atau pun barudalam sidang Dewan Yang Mulia ini khususnya dalam Perbahasan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan terutama isu-isu berikut. Kestabilan politik di Negeri Selangor, pelaksanaan janji-janji PRU dan PRU 13, integriti dan urus tadbir baik Kerajaan, Agensi-agensi Kerajaan serta kepimpinan Kerajaan, Parti-parti Pemerintah. Pengurusan Kewangan Negeri dan pelbagai isu tinggi serta industri air, pengurusan pasir, Projek KIDEX, Projek Jatum Jelatek, Projek kenal I-City, Pemulihan Sungai Klang, serta masalah Yayasan Selangor dan UNISEL. Dalam konteks senario Politik Selangor saya masih melihat kesan kegagalan langkah Kajang antara Penasihat Ekonomi Selangor yang mencetuskan krisis Pelantikan Menteri Besar Selangor sehingga Yang Berhormat ADUN Bukit Antarabangsa kita dilantik sebagai Menteri Besar menggantikan ADUN Pelabuhan Klang nampaknya belum reda. Pelantikan ADUN Bukit Antarabangsa masih dipersoalkan oleh Ahli-ahli dalam Pakatan Rakyat terutama di kalangan pimpinan PKR sendiri. Belum mantap lagi ini ditambah dengan isu Hudud PAS yang tidak mendapat sokongan PKR dan ditentang hebat oleh DAP. Malahan PAS telah memberi kata dua kepada DAP dan PKR terima Hudud atau kerjasama Pakatan pembangkang terlalai. Belum lagi dengan gerakan membebaskan Penasihat Ekonomi Selangor dan tekanan-tekanan dalam Parti untuk menunaikan janji-janji membetulkan isu yang digunakan untuk memecat ADUN Pelabuhan Klang sebagai Menteri Besar Selangor. Begitulah besar cabaran yang dihadapi oleh Menteri Besar sekarang yang sudah barang tentu akan menjejaskan fokus dan perhatian sepenuhnya kepada Pentadbiran Negeri Selangor sehinggalah, sehinggalah beliau sudah mula kelihatan, sudah mula kelihatan alpha dan ingkar dengan beberapa aku janji seperti yang telah dilafazkan semasa mengangkat sumpah jawatan untuk Menteri Besar Selangor di hadapan Duli Yang Maha Mulia Sultan pada 23 September 2014 di Istana Klang atau pun di Istana Alam Shah Klang.

Tuan Speaker, bila bercakap tentang integriti, bukan semata-mata integriti tubuh badan YAB Dato' Menteri Besar dari Bukit Antarabangsa tetapi pemerintahan Pakatan Rakyat yang diketuainya bukan sahaja dalam pemerintahan tetapi dasar-dasar dan janji-janji Kerajaan Pakatan yang diwarisinya dan sudah barang tentu salah satu ukuran penting tahap integriti yang tinggi ialah pematuhan janji-janji yang telah dibuat semasa atau pun sama ada secara peribadi oleh Kerajaan dan Parti yang diwakilinya. Dalam konteks Y.A.B. dari Bukit Antarabangsa termasuklah 10 aku janji yang telah dilafazkan dengan memegang tembak di Raja semasa menerima jawatan Dato' Menteri Besar Selangor dahulu. Justeru kerana itu saya tetap dan akan terus mengulangi kenyataan dari Ketua Pembangkang Sungai Burong dalam Perbahasan Bajet 2015 yang lalu bahawa masih banyak lagi janji-janji PRU 12, janji-janji PRU 13 dan bajet-bajet tahun 2009 hingga 2014 serta janji-janji Parti dan Kerajaan Pakatan yang belum ditunaikan jika ada pun tidak sepenuhnya di antaranya adalah seperti berikut:-

Kita memohon supaya perkara-perkara begini diambil berat dan tidak dilakukan secara selektif dan berat sebelah.

- 1) RM100 bagi setiap anak kelahiran Selangor.
- 2) Bantuan RM50 sebulan bagi setiap pendidikan pra sekolah, ambil perhatian bahawa apa ini Manifesto atau pun apa yang dijanjikan ini semuanya mengatakan setiap maknanya kena bersikap adil, bersikap telus, bersikap ikhlas tak ada selektif dalam pemilihan apa juga dalam bentuk bantuan atau pun sumbangan kepada rakyat di negeri Selangor.
- 3) Hadiah RM1,000 setiap anak Selangor ke Universiti jadi ingat itu janji-janji setiap kena ingat itu.
- 4) Takaful RM2,500 warga emas, OKU dan anak yatim. Pendaftaran warga emas 65 tahun ke atas, ah ya sila.....

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Saya rasa barangkali dia tak baca Portal Negeri Selangor. Setiap warga emas yang meninggal yang berdaftar dapat RM2,500 di mana yang sebut bahawa berpilih-pilih.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Dah, dah Kota Anggerik? Tadi kita dah dengar dalam Perbahasan pagi tadi Hulu Bernam bagi contoh dekat tempat dia semua berlaku selektif. Ini saya bangkitkan sekali lagi, nak bukti lagi ke? Minta maaf lepas itu air percuma

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: ADUN Kota Damansara juga nak menjelaskan bahawa ianya juga berlaku di DUN Kota Damansara.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Ada lagi nak *support*? Ada berlaku, jadi kita minta. Kalau tak payah pergi jauh, jauh ke bawah ambil bajet itu *calculate* bagikan berapa sebenarnya *student-student* yang masuk Universiti itu bagi dengan bajet yang kita peruntukan itu berapa orang yang boleh dapat jadi, jadi itu belum lagi dikatakan ini berlaku. Jadi saya minta perkara ini diambil perhatian, kita menegur supaya ...

TUAN SPEAKER: Ijok minta, Ijok minta laluan.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:Terima kasih Tuan Speaker, yang diuar-uarkan bahawa pemberian warga emas tidak seimbang, tak sama rata itu tak betul sebab salahnya saya ingat orang UMNO, Ketua UMNO sendiri dari kawasan, misalnya di kawasan saya di Jaya Setia ada saya pergi satu rumah, ada rumah ada empat (4) warga emas.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Soalannya?

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Soalannya yang masalahnya orang UMNO sendiri yang dipolitikkan pemberian warga emas yang dia kata tak boleh....

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Itu soalannya?

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:Maknanya soalannya kita tak boleh salahkan Kerajaan. Salahkan sendiri UMNO sebab mereka menafikan pemberian ...

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Soalan, soalan untuk saya jawab. Kalau tidak saya tidak menjawab. Bukan soalan ini, Tuan Speaker saya minta menyambung.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Air percuma bagi.....

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku minta Batang Kali. Kampung Tunku minta penjelasan.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Saya nak sambung dulu.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Orang lain bagi, saya tak bagi.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:Sekejap, sekejap biar...nantilah. Air percuma bagi 20 meter padu pertama setiap bulan setiap premis. Rebat cukai pintu PBT 20% kediaman dan 10% kedai. Membantu setiap rakyat Selangor mendapatkan kediaman sendiri sedangkan harga rumah sekarang terlalu tinggi di luar kemampuan majoriti rakyat. Memberi galakan belia, beliawanis berniaga dengan sewa minima dan hanya perlu membayar air dan elektrik dua (2) tahun pertama. Manakala ada satu skim kursus untuk program tersebut. Malahan harga sewa premis dan lesen perniagaan melambung naik. Pelaksanaan projek

rangsangan Ekonomi Negeri Selangor bernilai RM50 bilion termasuk projek pemuliharaan Sungai Klang dengan peruntukan RM2 bilion hanya RM10 nominal peruntukan bajet 2012, 2013 dan 2014 serta 2015. Tidak serius pada pandangan saya dan banyak janji-janji kosong. Walaupun janji-janji lama bukan pemerintahannya Y.A.B. sekarang adalah bersama-sama bertanggungjawab memikul amanah dan janji-janji Parti dan Kerajaan Pakatan yang diwakilinya hendaklah terus dilaksanakan.

TUAN SPEAKER: Batang Kali, Kampung Tunku minta.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Atau dikaji semula maka hendaklah yakinkan, rasional, bukanlah janji-janji tersebut yang mempengaruhi rakyat mengundi Pakatan dalam PRU 12 yang ..

TUAN SPEAKER: Batang Kali, Kampung Tunku minta penjelasan.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Soalan ya kalau bukan soalan saya tak akan jawab.

TUAN SPEAKER: Sila ya Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Adakah Yang Berhormat Batang Kali mengimbassemula ucapan lama yang disampaikan oleh ADUN Batang Kali yang lepas kerana tadi pun ada sebut bahawa janji-janji itu janji PRU 12 sedangkan Dewan Rakyat, Dewan Negeri Selangor, ini adalah Dewan Negeri Selangor yang ke 13. Jadi bawa Manifesto atau pun janji pada Dewan Negeri Selangor ke 12 saya rasa itu tidak akan tepat kerana kalau ini berlaku maka kita boleh bertanya pula mana Manifesto

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Soalan, soalan dia apa?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Jadi saya bertanya, adakah Yang Berhormat mengimbass semula soalan-soalan lama semasa Dewan Negeri Selangor ke 12. Sekarang kita berpegang kepada....

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Itu saya faham, dah itu soalan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Sekarang kita berpegang kepada Buku Jingga. Ah jawabannya ia.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Duduk, saya nak jawab.

TUAN SPEAKER: Sila Batang Kali.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Dah, itu soalan, soalan dia?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Tadi kata janji Pilihan raya PRU ke-12.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Saya nak bagi tahu benda, benda yang Pakatan Rakyat tidak tunaikan atau pun *very selective*.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya kata itu Manifesto Pilihan raya ke-12

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Janji itu, janji kena ditunaikan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya tanya, tanya macam PRU ke-11, ke-10, ke-9, ke-8. Mengapa tidak sebut?

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Mengapa berbohong?

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku dulu,

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Jangan, jangan bohong, bohong kepada rakyat. Nanti Menteri Besar boleh jawab.

TUAN SPEAKER: Ok, ok Kampung Tunku duduk dululah.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Kalau macam itu, saya tanya, tanya macam PRU ke-11, ke-10, ke-9, ke-8. Mengapa tidak sebut?

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Mengapa berbohong?

TUAN SPEAKER: Okey, Batang Kali.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Kampung Tunku dah faham, dah faham.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Kena rujuk kepada janji Pilihan Raya Umum Ke 13.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Janji tak ditunaikan? Apakah *you flipflop*?

TUAN SPEAKER: Dah faham Kampung Tunku, Kampung Tunku duduk.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Sistem amalan sistem

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: *You* tanya saya....

TUAN SPEAKER: Batang Kali jawab soalan yang dikemukakan oleh Kampung Tunku.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Saya jawab kepada dia kita bukan *recycle* benda ini semata-mata kerana kita nak ambil *mileage* atau pun nak berpolitik di sini. Kita nak mengatakan bahawasanya janji-janji ...

TUAN SPEAKER: Batang Kali, Sungai Burong minta

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Masih ada lagi yang tidak ditunaikan atau pun bersikap selektif dalam melaksanakannya ini yang kita nak tahu. Jadi YAB boleh menjawab besok bukan Kampung Tunku tak payah jawab.

TUAN SPEAKER: Batang Kali, Sungai Burong minta bagi ke ini? Sila Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya Batang Kali sebenarnya dalam Mesyuarat Dewan yang lepas pun Menteri Besar pada masa itu berkali-kali beberapa Belanjawan masih mengulangi tentang beberapa janji-janji terutamanya tentang Projek Rangsang Ekonomi yang melibatkan Perbelanjaan yang begitu besar di Jana Ekonomi Selangor selaras dengan titah ucapan Tuanku yang mahu supaya Negeri Selangor terus membangun. Jadi pertanyaan saya adakah Yang Berhormat Batang Kali bersetuju tentang perkara yang disebut memang janji-janji yang telah dibangkitkan bukan sahaja di luar Dewan tapi dalam Dewan ini. Yang perlu ialah jelaskan, tak setuju *cancel*lah sahaja.

TUAN SPEAKER: Setujulah tu?

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Ya, maknanya saya bangkitkan perkara-perkara yang belum dilunaskan, kalau dah dilunaskan buat secara yang betul jangan *selective* itu maksud saya bercakap tadi.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Batang Kali mohon

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Dah saya nak sambunglah.

TUAN SPEAKER: Batang Kali bagi eh... Batang Kali bagi laluan. Batang Kali tidak lebih dari 10 minit lagi sekarang. Bagi tak bagi?

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Bagilah sedikit sahaja, bukan selalu, Batu Tiga bangun.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Teruskan, saya teruskan.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Bagilah Batang Kali, boleh?

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Masa dah tinggal 10 minit lagi.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Saya nak, saya nak tanya sedikit sahaja, saya nak buat pertanyaan sedikit sahaja.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Okey, okey saya ingin membangkitkan keputusan

TUAN SPEAKER: Batu Tiga duduk tak bagi. Duduk, dah tinggal 9 minit lagi.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Saya ingin membangkitkan keputusan YAB Menteri Besar dan Kerajaan Selangor mengenai isu air Negeri Selangor yang ada kaitan dengan Aku janji Ketujuh iaitu mendahulukan rakyat dan janji mendahulukan kepentingan rakyat dan Aku janji Kelapan iaitu janji memelihara hubungan baik dengan Kerajaan Pusat atau pun Persekutuan. Sebagaimana yang ada kita sedia maklum YAB Menteri Besar telah mengisytiharkan bahawa perjanjian Induk Penstrukturan Air Selangor antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan yang berakhir pada 9 Mac dibatalkan dan tidak akan dilanjutkan selepas penangguhan kali kedua. Sebabnya Kerajaan Persekutuan melanggar tema perjanjian yang telah di tandatangi pada 12 September 2014 yang menyebabkan Kerajaan Negeri tiada pilihan lain. Perkara ini telah dibangkitkan sendiri oleh YAB dari Bukit Antarabangsa merangkap Ahli Parlimen Gombak sidang Parlimen yang sedang berjalan sekarang. Sedang menjadi perbincangan hangat sama ada dalam sesi soal jawab atau dalam Perbahasan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong. Kerajaan Pusat melalui Menteri Tenaga Hijau dan Air menegaskan bahawa dakwaan dan rasional pembatalan perjanjian utama oleh YAB Menteri Besar Selangor tidak berasas dan mengelirukan rakyat. Tidak memahami sepenuhnya perincian perjanjian induk mungkin mendapat maklumat yang tepat dan nasihat yang salah. Sesungguhnya Kerajaan Persekutuan mahu melihat proses penstrukturan industri air Selangor dimuktamadkan dengan segera berdasarkan beberapa perbincangan dan perjanjian yang telah dipersetujui dan ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:Tuan Speaker,

TUAN SPEAKER: Batang Kali.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Tidak boleh bagi laluan.

TUAN SPEAKER: Tidak bagi laluan Kota Anggerik duduk dulu.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri semasa Pentadbiran Y.A.B. Dato' Menteri Besar dan Pelabuhan Klang.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:Ini dah jawab pagi tadi

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:Jangan bising-bising duduk, Pelabuhan Klang yang telah dipecat oleh PKR. Garis panduan dan pendekatan inilah juga yang telah digunakan penstrukturan semula industri air dan dipersetujui di enam (6) buah negeri lain termasuk Pulau Pinang jadi ini bukan satu yang asing tetapi juga diamalkan oleh tuan-tuan punya sepupu di Pulau Pinang. Memandangkan isu air ini sangat penting bagi rakyat dan pengguna di Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya. Kerajaan Persekutuan berharap dan kami juga berharap perundingan di antara kedua-dua pihak diteruskan supaya penyelesaian segera dapat dicapai. Berdasarkan kenyataan Menteri Tenaga Teknologi Hijau dan

Air Kerajaan Persekutuan sangat serius dan komited untuk melaksanakan penstrukturan semula industri air Selangor. Salah satu sebab utama pembatalan perjanjian utama tak sebut oleh Y.A.B. ialah isu kedaulatan Selangor yang menjadi laluan paip sepanjang lebih kurang tak silap saya 26,000 kilometer daripada terjatuh ke tangan Kerajaan Persekutuan. Y.A.B. Menteri Besar mendakwa Kerajaan Persekutuan meminta Kerajaan Negeri menyerahkan tanah tersebut yang sebelum ini terkandung di dalam perjanjian utama yang dipersetujui bersama. Malahan beliau yakin bahawa rakyat dan pengguna air Selangor akan turut menyokong pendirian yang diambil Kerajaan Negeri kerana isu kedaulatan pemilikan tanah dan aset air. Bukanlah sesuatu yang boleh diserahkan dengan sewenang-wenangnya. Berhubung dengan isu tanah ini Menteri Tenaga Teknologi Hijau dan Air menjelaskan bahawasanya Kerajaan Persekutuan tidak pernah meminta Selangor untuk menyerahkan tanah di bawah perjanjian utama tetapi melalui konsep pajakan tanah. Beliau menyatakan pajakan tanah di bawah perjanjian tersebut kepada Syarikat Pengurusan Air Persekutuan adalah untuk:-

- 1) Penyelenggaraan
- 2) Menaiktaraf dan
- 3) Kerja pembaikan bagi mengurus air Selangor selama 45 tahun

TUAN SPEAKER: Batang Kali minta pendekkan ayat terakhir.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Kacau orang ini, kalau terakhir saya minta tolonglah sebab ini seorang, seorang Pembangkang yang bangun minta masa sedikit sahaja untuk sedikit sahaja untuk menjelaskan.

TUAN SPEAKER: Okey, saya bagi 1 minit tambah.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: 1 minit apa ada Tuan Speaker, mohonlah sambung.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Kalau nak ucap panjang jadilah Ketua Pembangkang *free flow*, jadi Penyelaras tak boleh. Terima jawatan Pembangkang jadikan bagi *free flow* 2 jam.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Kota Anggerik jangan salah faham tentang Ketua Pembangkang. Tak ada dalam sistem tak ada dalam kita punya apa Perlembagaan apa pun.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Nak ucap panjang terima jawatan Ketua Pembangkang.

TUAN SPEAKER: Batang Kali, Batang Kali saya bagi setengah minit.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Batang Kali minta laluan sedikit.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Dah bagi

TUAN SPEAKER: Sekinchan, Sekinchan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya nak tanya satu soalan.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Saya nak minta tambah sedikit sahaja.

TUAN SPEAKER: Bagi tak Sekinchan?

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Kalau nak bagi saya tambah 1 minit.

TUAN SPEAKER: 1 minit tambahan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: 1 minit, 1 minit. Speaker nak bagi 1 minit.

TUAN SPEAKER: Sekinchan, Batang Kali tak bagi, dia tak bagi.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Speaker nak bagi. 1 minit, bagi lah.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Saya minta 4 minit.

TUAN SPEAKER: Bagi Sekinchan tak?.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Saya tak nak.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Dia tak bagi.

TUAN Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tak perlu, kalau dia tak bagi saya 1 minit pun dia tak perlu.

TUAN SPEAKER: Setengah minit. *Okey* habiskan ayat.

TUAN Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tak perlu setengah minit cukuplah.

TUAN SPEAKER: *Okey* habiskan ayat.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Kalau macam ini apa yang benda yang boleh saya nasihatkan atau bagi tahu kepada Kerajaan Negeri kalau nak kita bagi tahu Kerajaan Negeri yang ini yang terbaik untuk *you* tengok dan ambil perhatian, dengar kalau tak nak dengar.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Terimalah jawatan Ketua Pembangkang.

TUAN SPEAKER: Batang Kali banyak Y.B. nak berucap selepas ini.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Demokrasi bagilah laluan. Dengarlah apa salah nak dengar.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Dengar cara

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Kita tak ada Ketua Pembangkang, boleh pun bagi lebih masa. Demokrasi yang diuar-uarkan oleh Y.A.B. Menteri Besar.

TUAN SPEAKER: Ramai lagi YB-YB yang nak berucap selepas ini. Boleh bagi *handout* situ, bagi *point* kepada mereka. Semua akan dapat *point* yang sama.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Timbalan Speaker bagilah masa tambahan tadi gangguan dah banyak so dah potong berapa minit.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Dah nak habis ini, *landing* sekarang.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya nak minta laluan sebelum dia habis.

TUAN SPEAKER: Sekinchan, tak bagi.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Kalau tak nak dengar isu air ini saya nak maklum kepada YAB Menteri Besar supaya dia ambil perhatian kalau mana dia boleh, apa ini betulkan dia boleh betul kalau tak mahu tak apa kita sambung masalah di Batang Kali ini. Ini satu masalah yang saya cadangkan di dalam Dewan yang lepas.

TUAN SPEAKER: Masa dah habis Batang Kali.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Satu lah, nak habiskan *my last word* ini.

TUAN SPEAKER: Masa dah habis, *okey* saya arahkan Batang Kali tamatkan sekarang dan duduk.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Speaker, ini bukan isu Ketua Pembangkang ke apa, ini isu dia telah diganggu

TUAN SPEAKER: *Okey* saya minta Kota Damansara duduk

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Panjanglah sedikit masa lagi.

TUAN SPEAKER: *Okey* saya bagi pilihan yang kedua, saya bagi 1 minit terakhir boleh?

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Habiskan ini, sebelum saya mengakhiri Perbahasan yang terganggu dan dipotong saya nak bawa balik isu jalan yang dari Rasau ke Bukit Beruntung sepanjang 20 kilometer. Y.A.B. Menteri Besar pada sidang yang lepas dah berjanji untuk melihat perkara ini tetapi apa yang menyedihkan saya baru-baru ini ialah mengenai dengan CF yang dimohon oleh penduduk-penduduk tempatan berkenaan yang telah dikutip cukai. Di dalam surat ini permohonan CF ditolak, ditolak kerana jalan JKR berkenaan. Jadi saya minta sangat-sangat Y.A.B. Menteri Besar ambil tindakan segera supaya tanah itu di pindah milik kepada Kerajaan Negeri dan digazetkan di bawah JKR dengan serta-

merta supaya kekangan Audit tidak berlaku mengguna wang pakai MARRIS. Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih. Saya menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Saya silakan Kampung Tunku, sila.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Speaker Kampung Tunku juga ingin berdiri dan menyokong Usul yang di bawah oleh Yang Berhormat Sekinchan ini. Salam sejahtera dan salam ubah diucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat, terima kasih kerana memberi peluang kepada Kampung Tunku untuk turut sama menyokong Usul ini. Saya akan menjuruskan ucapan saya kepada Manifesto Pilihan raya umum ke-13 yang telah pun saya dengan Batang Kali tadi tetapi dia sudah menghilangkan diri sekarang. Saya rasa apa yang paling tepat Tuan Timbalan Speaker adalah untuk kita fokus kepada apa yang dijanjikan dalam Pilihan Raya yang lepas. Tidak ada gunanya kalau kita kembali kepada sejarah, kita berbalik, balik ke sejarah dan kita mengungkitkan isu-isu lama yang barangkali tidak kaitan lagi dengan perkembangan terkini di Negeri Selangor. Sekiranya kita tak buat demikian maka kita tidak dapat menolak langkah ke depan dan isu-isu baru yang wujud Manifesto yang terkini yang dibentangkan semasa Pilihan raya umum yang lepas tidak akan diberi peluang untuk kita untuk mengupas dengan lebih lanjut. Itu adalah pendirian saya dan saya rasa ini adalah sangat penting kerana kepercayaan rakyat negeri Selangor kepada Pakatan Rakyat dalam PRU yang lepas adalah sangat tinggi, lebih tinggi daripada apa yang saya jangkakan kerana dalam PRU yang lepas Pakatan Rakyat telah mencatat peningkatan kerusi DUN yang kita menang sehingga kita mempunyai majoriti 2/3 di dalam Dewan Yang Mulia ini. Dan tidak lama selepas kemenangan Pakatan Rakyat di negeri Selangor saya masih ingat lagi Titah Tuanku Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pada masa pada tahun 2013 supaya Kerajaan Pakatan Rakyat haruslah mengotakan segala janji dalam Manifesto Pilihan Raya ke 13 iaitu manifesto yang saya pegang di sini dan saya rasa kita setiap kali kita membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan Negeri Selangor elok kita mengikut apa yang telah pun dijanjikan di sini sebagai satu panduan. Kerana apa yang penting ialah selepas lima tahun nanti tidak guna kita berbunga-bunga dalam bahasa yang kita gunakan di sini kalau kita tidak ada apa-apa pencapaian untuk ditunjukkan kepada rakyat. Dan ini adalah nasihat saya kepada Kerajaan Negeri Selangor. Perkara pertama yang saya ingin sentuh adalah tentang iklim pelaburan di negeri Selangor. Pada bulan Februari yang lepas kami di Selangor ini khususnya bagi saya digemburkan dengan satu berita bahawa negeri Pulau Pinang mencatat peningkatan dari segi pelaburan yang terbanyak di Malaysia. Ini diikuti dengan berita bahawa pelaburan pada tahun 2014 adalah tertinggi di negeri Sarawak dan juga negeri Johor. Kita tahu bahawa di negeri Sarawak pelaburan itu meningkat kerana terdapat pelaburan asing yang ditumpukan kepada satu-satu industri yang dianggap sebagai tidak mesra alam sekitar. Dan ini memang pun kita tidak akan terima. Dan di negeri Johor ia disebabkan oleh kawasan Iskandar yang menjadi tumpuan pelaburan khususnya pelaburan

daripada Singapura. Walaupun fakta ini kita terima dan Selangor di belakang Pulau Pinang, Sarawak dan juga Johor. Kerajaan negeri perlu mengambil iktibar daripada perkembangan ini dan memastikan semua jabatan kerajaan dan juga agensi-agensinya menjalankan tugas untuk mewujudkan satu iklim mesra pelaburan yang akan melonjakkan negeri Selangor sebagai destinasi pelaburan pertama di Malaysia. Kita perlu mengatasi Johor, kita perlu mengatasi Sarawak dan kita tidak boleh kalah kepada Pulau Pinang. Ini adalah satu pesanan yang saya rasa ingin di bawa untuk sebagai *point* saya yang pertama dalam ucapan ini. Yang kedua adalah tentang pengangkutan awam Tuan Timbalan Speaker, semalam kita juga dikejutkan oleh kedaerahan Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara bahawa laluan Klang Valley MRT2, laluan Klang Valley MRT2 yang bakal melalui kawasan seperti Gombak, kawasan Menteri Besar sendiri, kawasan Pandan, kawasan Yang Berhormat EXCO kerajaan daripada kawasan Cempaka, dan Ampang, NKV MRT yang akan melalui kawasan-kawasan ini sebelum disambung ke Serdang dan Putra Jaya sekarang laluan ini akan ditukar dan mungkin akan disambung ke bandar Malaysia di Sungai Besi dan bukan lagi Gombak, bukan lagi Pandan, bukan lagi Ampang. Apa berlaku di sebalik batu? Adakah ini dilakukan untuk menyelamatkan syarikat 1MDB yang mengalami masalah hutang yang berbilion-bilion ringgit. Saya kira ini adalah satu perkara yang tidak boleh direstui oleh kerajaan negeri kerana kebanyakan penduduk yang duduk di kawasan Gombak, Pandan, Ampang adalah golongan miskin dan sederhana rendah. Sekiranya KVMRT2 tidak melalui kawasan-kawasan ini maka ianya tidak akan memberi perkhidmatan kepada rakyat berpendapatan rendah di kawasan-kawasan ini. Oleh sebab itu, saya memohon kepada kerajaan negeri khususnya Pejabat Tanah dan Daerah Gombak, Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat, Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan juga Majlis Perbandaran Selayang untuk memberi perhatian dan membawa informasi-informasi terkini terhadap laluan ini kepada perhatian kerajaan negeri Selangor supaya EXCO akan *intervene* dan memastikan rakyat kepentingan rakyat di kawasan-kawasan ini di negeri Selangor ini terlindung dan terjaga. Dan tidak dikorbankan semata-mata untuk kepentingan kroni. Ini adalah perkara pertama dan kedua adalah tentang perkhidmatan bas komuniti yang dibekalkan secara percuma di Petaling Jaya dan Shah Alam. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Petaling Jaya kerana telah merombak laluan bas yang sedia ada sebelum ini dan menjadikannya lebih meminat, lebih menarik kepada penumpang bas di Petaling Jaya. Cuma apa yang saya ingin lafazkan di sini ialah kerajaan harus lihat juga strategi kerajaan membekalkan perkhidmatan bas percuma ini adalah untuk menarik lebih ramai penumpang bas. Menggalakkan orang ramai untuk menggunakan pengangkutan awam dengan lebih kerap daripada memandu. Semasa minggu lepas apabila saya membaca surat khabar saya difahamkan bahawa kerajaan juga akan menumpukan perhatian mewujudkan perkhidmatan bas komuniti elektrik yang menggunakan bas elektrik. Dan oleh kerana bas elektrik adalah sangat mahal maka kita tidak dapat menjalankannya pada masa terdekat ini. Saya rasa kita perlu tengok apakah strategi kita. Adakah kita hanya nak mewujudkan perkhidmatan bas percuma yang menggunakan bas elektrik, dan sekiranya kita tidak ada wang mencukupi kita henti

di situ sahaja ataupun kita kata kita nak lebih ramai lagi untuk menaiki bas dan kita sekiranya bas yang digunakan itu bas yang menggunakan bahan api fosil pun kita pun akan terima kerana yang penting adalah kita perlu ada bas yang mencukupi sekarang di Petaling Jaya kita ada dua laluan. Saya ingin menegaskan bahawa sebenarnya kerajaan tidak perlu tunggu ataupun tidak perlu terlalu minat sangat dengan bas elektrik ini kerana kita tidak boleh digagalkan dengan idea untuk menggalakkan lebih ramai orang menumpang, menaiki bas sekiranya kita henti di situ kerana masalah kos, saya rasa ianya adalah tidak berbaloi. Sepatutnya strategi kita adalah memberi galakkan kepada orang ramai. Isu seterusnya saya ingin menyentuh sedikit tentang Ops Integriti. Saya memberi penghormatan setinggi-tingginya kepada Setiausaha Kerajaan Negeri kerana melancarkan ataupun menjalan Ops Integriti ini. Pagi tadi kita telah pun dengar hujah daripada Yang Berhormat Sekinchan bahawa perkhidmatan ataupun prestasi kakitangan awam pada baru pada kebelakangan ini adalah bagus! Ini saya rasa bolehlah diberi penghargaan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri kerana telah menjalankan Ops Integriti ini. Dan sekarang penjawat-penjawat awam tidak boleh lepak di kedai-kedai kopi di kafeteria dan sebaliknya mereka perlu menumpukan perhatian sepenuhnya kepada tugas-tugas yang ada di tangan mereka. Tapi ada juga kelemahan Tuan Timbalan Speaker, Ops Integriti hanya dilakukan dan dilaporkan di kawasan sekitar bangunan SUK di sekitar kawasan Shah Alam sahaja. Ianya masih belum dijalankan di tempat-tempat yang lain. Dan saya rasa masalah yang sama sebenarnya pun berlaku di tempat yang lain. Saya mohon kerajaan negeri untuk mempertingkatkan Ops Integriti ini supaya semua penjawat awam baik Pejabat Tanah, baik PBT dapat mempertingkatkan prestasi ataupun *output* daripada pegawai-pegawai kerajaan daripada mereka membuang masa mereka yang sepatutnya mereka gunakan dengan sebaik-baiknya di pejabat-pejabat mereka buang masa di kawasan-kawasan seperti kafeteria dan kedai kopi. Tuan Timbalan Speaker saya juga ingin menyentuh sedikit tentang tanah rizab Melayu dan isu ini telah pun disebut oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor semalam. Saya tidak ada angka terkini tapi saya pernah membuat suatu pemerhatian bahawa jumlah keluasan tanah rizab Melayu di Selangor pada masa sekarang kita lihat pada masa yang berbeza angkanya berbeza. Saya tak pasti yang mana satu benar dan mana satu palsu. Jadi apa pun sekali, saya menggesa dan mengambil peluang di sini menggesa kepada Pejabat Tanah dan Galian Selangor untuk melihat semula tanah-tanah yang sedia ada dan memaklumkan kepada Dewan Undang Negeri ini apa sebenarnya keluasan tanah rizab Melayu yang masih ada di Selangor ini. Dan saya juga ingin membawa perhatian kepada Dewan Negeri Selangor sebenarnya dalam manifesto buku jingga Pakatan Rakyat kita juga ada menyebut sedikit tentang tanah rizab Melayu di mana kita bukan sahaja bercakap bahawa tanah rizab Melayu ini perlu diganti balik kalau setakat ganti balik tak cukup. Dalam manifesto ini kita juga menyebut tentang bahawa tanah rizab Melayu perlu dibangunkan untuk kebaikan kaum dan komuniti Melayu. Jadi saya bertanya di dalam Dewan Yang Mulia ini adakah apa-apa rancangan yang ada pada kerajaan Selangor untuk membangunkan tanah-tanah rizab Melayu. Dan sekiranya belum ada lagi kita ingin

bertanya pula apakah masalahnya dan bagaimana ianya boleh diatasi. Isu ini adalah sangat penting kerana kita tidak mahu tanah rizab Melayu ini dibiarkan begitu sahaja tanpa apa-apa pembangunan. Dan saya seperti apa yang dimaklumkan sedia maklum tanah adalah sumber terpenting bagi sesebuah kerajaan negeri. Kalau dilalaikan kita lalaikan begitu sahaja maka ia akan menyebabkan mengurangkan sumber pendapatan bagi kerajaan Selangor. Kampung Tunku juga amat tertarik dengan titah ucapan Tuanku Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor semalam, yang menyifatkan baginda sebagai payung menaungi seluruh rakyat Selangor dan memastikan tidak ada mana-mana kaum yang didiskriminasikan atau dipinggirkan. Titah ucapan Tuanku Sultan Selangor ini memberi keyakinan kepada semua rakyat Selangor termasuk mereka yang bukan Muslim bahawa kebebasan mereka untuk mengamalkan kepercayaan mereka tidak akan disekat. Dan prinsip kesederhanaan ini jugalah diperjuangkan oleh baru-baru ini sekumpulan golongan atlit Melayu yang menggelar mereka sebagai G25 supaya Malaysia ini kekal harmoni, kekal majmuk, kekal aman dan kekal damai. Saya menyeru kepada semua rakan-rakan di dewan yang mulia ini supaya menghayati prinsip kesederhanaan ini dan menjadikannya sebagai satu panduan hidup dalam mentadbir kerajaan negeri Selangor. Kerana prinsip inilah prinsip kesederhanaan inilah, prinsip kesederhanaan yang diuar-uarkan yang dibawakan oleh G25 ini ialah juga merupakan prinsip yang membawa Malaysia membina Malaysia sebagai sebuah negara yang majmuk, aman dan damai selama 50 tahun Malaysia Merdeka. Kampung Tunku juga ingin meminta kerajaan supaya memberi perhatian kepada ancaman *terrorist* di negeri Selangor. Ini walaupun tidak pernah belum lagi berlaku di Selangor tapi kita perlu mengambil langkah berjaga-jaga dan dalam ucapan titah ucapan Tuanku semalam juga telah memberi suntikan semangat kepada kita dengan membawa prinsip kesederhanaan maka kita perlulah komited dalam perjuangan kita dalam melawan kegiatan-kegiatan *terrorist* lebih-lebih lagi apabila seluruh umat manusia sekarang sudah pun terancam dengan keganasan yang dibawa oleh puak pelampau seperti ISIS seperti pokok haram dan sebagainya. Dan kita harus ingat terdapat seorang bekas mahasiswa dari KUIZ yang didapati terlibat dalam kegiatan-kegiatan ISIS. Apa yang berlaku ialah buat masa ini beliau sudah tidak ada di Malaysia dan beliau sudah pun dikeluarkan oleh KUIZ tapi apa pun sekali ini adalah suatu yang perlu dipantau oleh kerajaan. Saya tidak bercadang Tuan Timbalan Speaker untuk kerajaan menjalankan apa menyokong apa-apa peruntukan undang-undang yang membenarkan *detention without try* dengan izin ini saya tidak setuju sama sekali tapi pada masa yang sama dari segi kerohanian kerajaan negeri perlu lihat apakah usaha yang kita boleh lakukan untuk menjauhkan anak-anak muda kita daripada ancaman ataupun pengaruh ISIS dan pokok haram. Seterusnya saya juga ingin menyentuh sedikit tentang tabung biasiswa khusus dan tanah bantuan sara diri anak Selangor yang juga disebut dalam ucapan Tuanku semalam. Saya ingin bertanya ialah mengapakah kerajaan menyediakan tabung dan dana ini hanya untuk anak-anak Selangor yang belajar di UNISEL dan KUIZ sahaja. Saya memang ambil maklum memang UNISEL dan Kuiz dimiliki oleh kerajaan negeri Selangor. Tetapi kalau kita hanya membantu mereka yang belajar di UNISEL dan KUIZ sahaja saya rasa ia tidak cukup belum

cukup baik lagi memang usahanya murni sangat baik tetapi belum cukup lagi kerana kita tahu daripada kita tahu bukan semua anak Selangor yang masuk IPT sama ada IPTA atau IPTS mereka tidak semestinya masuk UNISEL ataupun KUIZ mereka barangkali akan belajar di IPTA seperti Universiti Malaya Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putera Malaysia dan sebagainya. Saya rasa bantuan juga harus diberi kepada mereka yang menuntut di IPTS dan IPTA khususnya apabila IPTS dan IPTA ini sebenarnya terletak di negeri Selangor. Kalau 10juta itu agak tinggi mungkin kita boleh adakan satu *fund* ataupun dana permulaan 1juta ataupun 2juta. Saya rasa dengan kedudukan kewangan negeri Selangor yang semakin mantap ini adalah sesuatu yang kita boleh melakukan untuk anak-anak Selangor yang belajar di IPT. Saya juga ingin menyentuh sedikit tentang satu lagi janji yang dibawa oleh manifesto iaitu mewujudkan satu biasiswa Menteri Besar. Saya tak pasti ini telah dinyatakan dalam bajet yang lepas setahu saya tidak lagi disentuh dan saya ingin mengingatkan pada kerajaan negeri Selangor jangan tunggu terlalu lama kalau sempat kalau ada upaya maka jalankannya pada tahun ini juga kita adakan satu tabung supaya yang kita namakannya sebagai Menteri Besar *Incorporated*, Menteri Besar Biasiswa Menteri Besar dan kita *sponsor* anak-anak kita yang cerdik pandai untuk menjalankan pengajian mereka di IPTS atau pun IPTA dan sekiranya ada kalangan mereka yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat *Master Post Graduate*, Biasiswa Menteri Besar ini juga boleh digunakan untuk menolong mereka. Tuan Timbalan Speaker saya ingin sentuh tentang tanah dan juga kecekapan Pejabat Tanah dalam pentadbirannya dan saya sebut tadi bahawa tanah adalah sumber terutama di negeri Selangor yang kita perlu memberi perhatian khusus. Sememangnya kerajaan telah mengambil banyak langkah dan usaha untuk memperkemaskan dan memantapkan pentadbiran tanah di Selangor. Sungguh pun begitu rakyat masih perlu menunggu masa yang sangat panjang. Masa sehingga berbulan-bulan untuk memproses satu transaksi tanah dan saya sebut, yang saya ambil contoh di sini ialah khususnya hak milik strata. Hak milik strata selalunya mengambil masa sehingga tiga hingga empat bulan. Itu pun kalau nasib baik. Kalau nasib tidak baik enam bulan, tujuh bulan, lapan bulan ah! bulan sampai setahun. Jadi ini berlaku walau pun bayaran telah pun diproses dibayar, dokumen telah lengkap, tetapi masa yang diambil masih panjang lagi. Misalannya di Petaling, saya bertanya pada sidang dewan yang lepas terdapat 455 permohonan pecah bahagi bangunan (hak milik strata) yang masih diproses oleh Pejabat dan Daerah Petaling sejak tahun 2008. Soalan saya dalam sidang dewan yang lepas tahun 2014 menunjukkan jawapan yang saya dapat menunjukkan, rupa-rupanya kes yang di, fail yang masih diproses pada tahun 2008 masih ada lagi, masih wujud 455 permohonan hak milik strata di Pejabat Tanah dan Daerah Petaling yang belum selesai walaupun selepas enam tahun dikemukakan kepada Pejabat Tanah dan Daerah. Mengapa perkara ini berlaku dan di kalangan 455 ini Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker terdapat dan termasuk juga permohonan yang melibatkan PKNS. PKNS ini adalah anak syarikat kerajaan negeri Selangor. Jadi saya rasa ini adalah sangat penting dan saya memohon kerajaan negeri Selangor untuk mempercepatkan semua permohonan atau pun transaksi tanah ini bak pepatah kita

ada sebut, kita ada satu pepatah Melayu yang berbunyi masa itu emas. Masa yang telah terlampau panjang untuk memproses hak milik strata ini saya sudah pasti tidak sesuai lagi dengan keperluan rakyat dan komuniti, perniagaan di negeri Selangor. Dan sekiranya kita hendak melonjakkan Selangor sebagai destinasi pelaburan yang terulung di Malaysia ini bak tentang pemprosesan tanah ini adalah salah satu perkara yang perlu diberi perhatian serius oleh kerajaan negeri Selangor. Tuan timbalan Speaker saya juga ingin membawa satu isu yang saya rasa agak penting, isu tentang *gated and guarded community*. Ini adalah kena dengan *guide line* yang pernah diwujudkan oleh PBT dalam mengawal selia *gated and guarded community* dan baru-baru ini kita telah dimaklumkan bahawa keputusan Mahkamah Persekutuan telah membuat satu keputusan yang saya rasa adalah satu berita yang baik untuk rakyat di negeri Selangor bahawa *boom gate* yang dipasang oleh persatuan-persatuan penduduk atau pun dan juga Rukun Tetangga ini kerajaan Persekutuan telah membuat satu keputusan bahawa ianya bukanlah haram. Ianya tidak bolehlah dianggap sebagai melanggar, menyalahi undang-undang atau pun akta parit jalan dan bangunan kerana ianya diwujudkan untuk tujuan keselamatan. Maka saya berpendapat bahawa kerajaan negeri Selangor dan PBT haruslah menggunakan peluang keemasan ini untuk mengemas kini dan mengawal selia semua garis panduan yang diwujudkan sebelum ini berkaitan dengan *gated and guarded community* supaya apa yang kita boleh luluskan, apa yang kita boleh buktikan kita buktikan daripada kita robohkannya terus atas alasan undang-undang kerana dengan keputusan mahkamah Persekutuan ini maka adalah jelas bahawa *boomgate* ini tidak menyalahi undang-undang langsung. Selalunya apa yang dikatakan penguatkuasa PBT selalu kata ini menghalang trafik tapi sekarang ada keputusan ini maka senanglah untuk kerajaan negeri menjalankan langkah-langkah yang diperlukan untuk menjaga keselamatan penduduk-penduduk di sesuatu kawasan. Juga tidak boleh saya abaikan di sini adalah beberapa isu yang telah pun disentuh dalam manifesto ini di dalam manifesto Pakatan Rakyat ke 13, kita juga menyebut tentang cadangan *the peoples government* dengan izin iaitu kerajaan yang berjiwa rakyat. Di sini saya ingin membaca terdapat dua *proposal* atau pun cadangan yang telah dirangkumi dalam manifesto ini. Yang pertama adalah untuk menjalankan pilihan raya Kerajaan Tempatan. Saya ingin memberi peringatan kepada kawan-kawan di dalam dewan yang mulia ini, ini adalah janji Pakatan Rakyat terhadap pemilih di negeri Selangor. Dan kita kena ingat satu lagi, satu lagi, satu lagi adalah bahawa titah ucapan tuanku Sultan Selangor tahun 2013 kita perlu mengotakan janji-janji kita dan ini adalah sebahagian daripada janji itu. Jadi saya rasa walau apa berlaku di negeri lain seperti Pulau Pinang, Kelantan, Putrajaya dan sebagainya itu hal mereka. Tapi di Selangor janji tetap janji. Saya kata janji tentang PRU Ke 13 yang lepas saya dah sebut. Ini perlu diberi perhatian. Perlu dijalankan sebelum Dewan Negeri dibubarkan. Perkara kedua *strengthened the role of this state assembly through various means including the Selangor Legislative Assemblies service enactment*. Ini perkara yang lebih mencabar iaitu perkara tentang enakmen perkhidmatan Dewan Undangan Negeri Selangor. Dan ini adalah sesuatu yang pernah dibawa oleh pentadbiran yang lepas tetapi tidak dapat direalisasikan atas

alasan-alasan teknikal dan saya memohon kerajaan negeri supaya perkara ini dijawab nanti dan dilaksanakan secepat mungkin agar selepas dua atau tiga tahun nanti apabila kita berdepan dengan rakyat jelata kita dapat menunjukkan kepada mereka bahawa janji-janji ini telah pun dilaksanakan termasuk dua janji terakhir yang terkandung dalam muka surat terakhir ini. Dan dengan ucapan-ucapan inilah saya memohon kerajaan, saya memohon untuk menyokong titah usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Sekinchan dan saya berharap kerajaan negeri dapat memberi satu maklum balas yang lengkap dan padat kepada dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER:Terima kasih Kg. Tunku, saya persilakan yang lain. Silakan yang lain. Silakan Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASAN: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya menyokong ucapan yang telah ditujukan atau pun disampaikan oleh Kg. Tuanku ada membahaskan titah ucapan Tuanku Sultan yang telah merasmikan Persidangan Yang Ke 3 Tahun 2015 semalam. Tuan Speaker, saya mengambil kesempatan ini untuk terus kepada menyatakan ucapan terima kasih di atas usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri Selangor dalam membentuk dasar perumahan negeri Selangor dengan menjenamakan projek perumahan sebagai rumah Selangor Ku. Kita amat yakin dengan program yang dilaksanakan ini akan mampu memberi peluang kepada rakyat negeri Selangor untuk memperolehi suasana atau pun memperoleh rumah yang selesa bagi kegunaan atau manfaat rakyat negeri Selangor. Tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada kerajaan negeri Selangor kerana telah pun menunjukkan keupayaan untuk membina rumah ini semampu, sebanyak mungkin bagi memenuhi keperluan yang ada. Satu masalah, masalah yang perlu diambil perhatian oleh kerajaan negeri Selangor dalam membantu gulungan rakyat negeri Selangor itu terutamanya dalam mereka untuk memiliki rumah sendiri. Gulungan ini perlu dibantu dengan menyediakan dana khas perumahan supaya mereka ini mampu untuk memiliki. Kita difahamkan kerajaan negeri Selangor ketika ini telah pun mempunyai dana sebanyak sepuluh juta ringgit bagi membantu kerajaan negeri Selangor untuk memiliki rumah mampu milik ini. Sungguh pun demikian, pada hemat Tanjung Sepat jumlah ini tidak mencukupi kerana kebanyakan daripada generasi muda rakyat negeri Selangor khususnya ketika ini berpendapatan kurang atau pun tidak cukup dan lima ribu ringgit satu isi rumah. Oleh sebab itu saya memohon supaya kerajaan negeri menambah peruntukkan atau pun dana ini untuk menjadikan agar rakyat di Selangor ini lebih ke hadapan dalam memiliki rumah yang disediakan oleh kerajaan negeri atau pun pemaju-pemaju swasta yang lain. Kita difahamkan kerajaan negeri Selangor telah menyediakan beberapa projek atau pun telah melaksanakan beberapa projek dan sehingga kini lebih daripada lima belas ribu unit rumah mampu milik yang mungkin akan diselesaikan atau pun dapat dimiliki oleh kerajaan oleh rakyat negeri Selangor. Selain daripada itu masalah reka bentuk yang perlu diambil perhatian kerana kebanyakan rakyat negeri Selangor ini yang terutamanya rakyat

Melayu atau pun masyarakat desa yang tidak berminat dengan reka bentuk rumah pangsa dan ini hendak ambil perhatian oleh kerajaan negeri Selangor supaya rakyat yang mengharap mereka ini memiliki rumah agar mereka ini juga diberi pendapat mereka akan diberi perhatian supaya reka bentuk itu bukan sahaja disediakan oleh kerajaan negeri dalam bentuk rumah pangsa tetapi adalah dalam bentuk rumah yang mempunyai halaman atau pun *landed house*. Bagi mengatasi masalah ini saya mencadangkan supaya kerajaan negeri menyediakan satu program khas iaitu untuk melakukan program-program pembesaran kampung dengan menyediakan lot-lot perumahan yang mempunyai infrastruktur yang tersusun dan rapi supaya ianya dapat diberikan kepada golongan yang tidak berminat untuk memiliki rumah pangsa atau pun rumah-rumah yang berada di kota-kota atau pun di bandar-bandar. Dengan ini saya yakin rakyat yang berpendapatan kurang daripada lima ribu ringgit sebulan mereka ini boleh memiliki tanah atau pun lot-lot perumahan ini dan akhirnya mereka akan berusaha untuk membina rumah kediaman masing-masing secara beransur-ansur. Tuan Speaker. Lanjutan daripada harapan saya ingin menyokong atau pun ingin nyatakan daripada luahan atau pun harapan daripada Yang Berhormat Sabak dalam ucapannya untuk melihat agar pembangunan yang dilakukan di negeri Selangor ini tersusun atau pun merata di seluruh negeri Selangor. Kita tidak mahu pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan hanya tertumpu di kawasan-kawasan bandar, di kawasan-kawasan yang sudah pesat membangun. Kita mahukan supaya rakyat-rakyat yang berada di kawasan-kawasan pedalaman, kawasan-kawasan utara dan juga selatan negeri Selangor ini juga merasai nikmat pembangunan yang sama rata yang dinikmati oleh mereka yang berada di pekan atau pun di bandar-bandar. Maka sebab itu beberapa program pembangunan seperti perumahan dan juga aktiviti-aktiviti ekonomi di kawasan utara dan juga selatan mestilah dilaksanakan oleh kerajaan negeri. Oleh sebab itu saya mencadangkan di dewan yang mulia ini agar kerajaan negeri melaksanakan satu program *master plan* atau pun perancangan induk yang tersusun bagi membantu pertumbuhan ekonomi dan pembangunan di kawasan sebelah utara yang merangkumi Sabak Bernam, Kuala Selangor dan beberapa kawasan lagi serta termasuk juga di kawasan selatan Kuala Langat dan juga Sepang. Saya yakin...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Tanjung Sepat, minta duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jam sudah menunjukkan jam 4.30 petang maka dewan ditangguhkan sehingga ke hari esok 01 April 2015 bermula jam 10 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan jam 4.30 petang)